

Bil. 83

**Selasa
16 Disember 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Majlis Bertindak Ekonomi Negara - Penubuhan
- *Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)* (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1997 (Ruangan 3)

Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti
(Depositori Pusat) (Pindaan) 1997 (Ruangan 50)

Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1997 (Ruangan 57)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Ruangan 41)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr.
Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K.,
S.P.C.M., S.S.M.T., D.UN.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri
Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M.,
S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik,
S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak
Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri
Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji
Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S, J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M.,
D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji
Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P.,
S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J.,
S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S.,
K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato'
Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S.
(Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P.,
D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar
bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S.,
D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Raisay bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

Yang Berhormat Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K., P.S.D.
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Haji Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT**

Selasa, 16 Disember 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**D O A**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Mesyuarat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18****Majlis Bertindak Ekonomi Negara - Penubuhan****2.33 ptg.**

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan 18 untuk mengusulkan berikut:

Bahawa Dewan ini membenarkan Ketua Pembangkang merangkap Ahli Parlimen Tanjong, Lim Kit Siang untuk menangguhkan Dewan dan membincangkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan mengenai keperluan kerajaan menimbang semula cadangan untuk menubuhkan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (MBEN) serta cara paling berkesan untuk menangani krisis ekonomi negara yang telah berlanjutan selama lima bulan ini atas sebab-sebab berikut.

Lebih kurang empat minggu telah lepas sejak pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad berikutan mesyuarat tergepar Majlis Tertinggi UMNO pada 20 November bahawa kerajaan akan menubuhkan satu Majlis Bertindak Ekonomi Negara (MBEN) untuk menangani krisis ekonomi dan menyelamatkan ekonomi negara kita yang mengalami masalah susutan nilai Ringgit serta kejatuhan pasaran saham. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Majlis ini yang mana akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri akan memiliki kuasa darurat sungguhpun pengisytiharan darurat belum dibuat. Rakyat Malaysia merasa sungguh hairan kerana selepas empat minggu pengumuman tersebut dibuat, MBEN belum lagi ditubuhkan. Sementara dalam tempoh ini nilai Ringgit telah jatuh dari RM3.50 ke RM3.8150 berbanding US\$1 dan pernah seketika mencapai tahap RM3.8650 berbanding US\$1 sungguhpun hari ini ialah RM3.9150 lebih rendah. Bursa Saham Kuala Lumpur juga jatuh mendadak membangkitkan persoalan sama ada kerajaan memang serius tentang masalah krisis ekonomi negara.

Belum juga dijelaskan dengan sepenuhnya sama ada MBEN ini akan memiliki kuasa eksekutif ataupun hanya berfungsi sebagai penasihat. Sekiranya ia memiliki kuasa eksekutif, maka ia akan menggantikan jemaah menteri atau sekurang-kurangnya setaraf dengan jemaah menteri yang tidak wajar dari segi Perlembagaan melainkan darurat diumumkan di mana fungsi rasmi jemaah menteri digantung. Sekiranya fungsinya hanya bersifat penasihat, maka MBEN harus dinamakan semula sebagai Majlis Penasihat Ekonomi Negara. Kini MBEN seakan-akan sebuah badan kacukan (hybrid) di mana ia memiliki kuasa eksekutif jemaah menteri sungguhpun ia perlu melaporkan dari masa ke semasa kepada jemaah menteri mengenai langkah-langkah yang telah diambilnya dalam usaha menangani krisis ekonomi negara.

Jelas sekali jemaah menteri telah gagal dalam tanggungjawab mereka sebagai pemimpin negara sehinggakan sebuah badan yang berasingan perlu dibentuk untuk berkongsi malah menggantikan tugas dan tanggungjawab jemaah menteri. Nampaknya masa telah tiba untuk melakukan rombakan semula Kabinet secara besar-besaran supaya orang baru dapat dimasukkan ke dalam Kabinet dan menggantikan beberapa orang menteri yang nampaknya tidak lagi berupaya memikul tanggungjawab dalam dunia yang berubah dengan pantas hasil dari kemajuan teknologi maklumat serta globalisasi ini. Kerajaan harus menimbang semula konsep MBEN ini supaya tidak menjejaskan prinsip tanggungjawab jemaah menteri dan demokrasi berparlimen.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus menggantikan cadangan untuk menubuhkan satu badan kacukan seperti MBEN dengan melakukan rombakan Kabinet secara besar-besaran untuk menggantikan menteri-menteri yang tidak lagi dapat berfungsi dengan efisien dan dibentuk satu jemaah menteri krisis ekonomi negara di mana teknokrat dan pakar-pakar menjadi ahli jemaah menteri dan berpandukan kepakaran serta pengetahuan mereka menangani krisis ekonomi negara dengan berkesan dan paling penting sekali mendapat keyakinan orang ramai tentang integriti, kebolehan serta dedikasi mereka.

Rakyat Malaysia yang mempercayai sepenuhnya kata-kata kerajaan dan menjadi mangsa sindrom penafian sama ada dengan mempercayai bahawa negara kita tidak terjejas oleh krisis ekonomi ataupun bahawa punca krisis ekonomi ini hanya kuasa-kuasa dan faktor-faktor luaran tanpa menyedari fakta-fakta yang muncul dalam tempoh lima bulan krisis kewangan dan ekonomi ini, misalnya:

- (i) dengan menggunakan formula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri atas asas pendapatan berkapita sebanyak US\$5,000 di Malaysia selepas susut nilai 52.6% di mana kadar pertukaran menjadi US\$1 sama RM3.8150 ialah semalam, bererti kerugian US\$2,630 untuk setiap rakyat Malaysia dengan jumlah populasi 20 juta di negara kita, jumlah kerugian yang terlibat hasil dari susut nilai Ringgit akan berjumlah sebanyak US\$52.6 bilion atau bersamaan dengan RM200 bilion;
- (ii) pada 4 Disember 1997, Bursa Saham Kuala Lumpur telah mengalami kerugian RM414 bilion dalam krisis pasaran saham berbanding dengan akhir tahun 1996 dan Indeks Komposit BSKL telah jatuh sebanyak 60%;
- (iii) kerugian hasil dari susut nilai mata wang serta kejatuhan pasaran saham ini telah berjumlah setinggi RM614 bilion; dan
- (iv) kekhuatiran terhadap kemerosotan yang dijangka berlaku ke atas pasaran hartanah dan kekukuhan sektor-sektor perbankan dan kewangan.

Krisis ekonomi negara selama lima bulan ini telah menunjukkan bahawa kerajaan tidak tahu apakah yang baik untuk rakyat dan ia harus bersikap lebih rendah diri, demokratik, bertanggungjawab dan berketelusan dan melibatkan tenaga serta kecerdikan rakyat Malaysia dalam kempen kebangsaan untuk memulihkan ekonomi negara. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Tanjong pada 15 Disember 1997, jam 12.50 tengah hari. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Walau bagaimanapun, pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Perkara yang sama telah dibincang dan dibahaskan berkali-kali di dalam mesyuarat ini, istimewanya di dalam perbincangan perbelanjaan negara dan selepas dari itu juga.

Selain dari itu, kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah untuk mengatasi krisis ekonomi ini. Pada 5 dan 8 Disember 1997, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah mengumumkan beberapa langkah yang akan diambil dan membentangkan pelbagai langkah penyusunan semula belanjawan negara bagi tahun 1998 dan untuk menangani krisis ekonomi, ketua-ketua kerajaan sedang berkumpul di negara ini. Mereka juga membincangkan cara-cara untuk memulihkan ekonomi negara masing-masing.

Penubuhan MTEN pun adalah salah satu daripada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menangani krisis ekonomi. Badan ini baru sahaja ditubuhkan, berilah masa untuknya menjalankan ikhtiarnya untuk menghadapi masalah ini. Krisis ini adalah amat rumit dan bukannya boleh dibahaskan dalam masa satu jam seperti yang disyaratkan di dalam Peraturan Mesyuarat ini. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini. *[Tepuk]*

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". *[15 Disember 1997]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Teluk Intan sila sambung.

2.46 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Speaker. Semalam bila saya menyentuh mengenai rang undang-undang ini saya telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa perlulah mengkaji balik mengenai membenarkan hakim-hakim yang ingin meletakkan jawatan dibenarkan sedemikian dengan tidak hilang apa-apa benefit yang tertentu kerana saya difahamkan ada beberapa hakim yang telah berkhidmat lebih 10 tahun, 20 tahun yang ingin menukar jurusan mereka pada ketika sekarang tetapi tidak dapat kerana terikat dengan undang-undang yang sedia ada.

Selain dari itu, Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh mengenai hakim-hakim yang dilantik.....

Tuan R. Karpal Singh: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Saya mahu dapat penjelasan daripada rakan saya dari Teluk Intan. Adakah benar seorang hakim, Dato' Visu Sinnadurai, ada dijangka

untuk ditukar ke Tawau mulai daripada 1 Disember tetapi beliau enggan pergi dan oleh itu ada letak jawatan. Adakah itu benar? Jika benar, apa punca dia letak jawatan sekarang ini?

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Yang Berhormat dari Jelutong. Perkara ini telah pun ramai peguam dengar, saya harap satu pengesahan dapat dibuat oleh pihak yang berkenaan pada hari ini.

Seperti yang saya kata sebelum ini, Tuan Speaker, saya ingin menyentuh mengenai perlantikan hakim-hakim di negara ini. Dengan kebenaran, saya ingin baca ini dalam bahasa Inggeris yang mengatakan seperti ini:

'Judges do not have an easy job, they repeatedly do what the rest of us seek to avoid - make decisions. They carry out this function in public. Judges have considerable power to make and apply the law. They are not elected to office by the people whom they govern in their respect. Other than in a very exceptional circumstances, judges are not required to leave office until they reach the retirement age. If it would not result in an unacceptable diminution, in the quality of our judges, basic principle of a representative government suggest that the judiciary should seize to reflect the values, background and interest of so narrow a slice of society.'

'One important way to encourage respect for the law is to show those whose behaviour it regulate that the law is made by those whom it binds, not by a remote group whose attitude and ideals are foreign to those of ordinary people. The judiciary can claim many virtues but it cannot pretend to be a representative of the populace. A broadening of the judicial base would do much to strengthen the rule of law.'

Tuan Speaker, apa yang saya telah sentuh ialah mengenai hakim-hakim yang dilantik oleh satu badan di Malaysia, kononnya dilantik atas advice Perdana Menteri. Tetapi walaupun kerajaan kita kerap kali mengatakan bahawa Malaysia adalah satu kerajaan yang ikut polisi transparency dan accountability, akan tetapi bila seseorang hakim dilantik tidak ada satu mekanisme dari mana kita dapat pastikan apakah cara mereka dilantik dan apakah sebab-sebab tertentu seseorang hakim itu dilantik. Kerap kali hakim-hakim yang telah dilantik ada yang berkoneksi dengan politik ataupun ada yang sebelum ini telah menceburkan diri dalam arena politik atau ada kena-mengena dengan pihak-pihak yang tertentu. Dalam masalah ini, Majlis Peguam Malaysia telah memohon secara open supaya satu mekanisme bebas patut diperuntukkan di negara ini supaya hakim-hakim dapat dilantik secara terbuka.

Dalam hal ini, Tuan Speaker, saya ingin menyentuh mengenai apa yang telah dicadangkan oleh American Judicature Society. Dengan izin, saya baca, yang ternyata di sini ialah:

'Merit selection is a way of choosing judges that uses a non-partisan commission of lawyer and non-lawyer to locate, recruit, investigate and evaluate the applicants for the judgeship. The commission then submit the names of the most highly qualified applicant, usually three, to the appointing authority to appoint and this is very transparent.'

Tetapi dalam negara ini, ini tidaklah sedemikian. Yang kita tahu adalah satu syarat sahaja, iaitu hanya hakim yang telah berkhidmat tidak kurang dari 10 tahun pengalaman, boleh dilantik untuk menjadi hakim di Mahkamah Tinggi. Dalam keadaan ini, saya syorkan merit system dan sistem yang telah dicadangkan di England, satu commission di'set-up'kan supaya hakim-hakim dapat dilantik supaya lebih transparency adalah involve dalam perkara ini.

Selain dari itu, saya juga ingin menyentuh mengenai.....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, timbalan menteri bangun.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya minta penjelasan. Yang Berhormat sebut ada satu commission dilantik di United Kingdom. Boleh saya tahu siapa yang melantik commission itu, adakah ia dipilih oleh rakyat ataupun kerajaan juga yang melantik commission itu?

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih. Saya difahamkan bahawa ada satu cadangan yang telah dibuat oleh Royal Commission untuk perlantikan beberapa Queen Council, bukan seperti yang ada di negara kita sekarang di mana tiba-tiba kita dapat tahu Mr. A telah dilantik sebagai hakim, tetapi lebih transparent di mana mungkin tiga ke empat.....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya faham, saya cuma hendak tanya commission yang 'on merit system', commission yang hendak memilih hakim itu siapa yang lantik duduk dalam commission itu? Adakah dia bertanding duduk dalam commission ataupun kerajaan juga menerusi Queen melantik ahli-ahli commission itu?

Tuan M. Kulasegaran: Oh, ahli-ahli commission?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan M. Kulasegaran: Setengah daripada itu adalah dari kerajaan dan setengah itu dari sektor private seperti NGO dan sebagainya.

Tuan Speaker, pertengkaran krisis di antara Majlis Peguam dan hakim-hakim yang begitu kuat pada tahun 1984 telah tidak menjadi masalah lagi di antara mereka pada masa sekarang. Juga persaudaraan di antara kedua-dua badan tersebut jelas dilihat apabila pada 4 Oktober 1997 hakim-hakim dan peguam-peguam telah hadir untuk merasmikan 50 Tahun Kewujudan Majlis Peguam di negara ini. Ini patut disanjung tinggi dan perjumpaan semacam ini patut digalakkan.

Saya juga ingin mengesyorkan bahawa Peguam Negara patut melibatkan diri dalam perjumpaan semacam ini walaupun kerap kali oleh kerana kewajipan Majlis Peguam terpaksa membuat kritik-kritik terhadap Peguam Negara atas pengendalian tugasnya. Pengerusi Majlis Peguam, Dr. Cyrus Das telah berkata dengan tepatnya mengenai kedua-dua badan ini bila beliau berkata, '*An independent legal profession and independent judiciary are synonymous as one could not exist without the other*', dengan izin. Kerajaan perlu dalam keadaan ini untuk mengambil lebih inisiatif dan mengarahkan Peguam Negara lebih terlibat dalam hal-hal yang kena-mengena dengan Majlis Peguam dan peguam-peguam dalam negara ini.

Tuan Speaker, selain dari itu, saya juga ingin menyentuh mengenai Information Technology dan hakim-hakim di negara ini. Walaupun kerajaan telah mengatakan bahawa Information Technology, Internet dan sebagainya patut digalakkan kepada semua orang di negara ini, akan tetapi satu golongan masyarakat iaitu hakim-hakim nampaknya jauh dan tidak ada banyak kena-mengena dengan Information Technology. Saya difahamkan, mungkin Timbalan Menteri lebih tahu, pada tahun 1987 satu perjumpaan telah diadakan di antara IBM dari Amerika (US) dan hakim-hakim di negara ini supaya kita akan mewujudkan satu paperless society di mana semua perkara seperti memfailkan saman-saman dapat diteruskan melalui komputer, tetapi sayangnya bila perbincangan yang dibuat pada tahun 1987 di antara Tun Saleh Abas, Lord President pada masa itu, dan IBM dan hakim-hakim yang terlibat, tetapi perkara ini tidak dilanjutkan.

Kita sudah lebih 11 tahun selepas itu dan kami di Malaysia masih dalam proses yang sama sahaja, tidak ada apa-apa improvement, dengan izin. Tetapi saya

akan bersetuju bahawa di mahkamah-mahkamah bila kita kata computerisation, computerisation telah mula tetapi mula setakat mengeluarkan resit bila membayar saman, selain dari itu saya tidak nampak apa-apa computerisation, fail-fail tidak dicomputerised, mekanisme-mekanisme belum lagi wujud, tidak ada apa-apa perkara di mana ajaran-ajaran atau kelas-kelas bimbingan diberi kepada hakim-hakim supaya mereka bukan sahaja mendapat katakana laptop atau notebook atau computer yang saya difahamkan kebanyakan yang telah dapat menjadi satu decorative sahaja dalam kamar mereka, dengan izin. Saya difahamkan ramai hakim tidak tahu menggunakannya dan tidak ada apa-apa polisi yang dapat memastikan mereka ini adalah dalam arena Information Technology sekarang.

Tuan Speaker, saya harap hakim-hakim di negara ini tidak tertinggal dalam Information Technology bahkan mereka mesti kena-mengena lebih oleh kerana mereka sepatutnya lebih arif dalam perkara ini, lebih-lebih lagi kerana banyak kes computer fraud dan sebagainya akan dan telah pun mereka mengendalikan dan apakah lagi mereka tidak tahu atau tidak kena-mengena atau tidak mahu tahu. Apakah cadangan kerajaan supaya Information Technology ini akan dilaksanakan dengan seratus peratus di semua tingkat Kementerian Kehakiman terutama sekali Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Hakim-hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret-majistret di negara ini.

Tuan Speaker, saya pun hairan hingga hari ini tidak ada satu Internet site untuk penghakiman di negara ini. Saya ingin beritahu dari segi di Amerika, Internet site, dengan izin, *'provide access to variety of judiciary publication and general court information registering more than 10,000 hits a month. In addition, all federal appellate court, slip opinions are being collected by consortium of law schools and provided free of charge to the public through each school Internet website'*. Akan tetapi perkara ini tidak langsung terjadi di negara ini.

Saya harap kita tidak akan tertinggal dalam Information Technology dan saya juga harap orang ramai tidak perlu pergi lagi ke mahkamah untuk mendapat maklumat-maklumat yang mereka boleh dapat dari rumah kalau mereka akses terus ke homepage. Seperti yang dikatakan dalam artikel ini, *'Technological Increases Public Access to Federal Court'*. Dengan izin, saya ingin baca:

'This public access programme meet the need of judiciaries customers from those who may only be able to come into the office or call on the phone to those corporate entities with access online data bases to gain information without diverting court staff time from other service responsibility'.

Ini telah dibahaskan oleh Hakim Lambert di Kongres baru-baru ini.

Tuan Speaker, selain dari itu, saya ingin juga mengatakan mengenai information technology tentang teguran-teguran yang telah dibuat oleh Judge Lambert ini. Selain dari ini, beliau juga telah mengatakan begini, dengan izin:

'The judiciary is committed not only to making all processes work better but also to creating new ways of working that are more productive, efficient and effective. These improvement will enable the judiciary to deliver to the public better service at a lower cost'.

Jadi, Tuan Speaker, dengan ini telah menunjukkan bahawa hakim-hakim di negara ini, dengan izin, cannot be a luff from the rail, tight of chains, that is necessary.

Tuan Speaker, walaupun ada beberapa fungsi baru yang telah wujud mengenai kehakiman di seluruh dunia, akan tetapi perkara ini tidak diprihatinkan di negara ini. Di antara perkara yang saya ingin katakan adalah information technology in the courts, court computer system, court room technology, electronic filing and video conferencing. Ramai peguam di negara ini yang telah belajar dan berkhidmat di luar negeri tahu bahawa video conferencing ini akan menjimatkan banyak masa hingga peguam-peguam tidak perlu lagi pergi ke mahkamah tetapi boleh berada di pejabat dan

membuat hujah-hujah yang perlu supaya hakim-hakim dapat mengambil tindakan yang seterusnya. Ini akan menjimatkan bukan sahaja wang tetapi masa dan sebagainya.

Tuan Speaker, selain dari itu, saya juga ingin mengatakan bahawa kerajaan tidak boleh lari dari kewajipan mereka untuk melabur beribu-ribu juta ringgit dalam hal ini.

Sebelum saya habis, saya hanya ingin katakan, dengan izin, '*that sensible investment in appropriate technology is fundamental to the future of our judicial system*'. Itu adalah pandangan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kuala Pilah.

3.04 ptg.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang melibatkan sama untuk berhujah dalam rang undang-undang Akta Saraan Hakim 1971.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini sebagaimana yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini hanya bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta Saraan Hakim 1971 supaya Pekeliling dan Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1996 dijadikan terpakai bagi hakim-hakim.

Tuan Yang di-Pertua, apa sahaja yang perlu kita lakukan untuk dijadikan undang-undang inilah tempatnya kita berbahas dan membincangkan sebelum diperakui. Sungguhpun pindaan ini kecil, izinkan saya memberi beberapa pandangan untuk sama-sama kita menghayati untuk mewujudkan satu badan penghakiman yang betul-betul berwibawa dan bertanggungjawab demi untuk kepentingan dan keadilan masyarakat sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi prinsipnya demi untuk meminda seksyen ini untuk kebaikan dan perubahan kepada saraan ataupun gaji kepada hakim-hakim, saya menyokong. Di samping itu, harapan Dewan yang mulia ini dan juga masyarakat sejagat terhadap hakim-hakim sangatlah tinggi. Yang penting kita hendak lihat ialah kualiti hakim-hakim yang ada kerana perkataan definisi 'hakim' itu memberi satu makna bahawa badan penghakiman ini adalah satu badan yang tertinggi sekali, badan yang di mana seluruh rakyat, seluruh masyarakat bernaung dan mengharapkan keadilan supaya, dengan izin, justice must not to say be done but must be seen to be done.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti hakim-hakim, saya percaya kerajaan dan pihak-pihak yang bertanggungjawab telah pun menjalankan sebaik mungkin untuk mewujudkan hakim yang baik tetapi dalam mana sahaja sesuatu organisasi, dalam mana sahaja badan, kesilapan kita sebagai manusia tidak boleh kita nafikan. Justeru itu, dalam konteks kualiti hakim-hakim ini saya ingin menyarankan supaya perlantikan hakim-hakim mengikut Perlembagaan memang tercatat yang mana Ketua Hakim Negara dengan mendapat nasihat pihak tertentu kerajaan akan menyuarakan kepada Yang di-Pertuan Agong di mana perlantikan seseorang hakim itu adalah dipersetujui oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya ingin menyatakan di sini dari segi realitinya perlantikan seseorang hakim itu, satu, daripada kategori atau kumpulan pegawai-pegawai yang mengamalkan badan penghakiman, daripada senior federal counsel dan sebagainya, maknanya yang berkhidmat dalam kerajaan di mana saya percaya kumpulan ini memang dapat diakses ataupun dikaji, dinilai oleh pihak-pihak yang berkenaan. Satu kumpulan lagi yang mana ada keterbukaannya adalah di dalam kategori kumpulan yang dipilih daripada golongan ahli-ahli peguam, maknanya peguam-peguam yang telah mengamalkan guaman ataupun practice, dengan izin, yang begitu lama, yang berpengalaman, yang berkelayakan tinggi, maka kumpulan ini saya hendak sentuh sedikit, hendak memberi sedikit sebanyak komen tentang ini.

Sungguhpun dari segi prinsipnya semua nama itu akan dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong, tetapi daripada kumpulan peguam-peguam ini saya menyarankan supaya sebelum nama-nama ini diangkat kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, apalah salahnya kalau boleh pihak-pihak yang bertanggungjawab ini merujuk dan meminta pandangan Majlis Peguam Malaysia [*Tepuk*] kerana.....ha, sahabat saya yang tepuk tangan itu bukanlah maknanya saya hendak sokongan, tidak, ini kenyataan yang sebenarnya, kerana di kalangan peguam-peguam ini kita tidak mahu ada kumpulan yang pandai, minta maaf, dengan izin, 'ampuism' ini, maka dia dapat jadi hakim. Kita tidak tahu apa kelemahan-kelemahan mereka. Maka wajarlah badan peguam Malaysia ini yang tahu segala tindak-tanduk kebolehan hakim-hakim atau kebolehan peguam-peguam kadangkala tabiat yang tak senonoh, ho-ha sana sini dapat jadi hakim, bila sudah jadi hakim, susah dibuatnya. Oleh itu, dengan izin, we don't want to see a mockery whereby a person doesn't deserve to be hakim, become a hakim'. That is what I mean.

Justeru itu, saya minta supaya sungguhpun kalau dahulu apabila disebut Majlis Peguam ini, tadi ada saya dengar mengatakan bahawa.....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Timbalan Menteri bangun.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Silakan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak tanya sedikit, Majlis Peguam tidak ada politik sesama diakah? [*Ketawa*]

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahulah sebut politik di sini. Apa yang saya sebut ini dari segi apa yang saya fikir baik. Dalam Majlis Peguam ini banyak politik, semua tahu dan saya tidak menyokong juga kerana saya tahu perjalanan Majlis Peguam ini, saya pun ahli Majlis Peguam. Pernah satu ketika dahulu, dengan izin, mendiang Karam Singh, kerana seorang dua peguam yang tidak senonoh ini, tidak semestinya semua Majlis Peguam ini patut kita dera dan kita pandang sebelah.

Saya hendak beritahu bahawa Majlis Peguam saya tahu bukanlah kerana seorang kepimpinan Majlis Peguam itu tidak senonoh, maka seluruh Majlis Peguam patut kita pandang ringan. Yang saya maksudkan tadi, dalam Majlis Peguam ini maknanya apalah salahnya kalau kita minta pandangan tetapi kuasa mutlak, kuasa pemutus di tangan kita. Maknanya kalau kita tidak mahu juga, kadangkala dari segi harian, peguam-peguam maklum sahajalah ramai dan saya hendakkan dari segi prinsipnya bahawa setiap hakim yang telah dilantik menjadi hakim mempunyai perwatakan, kewibawaan dan perangai sebagai hakim yang politiknya tidak ada bersikap prejudis, prasangka dan diskriminasi.

Itu sebabnya kalau kita tidak membuat satu kawalseliaan yang betul-betul jitu, maka kita mempunyai hakim yang tidak senonoh. Ini tujuan saya tadi. Saya mengakui bahawa Majlis Peguam pun banyak penyangak juga kerana yang tidak patut dia menggunakan platform itu untuk kepentingan politik. Saya tidak bersetuju sama sekali kepada kumpulan kategori itu.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perlantikan tadi saya sudah sebut dan seterusnya mencadangkan supaya pihak berkuasa yang bertanggungjawab supaya sebelum perlantikan seseorang hakim itu dibuat wajarlah hanya kepada kumpulan kategori yang daripada Majlis Peguam.

Seterusnya mengenai kedudukan Majlis Peguam ini. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu sejarah hitam di mana apabila peristiwa perlantikan Ketua Hakim Negara menjadi isu satu ketika dahulu cukup hebat hingga menyebabkan stigmanya berlarutan, tetapi kita mesti pandang positif, kita mesti pandang proaktif ke hadapan, tidak semestinya kita bersifat sebagai sesuatu yang selalunya terlalu emosi dan sentimen

kerana perubahan telah jelas sekali kelihatan sekarang ini bergantungnya, saya sebut tadi, kepimpinan seseorang itu. Kalau sekiranya Majlis Peguam dipimpin oleh seorang yang bersikap negatif, maka boleh menjejaskan ataupun mencemarkan nama baik Majlis Peguam tersebut. Perubahan ini nampaknya telah ketara dan syukur alhamdulillah, saya mengucapkan syabas kepada semua pihak mewujudkan suatu suasana yang harmonis, suasana yang baik demi untuk mewujudkan satu badan penghakiman sama ada di peringkat peguamnya ataupun badan penghakimannya. Rapport, dengan izin, satu keadaan yang harmonis, satu kerjasama yang rapat untuk mewujudkan satu tujuan ataupun tanggungjawab, mewujudkan keadilan yang betul-betul boleh diterima dan dipakai oleh semua lapisan masyarakat.

Dalam konteks ini, saya mencadangkan supaya perjumpaan secara tidak rasmi ataupun mengadakan beberapa acara mempereratkan silaturahim di antara badan penghakiman dan Majlis Peguam (Bar Council) perlu diadakan lebih kerap lagi. Dengan adanya perhubungan rapat yang begini rupa, secara tidak langsung akan mewujudkan satu persefahaman yang baik, yang lebih harmoni demi untuk memperbaiki lagi mutu badan penghakiman di negara ini. Kita tidak mahu kerana seekor kerbau punya pasal, semuanya terpalit ataupun kerana setitik nila, rosak susu sebelanga.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap sikap dan perangai seseorang hakim walau dia seorang Ketua Hakim Negara, sama ada dia hakim Federal, walaupun hakim Mahkamah Tinggi, kita tidak boleh lupa bahawa mereka ini masih juga seorang manusia dan tidak boleh lari setiap manusia itu ada kelemahan dan sebagainya. Saya tidak mahu melihat ada hakim yang begitu egois, begitu sombong dan bongkak apabila duduk di atas. Saya rasa sudah sepatutnyalah sebagai seorang hakim mempunyai kewibawaan yang betul-betul bernilai dan bermoral tinggi dan mempunyai kata-kata yang bernas, ketegasan dan juga ada ciri-ciri sebagai seorang yang betul-betul bertanggungjawab, bertimbang rasa dan sebagainya.

Saya pernah dengar kawan-kawan dalam.....

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Teluk Intan minta jalan, hendak beri?

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Speaker. Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai apa yang telah dikatakan baru-baru ini pada hari Sabtu oleh seorang hakim di satu seminar di Majlis Peguam di mana beliau telah menyentuh mengatakan, dengan izin, *'Judges should not be rude to lawyers in open court'*. Apakah pandangan Yang Berhormat, lebih-lebih lagi baru-baru ini di Ipoh di mana seorang hakim telah meminta maaf kepada seorang peguam bila beliau sendiri telah mengatakan tersilap menggunakan perkataan bahawa peguam itu adalah satu akta dan hakim ini adalah yang telah menghantar dua peguam sebelum ini ke penjara. Terima kasih.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu perkara ini dijadikan satu forum di sini. Tetapi sebagai jawapan kepada Yang Berhormat tadi, sebagai umumnya saya nyatakan di sini tiap-tiap seorang hakim itu mestilah mempunyai satu kewibawaan, satu perangai yang baik dan tidak mempunyai prasangka, prejudis dan diskriminasi. Saya tidak kira siapa sekalipun, tetapi kalau dia memegang jawatan itu mesti menampakkan beliau seorang yang betul-betul boleh dihormati.

Saya hendak teruskan. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ataupun kerap kali juga kita dengar di peringkat bawahan, bukan di peringkat hakim-hakim tetapi peringkat Session Court ataupun Magistrate Court, ini termasuk juga dari segi badan penghakiman, saya minta hakim-hakim yang berjawatan tinggi menasihatkan pegawai-pegawai di peringkat bawahan menjalankan badan kehakiman ini seperti di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret supaya apabila membuat sesuatu penghakiman itu

mestilah menampakkan tidak ada sesuatu yang boleh dipertikaikan. Contohnya, baru-baru ini kita dengar bahawa adanya dua orang bapa ayam telah pun didakwa dan telah diberi denda dan juga satu hari penjara, denda pun lebih kurang RM3,000. Dalam perkara ini kita mengetahui dan kita mengakui bahawa budi bicara (discretion) ini adalah terletak kepada pihak seseorang hakim itu. Tetapi dalam kes-kes, di sini saya minta supaya janganlah menampakkan adanya seolah-olah yang boleh diragui oleh rakyat, sepertimana dibangkitkan oleh Biro MCA baru-baru ini dalam kes dua pimp itu. Di sini.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada sahabat saya, adakah umpamanya amalan-amalan seperti ini yang menimbulkan desas-desus di kalangan setengah golongan rakyat mengatakan bahawa ada elemen-elemen penyelewengan ataupun elemen-elemen rasuah di dalam badan penghakiman negara yang saya rasa perlu disiasat oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya dari Parit Sulong. Sebagai manusia biasa, sepertimana saya katakan awal-awal tadi, sama ada dia Hakim, Majistret atau President of the Session Court bergantung kepada integriti seseorang itu. Andainya beliau menjalankan tanggungjawab sebagai hakim dan membuat penghakiman yang menampakkan boleh diragui, ini boleh dianggap sesuatu yang boleh menimbulkan kurang kepercayaan rakyat. Maka justeru itu, pihak-pihak yang mahu menjalankan tanggungjawab menghakim ini mestilah betul-betul bertanggungjawab sepertimana definisi badan penghakiman dalam al-Quran umpamanya, walau kita menjalankan sesuatu penghakiman itu hendaklah ditentukan supaya walaupun adik-beradik kita, saudaramara kita, jangan menampakkan ada perbezaan ataupun diskriminasi. Andainya berlaku sesuatu sebagai contoh 'pimp' ini tadi, rakyat boleh menganggap sesuatu penyelewengan berlaku. Ini yang kita cuba hendak elakkan dan ketegasan itu mesti ada.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dalam kes Arulpragasam sebagai contoh yang lama kita bincang dalam Dewan yang mulia ini, akhirnya terpaksa Dewan ini juga mengambil bahagian. Ini menunjukkan bahawa hakim-hakim sendiri telah menampakkan tidak ada satu persefahaman sungguhpun setiap hakim berhak memberi pendapat masing-masing, tetapi kes Arulpragasam menampakkan satu kelemahan dalam badan penghakiman dan terpaksa kita membuat sesuatu di Dewan yang mulia ini untuk memberi maklum kepada mereka bahawa undang-undang itu hendaklah juga mengambil kira pandangan masyarakat sejagat.

Dan juga kes Ayer Molek contohnya. Saya tidak mahu pergi ke dalam kes itu tetapi penghakiman itu menampakkan sesuatu yang boleh dipertikaikan. Orang yang tidak tahu undang-undang pun kadang-kadang fikir seolah-olah apa telah terjadi kepada kes-kes itu. Justeru itu, soal kedudukan hakim, kita menyokong kalau sekiranya gajinya kurang pun patut ditambah, ayuh, teruskan, biar setimpal sebagaimana yang berlaku di negara Singapura contohnya. Tetapi apabila sudah dapat jawatan itu, tanggungjawab kepada sosialnya, kepada rakyat dan masyarakat sejagat jangan ada tolak ansurnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berbangkit dengan kenyataan sahabat saya dari Kuala Pilah, saya juga ingin bertanya adakah beliau sedar sekarang ini terdapat golongan peguam tertentu yang berlagak angkuh atau bragging, dengan izin. Dia cakap besar, sebelum kes dibawa ke mahkamah dia boleh kata dia mesti menang oleh kerana dia mendakwa dia mempunyai connection dengan mereka

yang duduk di bench dan sebagainya. Adakah ini juga boleh menimbulkan kekeliruan dan kita minta pihak kerajaan supaya menyasat perkara ini dan sekiranya betul, minta diperbaiki. Terima kasih.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam bidang penghakiman, pada hemat saya ada tiga pihak yang main peranan untuk menentukan adanya keadilan. Pertama, kalau dalam kes criminal ialah pihak pendakwa. Kedua, pihak pembela dan akhir sekali, pihak penghakiman. Andainya berlaku salah satu daripada tiga ini yang tidak menjalankan sebenarnya untuk melihat keadilan, keadilan tidak akan wujud. Justeru itu, kalau menjawab pandangan sahabat saya dari Parit Sulong, kalau pihak peguam bersikap tidak betul dan menyeleweng, tidak patut perkara ini berlaku. Ini kalau di mana-mana sekalipun menampakkan sekarang ini kita telah pun meluluskan bermacam-macam undang-undang, BPR diberi kuasa lebih, dari segi jenayahnya, undang-undang sudah cukup tetapi pelaksanaan dan juga penguatkuasaan untuk menentukan pihak-pihak yang tertentu itu mesti diambil tindakan andainya berlaku apa-apa bentuk kesalahan di mana-mana sahaja, tidak kira daripada peguamnya, daripada penghakiman dan sebagainya. Saya fikir ini mesti ada ketegasan.

Untuk melihat ketegasan ini, Tuan Yang di-Pertua, mesti datangnya daripada atas. Saya amat sedih mendengar dan dalam Dewan yang mulia ini saya hendak bercakap bahawa dalam surat khabar baru-baru ini yang mana Justice Tan Sri Anuar telah menampakkan adanya perasaan tidak puas hatinya, agaknya semua sudah baca. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku sekali. Ada juga sahabat-sahabat saya ramai sebagai hakim dan menampakkan dengar-dengar, tetapi saya harap tidak betullah perkara ini. Kalau betul, harap tolong betulkan perkara ini supaya jangan ada puak-puak, ada kem-kem pula dalam badan penghakiman. Bila dengar ini pun saya amat sedihlah. Di peringkat kita tidak mengapa, kalau dengar di peringkat bawah, apa hendak jadi? Kepimpinan seorang ketua di atas amat penting untuk menentukan anak-anak buahnya bersifat betul sebagaimana diharapkan oleh masyarakat. Kita tidak mahu mendengar.

Saya harap mintalah kalau ada sahabat saya bercakap nanti, agaknya dari Jelutong, janganlah terlalu emosi bahawa kita di Dewan yang mulia ini tidak mahu mendengar kepada pihak menghentam sahaja, kita mesti bersikap liberal, bertanggungjawab dan pragmatik. Janganlah bawa kes-kes yang menampakkan seolah-olah adanya pilih kasih, adanya pemilihan itu dari segi perkauman, jangan lupa. Dewan yang mulia ini tidak terkecuali kalau andainya kita melakukan sesuatu, mengeluarkan kata-kata yang berbentuk menghasut di bawah Seditious Act ataupun seditious tendency, dengan izin, we are not covered by Parliamentary privilege - kes Mark Koding, dalam kes ini saya tahu.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita bersama-sama memikirkan supaya badan penghakiman ini dianggotai, diwujudkan dan dipraktikkan oleh orang-orang yang betul-betul bertanggungjawab, berhemah tinggi, bermaruah, bermoral tinggi, supaya dapat kita sama-sama patuh kepada rule of law, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, point yang terakhir saya hendak bangkitkan ialah badan Majlis Peguam. Majlis Peguam, peguam-peguam mestilah sedar dan insaf sebagai pegawai badan perundangan, yang telah lulus perundangan mesti bertanggungjawab kepada masyarakat juga. Jangan sekali-kali gunakan badan Majlis Peguam untuk melepaskan geram yang tidak puas hati dari segi fikiran politiknya dan dianggap sebagai badan pembangkang. Tidak semua ahli peguam itu bersetuju, tetapi walau bagaimanapun, dari segi sistem demokrasi, ahli-ahli Dewan yang mulia ini pun tahu keanggotaan ahli Majlis Peguam.

Justeru itu saya mencadangkan supaya kerajaan memberi peluang kepada penuntut-penuntut ataupun siswazah-siswazah yang telah lulus undang-undang, dengan izin, qualified legal person, tanpa mengikuti kajian dalam kamar (reading in chambers) untuk boleh didaftarkan sebagai ahli Majlis Peguam kerana setakat ini dia tidak boleh,

kena mengikuti lebih kurang satu tahun buat kajian dalam kamar (reading in chambers) sebelum mereka itu diterima masuk sebagai ahli Majlis Peguam atau badan penghakiman untuk menjadi seorang peguam. Ini membolehkan kerana kita tidak mahu menampakkan sesuatu organisasi itu dimonopoli oleh satu-satu kumpulan sahaja. Kita mesti bertanggungjawab supaya bukan soal kuantiti, we are concern of the quality of our legal qualified person in this country, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Machang.

3.28 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan mengambil masa yang lama dan sebahagian besar daripada hujah-hujah saya telah diutarakan oleh rakan-rakan saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai memetik kata-kata ahli dari Teluk Intan bahawa kebebasan badan kehakiman dan kebebasan Majlis Peguam adalah satu perkara yang amat perlu dalam menjalankan sistem keadilan di negara ini. Oleh yang demikian, kita mengharapkan bahawa badan kehakiman itu mestilah bebas daripada sebarang pengaruh dalam membuat keputusannya dan kita mengharapkan bahawa kualiti hakim-hakim yang dilantik dalam negara ini untuk mentadbirkan badan kehakiman di negara ini mestilah baik, dari segi pengetahuan undang-undangnya adalah baik dan dari segi moralnya juga baik. Pada masa yang sama, kita mestilah mengharapkan bahawa mereka yang terlibat di dalam sistem kehakiman dan perundangan di negara ini juga mestilah mempunyai ciri-ciri yang sama.

Adalah tidak adil jika kita meletakkan tahap yang tinggi kepada hakim-hakim yang telah dilantik untuk menjalankan sistem kehakiman di negara ini. Walaupun di dalam beberapa keadaan ianya sangat perlu, tetapi pada masa yang sama, satu sistem lagi iaitu satu badan lain.

Pengamal undang-undang yang sepatutnya mempunyai ciri-ciri yang sama kita ketepikan, dengan kata lain, Tuan Yang di-Pertua, soal integriti, soal kebebasan bukan sahaja terletak kepada sistem atau badan kehakiman, tetapi badan-badan lain yang bertanggungjawab secara langsung ke atas sistem pentadbiran keadilan di negara ini juga harus digunakan darjah atau perkara yang sama.

Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat beberapa cadangan, oleh kerana sekarang kita lihat terlalu ramai peguam yang mendapat kelulusan sama ada di dalam negara atau di luar negara yang telah kembali dan sebahagian besarnya ialah melibatkan diri secara langsung di dalam proses perundangan, sama ada menjadi pegawai kerajaan, DPP, majistret, Hakim Mahkamah Sesyen dan sebagainya. Tetapi sebahagian besarnya melibatkan diri dengan menjadi peguam persendirian. Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jumlahnya yang begitu ramai sekarang, saya bimbang jika kualiti peguam-peguam ini tidak dapat dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya agak berbeza dengan pendapat rakan saya daripada Kuala Pilah. Jika Yang Berhormat dari Kuala Pilah mencadangkan supaya tempoh belajar dalam kamar itu ditiadakan, tetapi saya mempunyai pandangan yang berbeza iaitu tempoh dalam kamar itu pada saya mesti dilanjutkan. Sekarang ini 9 bulan, seseorang yang mendapat kelulusan sama ada daripada universiti tempatan. Untuk menjadi peguam mesti belajar dalam kamar selama 9 bulan, pada saya tempoh selama 9 bulan belajar dalam kamar ini adalah suatu tempoh yang singkat dan tidak dapat mendedahkan pelajar berkenaan kepada proses sistem perundangan itu secara menyeluruh, maktumlah mereka ini baru keluar daripada universiti dan tempoh yang ada sekarang pada saya adalah merupakan satu tempoh

yang singkat dan tidak mampu untuk mendedahkan mereka kepada keseluruhan proses perundangan yang berjalan di negara ini.

Saya sendiri pernah menerima beberapa orang penuntut di bawah saya, 5-6 orang yang sudah dipanggil sebagai peguam yang belajar dalam kamar bersama dengan saya. Saya tengok tempoh 9 bulan ini terlalu singkat. Adalah dicadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya tempoh ini dapat diperlanjatkan kepada 2 tahun, supaya tempoh reading in chambers ini dilanjutkan kepada tempoh 2 tahun supaya dalam tempoh berkenaan peguam-peguam yang baru ini dapat belajar dengan baik. Itu yang pertama.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat ini nampaknya peguam yang baiklah. Jadi, saya hendak bertanya masa Yang Berhormat membuat reading in chambers selama 9 bulankah atau lebih?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dalam kes saya agak berbeza Tuan Yang di-Pertua, sebab saya telah berkhidmat dengan kehakiman dan perundangan selama 7 tahun. Jadi, saya diberi pengecualian 6 bulan sahaja saya membuat reading in chambers. Itu berdasarkan pengalaman saya sebagai seorang majistret dan sebagainya. Tetapi yang saya maksudkan tadi ialah mereka yang baru keluar daripada universiti, tetapi kalau mereka itu telah berkhidmat dalam badan kehakiman misalannya beberapa tahun, itu boleh dipertimbangkan kerana berdasarkan pengalamannya seperti yang pernah saya perolehi itu di mana satu tempoh pengecualian yang agak lumayan diberikan, berdasarkan service saya kepada badan kehakiman selama 7 tahun pada masa itu. Tetapi yang saya maksudkan tadi ialah yang baru keluar daripada universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak sekarang trend peguam.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Machang. Dari pengalaman Yang Berhormat setelah 7 tahun berkhidmat diberi 6 bulan untuk membuat chambering, adakah Yang Berhormat ingin mencadang pula supaya sesiapa yang hendak berkhidmat lebih 7 tahun ini dikecualikan langsung daripada membuat chambering, sepertimana terdapat lawyer-lawyer di Singapura, kalau tidak silap saya. Jika dia berkhidmat selama 7 tahun dengan kerajaan dia dikecualikan daripada membuat chambering.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ini satu cadangan yang baik, yang saya hendak pentingkan tadi ialah kualiti itu, kalau mereka ini sudah mempunyai pengalaman yang luas, misalannya menjadi majistret, menjadi DPP, menjadi Hakim Mahkamah Sesyen, menjadi Peguam Persekutuan ataupun apa-apa jawatan yang boleh dipertimbangkan untuk mengecualikan tempoh belajar dalam kamar, itu boleh dipertimbangkan. Yang saya khususkan tadi ialah mengenai peguam-peguam yang baru keluar daripada universiti, tidak mempunyai apa-apa pengalaman dan sekarang ini mempunyai tempoh belajar dalam kamar hanya 9 bulan. Terus terang saya katakan bahawa tempoh 9 bulan adalah satu tempoh yang singkat, 3 bulan boleh membuat short call, iaitu boleh menyebut kes di mahkamah dan sebagainya. Tempoh 9 bulan pada saya adalah suatu tempoh yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kualiti. Saya nampak sekarang dari pengalaman saya berkhidmat 7 tahun dengan badan kehakiman dan hampir 12 tahun menjadi peguam sekarang. Saya nampak.....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kuala Pilah pula bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ya, silakan.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada sahabat saya dari Machang. Adakah Yang Berhormat sedia maklum, baru-baru ini dengan adanya ura-ura bahawa kerajaan bercadang untuk menghapuskan chambering, kerja dalam kamar dan diwujudkan satu badan selama dua tahun. Maksudnya seorang penuntut itu perlu 2 tahun full time membuat satu kerja, ada satu pemeriksaan dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Itu juga satu cadangan yang bagus, Tuan Yang di-Pertua. Soal mechanism, bagaimana cara hendak laksana, sama ada melanjutkan tempoh belajar dalam kamar itu satu cara.

Yang kedua, selepas lulus daripada universiti, memberi suatu kursus tambahan kepada mereka untuk belajar menjadi seorang peguam yang profesional. Cara bagaimana hendak laksanakan ini, ini terserahlah kepada budi bicara kerajaan. Yang saya cadangkan tadi ialah supaya tempoh belajar dalam kamar dilanjutkan kerana inilah sistem yang dipakai sekarang. Tetapi jika kerajaan memikirkan bahawa suatu tempoh peralihan selama 2 tahun, yang bentuknya hampir sama dengan belajar dalam kamar perlu diadakan. Ini juga boleh dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah mutu peguam-peguam ini juga, saya nampak daripada pengalaman saya hampir 16 tahun atau 17 tahun dalam bidang ini, saya lihat sekarang ini tidak ada had, mana-mana peguam sahaja boleh hadir di mana-mana mahkamah, sama ada dia hendak hadir di Mahkamah Majistret, sama ada dia hendak hadir di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan ataupun Mahkamah Persekutuan. Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan, kalau kita mengharapkan kualiti kehakiman itu mestilah tinggi untuk mewujudkan supaya proses keadilan ini berjalan dengan baik, maka pada masa yang sama kita mesti meletakkan perkara ini kepada pengamal undang-undang juga. Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak munasabah, tidak logik atau tidak menampakkan suatu kematangan. Seorang peguam yang hanya mempunyai pengalaman satu tahun, tetapi boleh hadir di Mahkamah Rayuan. Saya sendiri pernah nampak bagaimana di Mahkamah Rayuan, setelah hadir di Mahkamah Rayuan, setelah hadir di Mahkamah Persekutuan, saya nampak ada beberapa orang peguam yang tidak berpengalaman langsung, satu-dua tahun hadir di Mahkamah Persekutuan, sedangkan pada hakim kita meletakkan syarat 10 tahun pengalaman undang-undang. Jadi, kalau kepada hakim kita meletakkan bukan sahaja soal pengalamannya, tetapi soal integriti dan moralnya mengapa tidak pada peguam. Kepada peguam kita meletakkan syarat bahawa mereka yang mempunyai pengalaman sejumlah tahun tertentu sahaja berhak untuk hadir di Mahkamah Persekutuan, kalau kita mahu sistem kita berjalan dengan baik. Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan dan badan kehakiman supaya sistem yang saya cadangkan ini dipraktikkan.

Pertamanya bagi mereka yang mempunyai pengalaman di antara 1 hingga 3 tahun atau pengalaman kurang daripada 3 tahun pengamal undang-undang, mereka hanya dibenarkan untuk hadir di Mahkamah Majistret sahaja, 1 hingga 3 tahun hanya di Mahkamah Majistret sesuai dengan tempoh perkhidmatan sebagai seorang majistret yang pada biasa keluar daripada universiti, dilantik menjadi majistret, pengalamannya ialah di antara 1 hingga 3 tahun. Selepas 3 tahun dia akan mendapat kanan, sama ada dia akan berpindah ke lain ataupun mendapat taraf sebagai Hakim Mahkamah Sesyen. Mereka yang berpengalaman sebagai peguam di antara 3 hingga 5 tahun dibenarkan hadir setakat Mahkamah Majistret termasuk Mahkamah Sesyen - 3 hingga 5 tahun.

Kemudian yang mempunyai pengalaman 5 tahun ke atas barulah mereka ini berhak dan layak untuk hadir di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan sekarang. Dengan cara ini Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Apa yang Yang Berhormat Machang mencadangkan iaitu tempoh adalah kriteria untuk membolehkan seseorang peguam appear di sesuatu mahkamah. Kalau itu kriteria yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Machang, bagaimana kalau seseorang yang telah mempunyai 7 tahun pengalaman umpamanya. Jika dari segi kebolehan hendak berhujah di Mahkamah Majistret pun tidak boleh, adakah itu boleh dipertimbangkan untuk menghadiri (appear) di Mahkamah Tinggi?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau dia sudah 7 tahun, tetapi tidak mampu untuk berhujah, itu kelemahan peguam sendirilah. Pada saya kalau dia sudah berkhidmat sebagai peguam selama 7 tahun, saya menganggap bahawa dia sudah mampu untuk berhujah sampai kepada Mahkamah Persekutuan. Tetapi kalau dia tidak mampu - sebenarnya ada juga peguam yang hanya sign dokumen di pejabat sahaja, tidak pernah hadir di mahkamah - itu kelemahan mereka sendirilah. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, mereka yang mempunyai kelayakan-kelayakan yang tidak cukup seperti yang saya cadangkan boleh diadakan satu peruntukan supaya 'leave' diperolehi, iaitu kebenaran. Misalannya dalam kes-kes tertentu di mana orang yang mempunyai pengalaman kurang daripada 5 tahun perlu sangat hadir di Mahkamah Tinggi ataupun di Mahkamah Rayuan. Maka dalam suasana seperti ini maka 'leave' boleh diberikan oleh mahkamah dengan mendapat kebenaran daripada mahkamah terlebih dahulu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat ini Ahli Majlis Peguam bukan?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Bukan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, menjadi Member of Bar Council.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu cadangan baik. Jadi, saya hendak bertanya kerana saya nampak Ahli Yang Berhormat betul-betul minat untuk memperbaiki mutu ahli. Tetapi saya tengok Jawatankuasa Majlis Peguam tidak berminat sebab apabila Ketua Hakim Negara, Tun Eusoff Chin sebut mengenai 7 tahun baru boleh masuk ke mahkamah, nampak tidak bersetuju. Jadi, Majlis Peguam ini suka kritik orang punya kualiti, tetapi bila hendak perbaiki diri sendiri dia tidak mahu. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Itulah Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi, adalah tidak adil kalau kepada hakim-hakim kita letakkan taraf yang tinggi. Kita mengharapkan suatu pengharapan yang tinggi dari segi kualiti, pengetahuan undang-undang, dari segi moralnya.

Kalau kita mengharapkan kepada hakim taraf yang tinggi, maka jangan terkecuali kepada Ahli-ahli Majlis Peguam juga, mesti kita meletakkan taraf yang sama. Jika tidak, sistem kehakiman dan perundangan di negara ini akan berjalan dalam bentuk yang pincang dan tidak adil. Sebab itu saya kata, walaupun saya Ahli Majlis Peguam dan seorang peguam yang aktif sekarang, demi untuk memperbaiki benda ini, kerana saya melihat sendiri di mahkamah saya rasa dua bulan yang lepas, saya hadir di Mahkamah Rayuan, saya tengok hendak berhujah pun tidak mampu di hadapan Hakim Mahkamah Rayuan, tidak boleh jawab akhir-akhirnya. Ini melemahkan sistem itu. Jadi, jangan kita melihat hakim sahaja yang silap. Itu tidak betul, ini tidak betul. Jadi,

pada masa yang sama kita harus memperbaiki diri termasuk Majlis Peguam sendiri yang harus memperbaiki dan meningkatkan kualiti ahli-ahli kita.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tanjong Karang pula bangun.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Machang. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah Yang Berhormat juga ingin mencadangkan untuk menentukan kualiti peguam-peguam ini bahawa hanya peguam-peguam yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun sahaja yang boleh dibenarkan membuka firma sendiri. Sekarang ini kita lihat kadang-kadang baru habis chambering sebulan atau dua bulan sudah membuka firma yang baru. Jadi, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya masa tertentu diberi kepada peguam sebelum membuka firma sendiri.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada dalam cadangan saya selepas ini. Ini adalah salah satu lagi yang saya hendak cadang, saya hendak sebut kerana ia telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Ini salah satu cadangan yang telah pun saya tulis Tuan Yang di-Pertua, untuk saya baca selepas ini. Selain daripada nilai dan kemampuan untuk berhujah di mahkamah dan tempoh kelayakan tadi, saya nampak sekarang dalam legal profesion kita tidak mempunyai suatu peraturan, mana-mana sahaja peguam, keluar dia boleh membuka firma guamannya sendiri. Hasilnya duit pelanggan tidak tahu kemana, jadi CBT, kes polis dan sebagainya, kualitinya rendah.

Sehubungan dengan pertanyaan yang diutarakan oleh rakan saya dari Tanjong Karang, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya meminda Akta Profesion Guaman iaitu menetapkan bahawa hanya peguam-peguam yang mempunyai tempoh berkhidmat tertentu yang layak untuk membuka firma guaman sendiri. Misalannya 5 tahun, pada saya 5 tahun adalah suatu tempoh yang melayakkan seseorang itu untuk membuka firma sendiri.

Kalau dia hendak membuka firma sendiri, sama ada berkongsi atau secara persendirian saya cadangkan supaya pengalaman mereka ialah selama 5 tahun. Pengalaman secara aktif dalam bidang ini. Ada juga pengalaman yang tidak aktif, tetapi boleh dianggap pengalaman. Jika pengalamannya tidak aktif ataupun tidak secara langsung menjadi peguam, cara hendak menentukan ini boleh dilihat dengan sijil annualnya tiap-tiap tahun. Ada setengah peguam yang sudah menjadi 10 tahun, tetapi dia tidak memperbaharui sijil annualnya, maka dia tidak mengamalkan undang-undang, kerana tanpa sijil annual tidak boleh. Jadi, lima tahun maksud saya itu ialah secara berterusan, lima tahun mempunyai sijil annual, iaitu sijil untuk menjalankan pengamalan undang-undang selama 5 tahun berturut-turut, rekodnya baik dan ini boleh dipertimbangkan untuk membuka firma guaman sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya faham bahawa cadangan-cadangan yang saya cadangkan ini akan menimbulkan bangkit marah yang besar di kalangan sebilangan Ahli Majlis Peguam. Tetapi seperti yang saya katakan tadi, demi menjaga imej profesion guaman di negara ini, bukan soal kerana saya sudah terlepas daripada semua peraturan ini - bukan, bukan soal itu. Soalnya ialah untuk menjaga imej profesion guaman di negara ini pada masa yang akan datang supaya ianya dihormati oleh masyarakat dan menjadi suatu profesion yang bukan sahaja menguntungkan, tetapi dihormati oleh seluruh dan segenap lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun rang undang-undang yang dibentangkan ini tujuannya ialah mengenai hakim-hakim, yang tidak termasuk Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret. Cuma saya ingin mengemukakan sedikit pandangan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah pun banyak kali melawat bukan sahaja Badan Kehakiman di negeri Kelantan, tetapi saya percaya seluruh negara.

Saya ingat dalam masa Dewan ini dahulu, saya pernah mencadangkan, jika boleh setiap jajahan dalam negara ini mempunyai seorang residen majistret. Ini pernah saya cadangkan dalam Dewan ini. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, di negeri Kelantan. Jarak antara Gua Musang dengan Kuala Kerai ialah hampir 120 batu dari segi jarak perjalanan. Sekarang ini Gua Musang tidak ada residen majistret, yang ada ialah di Kuala Kerai dan Kuala Kerai akan menjadi majistret 'litar' di sana. Persidangannya adalah tidak penuh dalam satu minggu ada dua-tiga hari yang telah ditetapkan.

Saya mencadangkan supaya kawasan-kawasan, jajahan-jajahan ataupun daerah-daerah yang layak untuk diadakan residen majistret supaya dipertimbangkan untuk diadakan seorang residen majistret dengan sebuah mahkamah sepenuh masa. Salah satu contoh lagi ialah di Jeli, negeri Kelantan, di mana kawasan Dabung, Pergau dan sebagainya, mahkamahnyalah di Tanah Merah dan hasilnya orang ramai terpaksa berulang-alik ke mahkamah Tanah Merah sejauh lebih kurang 100 kilometer, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, adalah dicadangkan supaya jika boleh pihak badan kehakiman memperuntukkan bahawa setiap satu jajahan mempunyai seorang residen majistret, dengan cara demikian ianya akan menyenangkan proses keadilan sedikit sebanyak dan akan mengurangkan beban yang ditanggung oleh masyarakat.

Yang keduanya, dari segi Mahkamah Sesyen. Pada satu masa dahulu ada suatu peraturan ataupun arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar supaya Mahkamah Sesyen bersidang di jajahan-jajahan. Kemudian selepas itu ditukar pula supaya Mahkamah Sesyen hanya berada di ibu negeri, contohnya di Kelantan sekarang, Mahkamah Sesyen hanya di Kota Bharu sahaja. Tiga orang Hakim Mahkamah Sesyen, ketiga-tiga ditempatkan di Kota Bharu. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, mereka yang berada di Gua Musang untuk mendapat keadilan kes-kes yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Sesyen terpaksa bergerak ataupun berjalan daripada Gua Musang ke Kota Bharu yang memakan masa hampir 3 jam. Kalau hari itu tidak sempat, jika kes itu berlaku di Gua Musang, semua saksi daripada Gua Musang turun ke Kota Bharu, kadang-kadang satu kes ada 20 atau 30 orang saksi. Apalah salahnya kalau seorang hakim sahaja berlepas dari Kota Bharu ke Gua Musang dan mengadakan perbincangan di Gua Musang, jadi perbelanjaan yang terlibat ialah seorang hakim yang berkenaan atau kalau ada pun jurubahasa. Oleh itu perbelanjaan kerajaan tidak banyak, tetapi kalau 30 orang saksi, daripada Mahkamah District atau daripada jajahan datang ke Kota Bharu, kalau seorang RM100 sudah melibatkan RM3,000 perbelanjaan kerajaan. Tetapi kalau seorang hakim pergi ke Gua Musang, perbelanjaan yang terlibat barangkali tuntutan perjalanannya tidak sampai RM500 satu hari.

Jadi, rasional supaya Hakim Mahkamah Sesyen bersidang, tidak semestinya tiap-tiap jajahan misalnya boleh dipilih seperti Kelantan Selatan, boleh jadi diletakkan di Kuala Kerai - satu ataupun di Gua Musang. Kemudian di sebelah Pasir Mas, boleh jadi di Tanah Merah - satu, di Kota Bharu, di Pasir Puteh - 4 misalnya. Maka kalau ada kes-kes Mahkamah Sesyen di sana, hakim ini yang pergi, bukan saksi yang datang ke mari. Bila saksi datang polis terlibat, saksi orang awam terlibat, kadang-kadang jabatan kerajaan yang terlibat. Jadi, berpuluh saksi yang melibatkan tuntutan perbelanjaan elau saksi yang begitu banyak. Sebagai contoh saya sebutkan tadi di Kota Bharu sekarang ada tiga orang hakim, ketiga-tiganya Hakim Kanan Mahkamah Sesyen, ketiga-tiganya berada di Kota Bharu. Jadi, pada masa yang sama, salah seorangnya boleh dijadikan 'Hakim Litar' untuk berulang ataupun cover kes-kes di districk seperti yang saya cadangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dibangkitkan oleh rakan saya daripada Kuala Pilah mengenai soal politicking dalam badan kehakiman ini. Ini pun satu perkara. Saya tidak tahu sejauh mana perkara ini wujud dalam badan kehakiman, tetapi jika ianya berlaku dan daripada soal-soal surat layang dan sebagainya, yang pernah kita dengar dahulu, ia jelas dan nyata kepada kita bahawa ada rasa tidak puas hati. Itu nyata, sama ada kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Kuala

Pilah tadi, rasa tidak puas hati di kalangan hakim-hakim itu memang wujud. Siapa yang menjadi sasaran tidak puas hati wallahualam - kita tidak tahu. Tetapi rasa tidak puas hati itu wujud, jadi ini adalah suatu perkara yang tidak boleh dipandang ringan.

Kita mesti perbetulkan keadaan ini, jika kita membiarkan ianya berlarutan wujud politicking dalam badan kehakiman, maka keputusan juga akan dipolitikkan. Bila keputusan dipolitikkan, maka keadilan gagal diperolehi oleh mereka yang teraniaya. Bukti-bukti ini yang telah kita lihat secara nyata, kita tidak mahu menuduh secara terbuka, tetapi kita pernah baca surat layang pada satu masa dahulu, kenyataan-kenyataan akhbar yang dikeluarkan. Ini adalah jelas bahawa rasa tidak puas hati itu telah wujud dan jika rasa tidak puas hati itu wujud di kalangan hakim-hakim terhadap kelompok tertentu, jangan dibiarkan perkara ini. Suatu penyelesaian secara tegas dan cepat mesti diperolehi segera. Jika tidak badan kehakiman akan menjadi suatu badan yang boleh ditertawakan oleh orang.

Saya tidak mahu menuduh mana-mana pihak - itu di luar daripada jangkauan kita atau di luar daripada kemampuan kita. Tetapi jika perkara ini wujud, yang saya baca dan saya nampak, apa yang saya lihat memang perkara ini wujud dan jika ianya wujud kerajaan mesti mencari jalan untuk menyelesaikannya. Pada satu masa dahulu Majlis Peguam dengan badan kehakiman wujud suasana tegang - alhamdulillah sekarang telah kembali baik dan inilah perkara yang perlu kita pertahankan, jika kita melihat profesion guaman dan badan kehakiman negara ini berjalan dengan baik. Kita mesti mewujudkan suasana harmoni dan dalam Dewan ini saya pernah mencadangkan masalah yang wujud sama ada antara Jabatan Peguam Negara dengan badan kehakiman atau Majlis Peguam dengan badan kehakiman. Ianya boleh diselesaikan secara baik dan mungkin dengan mengadakan jawatankuasa bersama untuk menyelesaikan perkara-perkara ini. Tidak perlu kita meluahkan kenyataan mengkritik satu sama lain dalam akhbar dan sebagainya. Kita boleh wujudkan satu badan untuk menyelesaikan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan kepada kita semua termasuk diri saya sendiri terhadap ketegasan Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. Kita pernah mendengar dalam suatu peristiwa ketegasan dalam melaksanakan undang-undang dan kehakiman di negara ini, Baginda Junjungan Besar Rasulullah pernah bersabda: *Jika anakku Fatimah melakukan kecurian nescaya tangannya juga akan ku potong*. Ini hendak menunjukkan dengan jelas bahawa dalam soal mentadbir keadilan di negara ini, soal pilih bulu tidak timbul.

Soal keadilan mesti ditegakkan tanpa mengira status atau kedudukan seseorang itu, dengan kata-kata sedemikian Tuan Yang di-Pertua, saya mengingatkan diri saya dan semua yang terlibat dalam sistem proses guaman di negara ini. Kita berdoa supaya proses keadilan ini akan terus berjalan dalam sistem negara demokrasi yang baik dan ianya insya-Allah akan dapat memberi keadilan sesuai dengan kehendak litigan ataupun mereka yang cuba untuk mendapatkan penghakiman daripada proses kehakiman di negara kita. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelutong. Selepas ini kementerian menjawab.

3.55 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun pindaan yang ada dicadangkan iaitu Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1997 adalah kecil. Tetapi apabila Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri membentangkan rang undang-undang ini semalam, apa yang ada dikatakan hanya 1.5 per cent kenaikan dalam saraan kepada hakim-hakim yang bersara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan saya badan kehakiman adalah satu badan dan mengikut doctrine separation of powers. Badan ini harus diterima sebagai satu badan yang penting dalam negara dan oleh itu eksekutif adalah satu badan yang

lain dan tidak ada hak untuk campur tangan dalam administration of justice, di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya quote apa yang ada dalam satu buku: 'Fundamental Rights and Constitutional Remedy' oleh V.G Ramachandran'. 'Separation of the Judiciary from the Executive' di bawah tajuk itu, komen:

This is a cardinal principal in judicial administration namely that judiciary to be sacrosanct and thoroughly independent must be really separated from the Executive. The separation of this function Judicial and Executive is of prime importance to uphold the dignity and prestige of the judiciary to remove all semblances of the Executive in influence."

Adakah apa yang saya bacakan tadi Tuan Yang di-Pertua, ditunaikan oleh kerajaan dalam negara kita ini? Sekarang bukanlah ada satu Kementerian Kehakiman iaitu pada masa dahulu kita ada Kementerian Undang-undang dan kita ada Menteri Undang-undang dan pada satu masa Perdana Menteri sendiri menjadi Menteri Keadilan? Sekarang langsung tidak ada kementerian? Adakah kerajaan tidak mengambil berat bagi badan kehakiman dalam negara ini? Kenapa kehakiman di bawah Prime Minister Department? Di mana ada seorang Menteri dan Timbalan Menteri yang bertanggungjawab dalam Jabatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fikiran saya apa harus diwujudkan adalah satu Kementerian Kehakiman atau Kementerian Keadilan, sepertimana wujud dalam masa lampau. Bagi hakim-hakim dalam negara ini, kerajaan tidak mengambil berat dan bagi protokol, apa yang saya difahamkan adalah priority. Priority hakim dalam satu protokol adalah selepas Setiausaha Parlimen, bukan seperti dahulu di mana taraf seorang hakim dalam mana-mana mesyuarat atau jamuan adalah sepertimana mengikut Tuan Yang di-Pertua atau selepas Timbalan Menteri. Kenapa ada perubahan ini? Adakah ini disebabkan kerajaan tidak mengambil berat bagi administration of justice dalam negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, tadi beberapa orang rakan saya dalam Dewan yang mulia ini ada menyentuh bagi peranan Majlis Peguam. Majlis Peguam adalah satu badan yang diketepikan oleh kerajaan, langsung tidak hormat badan ini, walaupun badan ini adalah satu badan yang penting bagi the administration of justice in the country. Bukankah independence of judiciary yang penting, tetapi independence of the Bar. Saya baca dari *The Malayan Law Journal, Jun 1997*, apa yang dikatakan oleh Chowdry Nazir Ahmad Khan iaitu bekas Peguam Negara Pakistan yang menyatakan seperti berikut:

"I wonder if it is commonly known that the American Bar Assosiation is so powerful that even the President of the USA who on general occasions and in circumstances act like the Pharoahs of Egypt as to consult the Association before it can nominate a judge on the Supreme Court. I would like to see the Bar as independent and as free as the Bar of America, England and several advanced countries with high and noble traditions.

The lawyers and judges in the country would do well to give serious and sympathetic attention to my suggestion so that we may also claim a strong and powerful Bar and independent judiciary in our country.

I would fervently appeal to our lawyers and judges that they seriously assess the part played by them to secure better laws and better administration of justice so that the lord of the common men judge better and the countries acknowledged by the world at large to be a lawful and democratic country. It is a duty of all men and women of law to work together for this great and noble

objective. The lawyers have to play the major role in the achievement of this great mission."

So, bagi satu perlantikan hakim-hakim, adakah pandangan Majlis Peguam diperolehi sebelum seorang hakim dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi atau Hakim Mahkamah Rayuan ataupun Mahkamah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merayu kepada kerajaan untuk mengambil peranan Majlis Peguam. Adalah dikatakan tadi bahawa ada politicking dalam judiciary, ada politicking dalam Majlis Peguam.

Tuan Yang di-Pertua, jika ada politicking dalam kehakiman itu menjadi satu tanda yang tidak baik. Apa yang saya bangkitkan tadi, apabila rakan saya dari Teluk Intan ada membuat ucapannya, adakah benar Hakim Dr. Vissusinaduray ada meletakkan jawatan baru-baru ini. Adakah beliau tidak menerima pertukarannya ke Tawau? Adakah beliau dipaksa tukar untuk pergi ke Tawau, adakah ini kerana ada politicking dalam badan kehakiman? Bolehkah saya mendapat jawapan dengan ikhlas kepada isu ini daripada Timbalan Menteri apabila beliau menjawab tidak berapa lama lagi?

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini ada menyentuh mengenai kaliber, mutu kehakiman. Tidak boleh nafikan bahawa mutu kehakiman adalah merosot apabila dibanding dengan hakim-hakim yang ada dilantik dalam tahun enam puluhan atau tujuh puluhan. Apa yang dilantik sekarang adalah substandard hakim-hakim yang dalam fikiran saya - bukan semua, tetapi ada bahagian yang barangkali dikatakan Tuan Yang di-Pertua, 'besar' apabila lantikan ini ada disemak dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru apa yang terjadi di Pakistan di mana ada pertikaian di antara Perdana Menteri dan Ketua Hakim Mahkamah Agung dalam negara itu. Perkara itu adalah terjadi dalam negara ini pada tahun 1988 iaitu '*the Crisis in Judiciary*'.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan apa yang terjadi dalam tahun 1988, harapan saya supaya kerajaan mengambil berat dan menerima badan kehakiman sebagai satu badan yang penting dan satu badan yang harus dihormati. Bukan itu sahaja, tetapi Majlis Peguam pun adalah satu badan yang harus dihormati dan pandangan beliau harus diambilkira apabila semua hakim-hakim di dalam mahkamah di dalam negara ini dilantik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

4.05 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk memberi sedikit pandangan mengenai Rang Undang-undang yang ada di hadapan Dewan yang mulia ini. Seperti Yang Berhormat dari Jelutong ada menegaskan, kebebasan kehakiman adalah satu ciri yang sangat penting dalam sistem kerajaan kita dan tidak boleh dinafikan bahawa kebebasan kehakiman adalah menghadapi pukulan dan hakisan khasnya selepas tahun 1987 apabila ada berlakunya satu 'krisis keyakinan' pertama dalam sistem kehakiman. Sampai sekarang luka-luka, cedera-cedera dan kerosakan-kerosakan yang berlaku pada 'krisis keyakinan kehakiman' itu belum pulih, tetapi 'krisis keyakinan kehakiman' yang kedua sudah berlaku dalam beberapa tahun kebelakangan ini, khasnya mengenai beberapa kes dan selepas itu kes 'surat layang setebal 33 muka' yang ditulis oleh seorang hakim yang membuat tuduhan yang sangat serius mengenai tingkah-laku yang tidak betul, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dan menamakan 12 orang hakim. Perkara ini kita perlu mengakui bahawa tidak akan membolehkan pemulihan keyakinan kepada Sistem Kehakiman yang sangat mustahak, bukan sahaja untuk rakyat jelata, untuk sistem negara kita, khasnya untuk Malaysia kalau kita mahu menjadi satu main player dalam gelanggang dunia, baik di perdagangan antarabangsa ataupun sebagai pelaburan dan lain-lain.

Saya berharap bahawa kita boleh address isu ini dan tentulah kita mahu mengakui dan kita mungkin boleh terus menafikan 'denial syndrom' - deny ada krisis ekonomi, deny ada krisis kehakiman dan nampaknya Parlimen ini seperti ibu pejabat 'denial syndrom' dalam Malaysia - tidak mahu mengakui. Jadi, siapa yang rugi? Rakyat rugi, negara rugi dan saya harap khususnya dalam saat yang sangat genting sekarang di mana kita menghadapi satu krisis ekonomi dan kita mahu bersaing dengan negara-negara yang lain, satu keadaan baru sudah muncul, di mana sejak beberapa tahun ini kita disifatkan sebagai 'harimau ekonomi'. Kita menjadi pusat direct investment, di mana-mana tempat sangat memilikkan foreign direct investment, sangat memilikkan Malaysia sebagai pusat, tetapi sekarang tidak lagi. Sekarang bukan sahaja kita boleh mengatasi 'turmoil economy' dan kewangan, tetapi hari ini Ringgit sudah jatuh 3.950 kepada US\$1 - ini tidak pernah berlaku. Mana ada kepercayaan, keyakinan ini pulih? Semalam ada Mesyuarat Kemuncak ASEAN, ia boleh mengambil satu langkah untuk memulihkan keyakinan (confidence enhancing building measure), tetapi Ringgit jatuh lebih teruk. Ini adalah satu tanda yang begitu rumit, kemelut, krisis ekonomi yang kita hadapi. Sekarang kita mahu mencari jalan bagaimana kita boleh memulihkan keyakinan dan kalau mahu kita memulihkan keyakinan, kita perlu:

Pertama, mengakui kita ada krisis yang sangat teruk, kedua mencari jalan bagaimana kita boleh membina keyakinan. Satu cara untuk membina keyakinan ialah menentukan bahawa institusi-institusi utama dalam negara kita seperti institusi kehakiman boleh dapat memulihkan keyakinan orang ramai mengenai prinsip kebebasan kehakiman. Dahulu mungkin perkara ini tidak mustahak, oleh kerana kita menjadi satu pusat foreign direct investment dunia yang begitu attractive, tetapi sekarang tidak lagi. Kita mahu compete bukan sahaja dengan negara China, negara Vietnam, negara Kambojia, Laos, tetapi lebih dahsyat apabila berlaku krisis 5 bulan ini yang menunjukkan bahawa kita sudah loss control. Bukan sahaja kita sudah loss control, tetapi negara-negara yang terlibat semua loss control, seperti Korea Selatan, Indonesia - loss control dan tidak tahu apa yang berlaku. Kita perlulah dengan susahnyanya untuk memulakan membina balik keyakinan dengan sebab itu saya harap bahawa dalam segi kebebasan kehakiman, kita rela sebagai sebuah negara untuk menangani isu ini, mengakui ini satu isu. Dahulu mungkin tidak begitu mustahak oleh kerana ada faktor-faktor yang lain, tetapi sekarang ada satu 'playing field' yang baru, satu fundamental yang baru, yang mana kita sudah kebelakangan beberapa langkah, di mana kita perlu lebih prihatin mengenai persepsi dunia, persepsi rakyat, mengenai institusi, mengenai kewibawaan, integriti, keutuhan institusi-institusi kita semacam kebebasan kehakiman.

Di sini saya tidak mahu untuk menyalahkan siapa yang bersalah patut memikul tanggungjawab, oleh kerana kebebasan kehakiman terhakis - tidak. Sekarang kita sudah sampai 16 Disember 1997, masalahnya bagaimana kita have a new starts for the nation. A new start for the nation supaya kita boleh dengan tempoh yang sependek-pendeknya mengatasi krisis nasional ini. New start bukan sahaja untuk negara kita, tetapi new start untuk satu sistem kehakiman yang benar-benar bebas dan dapat keyakinan, kepercayaan orang ramai dan persepsi antarabangsa. Kita perlulah satu approach, satu pendekatan yang khas dan saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mengetuai pergerakan ini untuk memulakan satu zaman yang baru untuk membina balik keyakinan semua pihak institusi-institusi utama dan hari ini kita membincangkan mengenai kebebasan kehakiman. Sebagai Perdana Menteri tentulah peranannya sangat mustahak. Hubungannya dengan kehakiman dan peguam-peguam dengan Bar Council, ini semua sangat dihubungkan. Oleh kerana ada ketegangan (tension) politik, establishment politic, kehakiman dan Majlis Peguam mengakibatkan keadaan yang sangat tidak sihat perhubungan antara tiga segi.

Tadi, saya baru bertanya seorang peguam, bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada datang ke Bar Council untuk menyertai apa-apa program, sama ada merasmikan Majlis Perhimpunan Agung atau apa-apa, dia tidak boleh ingat bila, ada atau tidak ada. Sebab ini sudah 16 tahun, Yang Amat Berhormat memegang

jawatan Perdana Menteri, pada masa awal beliau menjadi Perdana Menteri, mungkin satu kali ada merasmikan function Majlis Peguam, tetapi mungkin khasnya selepas tahun 1987, hubungan sudah putus. Bukan sahaja putus, tetapi hubungan very bad, sehingga tahun lalu saya boleh ingat lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini mengatakan bahawa Bar Council semacam *'behave more like an opposition party and always disagreed with the government, better become an opposition party.'* Itulah saya harap kita boleh tamat chapter lama itu dan memulakan satu zaman yang baru sebagai satu usaha all nation-wide dalam semua segi, semua benteng negara, semua institusi utama membina semula keutuhan, keyakinan dan bermula dengan inisiatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kembalikan, memulihkan hubungan yang baik dengan Majlis Peguam sebagai satu langkah utama untuk memelihara kebebasan kehakiman. Dalam perkara ini apabila kita menghadapi krisis tidak tahu berapa lama, semua ini menjadi sangat penting, semua penting, kepercayaan kepada sistem kehakiman, kepercayaan kepada Parlimen, kepercayaan kepada pucuk pimpinan, kepercayaan kepada sistem kerajaan.

Tuan M. Kulasegaran: Boleh saya mendapat penjelasan?

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, sebelum ini ketua pembangkang ada memberitahu bahawa Perdana Menteri telah mengatakan bahawa Majlis Peguam act like an opposition party, mungkin Perdana Menteri tidak diberitahu atau dinasihatkan oleh pihak-pihak yang berada dengan kerajaan atau enggan tahu, bahawa Majlis Peguam ini bukan satu badan politik, tetapi menjalankan fungsi sebagai badan di mana teguran-teguran perlu dibuat - perlu, dimestikan supaya ada satu keseimbangan, satu balance dalam hal di Malaysia ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sebenarnya Majlis Peguam dahulu ada satu tanggungjawab atau tugas statutory, yang termaktub di dalam undang-undang, yang diluluskan oleh Parlimen di mana mereka ada tanggungjawab kepada negara mengenai segala hal-ehwal, bersangkutan paut dengan pentadbiran keadilan, administration of justice. Tetapi hubungan kedua-dua pihak sudah rumit sehingga ada pindaan kepada undang-undang untuk memansuhkan peruntukan itu. Saya rasa ini perlu dipulihkan khasnya semacam tahun lalu, apabila respond kepada kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang mengatakan bahawa Bar Council act behave like an opposition party, pada masa itu Vice Chairman Majlis Peguam iaitu Dr. C.V. Dass, dia ada mengatakan dengan izin:

"Our stand is meant to develop and improve the justice system in Malaysia. The Council believes that without the discussion of ideas and view point they cannot develop a strong and efficient system of justice."

Kita perlulah satu pandangan, satu sikap yang lebih terbuka untuk melalui krisis negara yang sekarang sedang kita hadapi. Di sini saya berharap bahawa hakim-hakim lebih peka mengenai peranan mereka. Saya bukan menyebut mengenai kes individu, tetapi mengenai keputusan-keputusan yang dibuat, yang akan memberi pandangan pada keseluruhannya sama ada negara Malaysia adalah sebuah negara demokratik, terbuka atau sebuah negara yang restrictive, oppresive, tidak membenarkan ruang-ruang memberi kebebasan bersuara, kebebasan berucap. Ini mustahak, sebagai contohnya di Singapura, Singapura ada memberi kepada dunia satu gambaran bahawa di Singapura defamation suits ada digunakan untuk tujuan-tujuan politik - 'defamation suits for political ends.' Sebagai contohnya, dengan izin:

"Following the recent award that is in October - following the recent award of libel damages against opposition workers Party Leader J.V. Jayaratnam, Amnesty International is increasingly concerned about Singapore leadership's use of civil defamation suits for political purposes."

Janganlah kita sampai satu keadaan di mana keputusan-keputusan yang dibuat dalam sistem kehakiman kita memberi gambaran kepada dunia bahawa undang-undang digunakan untuk bukan keadilan, tetapi untuk menyekat kebebasan bagi tujuan politik.

Tidak boleh dinafikan bahawa ada insiden-insiden yang boleh memberi gambaran semacam itu, yang tidak sihat sama ada bahawa ada beberapa seksyen di dalam undang-undang sama ada Printing Presses and Publication Act' mengenai berita palsu (false news) yang nampaknya digunakan dengan selective prosecution terhadap parti-parti pembangkang atau NGO, tetapi tidak pernah digunakan terhadap orang-orang lain dalam pihak pemerintah, tentu ini akan memberi gambaran kepada dunia, inilah undang-undang kehakiman digunakan untuk suppress opposition, stifles NGO untuk menyekat kebebasan. Ini di dalam satu keadaan di mana kita mahu compete dengan semua dunia mengenai foreign direct investment (FDI).

Kita mahu satu imej antarabangsa yang sebaik-baiknya. Ini perlu diambil kira atau sebagai contoh lagi contempt cases, kalaulah dalam negara kita contempt cases, sangat senang digunakan dan tentu akan mengakibat yang buruk kepada national image, kepada international image kita dan apa yang disebutkan pada masa itu oleh bekas Pengerusi Bar Council Puan Hendon Mohamad bahawa dengan izin,

"The ready and frequent use of the law of contempt would lead to injustice and hinder fearless advocacy which includes arguments or questions however distasteful."

Ini saya rasa mustahak kita perlu menganggap satu kes bukan dari spesifikasi, tetapi keseluruhannya supaya ini tidak mengakibatkan atau memudaratkan imej negara kita. Saya harap bahawa ini akan diambil kira kalau kita mahu penjarakan sama ada kes-kes contempt dengan senangnya, wartawan-wartawan atas contempt case yang tentu ada 'consequent'. Kita mahu memberi satu pandangan bahawa kita adalah satu masyarakat madani, tolerant, open tidak begitu.....

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Saya hendak bertanya, boleh tanya?

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat dalam masyarakat madani, tiap-tiap orang ada hak, adakah apa Yang Berhormat sebut ini bahawa kerajaan tidak ada hak untuk membela dirinya?

Tuan Lim Kit Siang: Minta maaf, saya tidak dengar boleh ulangi?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat sebut berkenaan dengan masyarakat madani. Jadi, dalam masyarakat madani tiap-tiap orang ada hak. Jika kerajaan merasakan bahawa ia telah salah mengikut undang-undang, tidakkah dia ada hak untuk membela dirinya semata-mata hendak menjaga imej, jadi bermakna seolah-olah pembangkang ini kebal, dia boleh buat apa sahaja dan kita tidak boleh dakwa dalam mahkamah. Kita menggunakan hak kita, kita bukan stifling.

Tuan Lim Kit Siang: Memang masyarakat madani, setiap warganegara ada hak. Apa yang mustahak ialah masyarakat madani ini tidak diberi gambaran bahawa ia adalah satu masyarakat yang menekankan kebebasan di mana institusi-institutsi undang-undang atau institusi kehakiman cenderung untuk menggunakan kuasa yang ada untuk menekan kebebasan bagi digunakan tujuan politik terhadap NGO, terhadap pembangkang. Ini mana boleh membangkitkan satu masyarakat madani yang baik. Itulah yang mustahak dan bagaimana boleh mendapat satu international image yang baik, yang boleh menggalakkan orang-orang luar yang mahu datang ke Malaysia untuk membawa investment mereka, kalau kita ada satu sistem, sungguhpun rule of law sahaja, tetapi undang-undang tidak mengira adil atau tidak adil, tentu kita akan kalah kepada negara-negara yang lain, yang lebih berprihatin dalam perkara ini, mahu membina satu masyarakat, di mana bukan sahaja ada rule of law, tetapi memastikan bahawa law ialah adil dan baik - good law. We can have a rule of bad law juga.

Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sedar dan bersetuju, dengan sebab itulah saya harap khasnya dalam saat ini di mana kita dalam satu krisis ekonomi dan krisis nasional itu, bahawa semua ini diambil kira supaya apa-apa keputusan yang dibuat, di mana-mana kes impact baik dan buruk kepada dunia luar mengenai jenis masyarakat yang kita mahu bina dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa satu perkara yang pernah dibangkitkan di session yang lalu mengenai kekosongan Chief Judge selama 8 bulan. Ini bukan sahaja tidak membayangkan ketidakcekapan. Bagaimana boleh satu sistem yang efisien tidak kira kehakiman atau apa-apa pentadbiran boleh membenarkan satu kekosongan jawatan yang begitu penting selama 8 bulan, something is very wrong. Tentu kekosongan ini expected long time ago dan boleh diramalkan bagaimana ini boleh berlaku.

Bukankah kekosongan yang berlaku semacam ini menunjukkan bahawa perlu satu kajian yang sedalam-dalamnya mengenai perlantikan hakim-hakim dan pegawai-pegawai tertinggi dalam Sistem Kehakiman. Jadi, tentulah Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sedar dan terdapat balasan bahawa sistem pelantikan hakim-hakim sekarang sangat tidak memuaskan, tidak ada satu sistem yang baik, yang boleh menentukan bahawa the best and the brighters among the periodical fraternity adalah dilantik sebagai hakim-hakim dan sesiapa yang dilantik sebagai hakim-hakim adalah diakui oleh legal fraternity as the best and the brighters. Ini perlu diadakan dan kalau sistem perlantikan yang kita ada tidak mencapai matlamat ini, bukankah masanya sudah sampai untuk mengkaji semula sistem pelantikan dahulu yang nampaknya boleh mendatangkan matlamat itu supaya the best and the brighters dilantik. Apabila dilantik, diakui oleh legal fraternity as the best and the brighters atau kita lihat sistem perlantikan di lain-lain negara supaya kita mempunyai satu sistem yang among the best in the world.

Akhirnya saya berharap bahawa hubungan antara Bar and Bench pun boleh dipulihkan. Bar-Perdana Menteri-kerajaan dipulihkan dan hubungan Bar and Bench juga dipulihkan. Oleh kerana itulah....

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Teluk Intan bangun ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapat sedikit penjelasan dan pandangan, sebelum ini beberapa orang kawan-kawan saya peguam yang berada di sebelah Barisan Nasional telah menyentuh mengenai polictiking di kehakiman dan mengatakan bahawa ada beberapa hakim yang terlibat dia ada team 'A' dan 'B' - kemungkinan macam ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan M. Kulasegaran: Bukankah....

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak berbangkit di dalam ucapan Yang Berhormat dari Tanjong tadi.

Tuan M. Kulasegaran: Ada yang telah dibangkitkan oleh ahli lain.....

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi Yang Berhormat boleh bertanya kepada yang berucap sahaja.

Tuan M. Kulasegaran: Jadi saya hendak.....

Tuan Yang di-Pertua: Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh yang berucap itu.

Tuan M. Kulasegaran: Jadi, saya hendak penjelasan mengenai confidence yang telah dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, memandangkan perkara ini wujud.

Jadi, bukankah masanya telah datang supaya satu commission dilantik agar dapat menyiasat membuat keputusan, adakah apa-apa tindakan yang perlu diambil untuk membersihkan semua masalah ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, terima kasih. Memanglah saya rasa inilah satu isu yang sangat tidak menyenangkan, ada desas-desus, ada team A dan team B, ada politikkan dan saya rasa perkara ini patutlah ditamatkan, satu penyelesaian diadakan supaya memulihkan keyakinan orang ramai. Kalau satu suruhanjaya boleh membantu menyelesaikan, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kerajaan boleh beri pertimbangan yang serius.

Tadi saya ada sebut bahawa perkara mengenai masalah bar dan bench, satu perkara yang berlarutan begitu lama dan ini pun ada diakui oleh Ketua Hakim, dengan izin, "considering that the relationship between the bench and the Bar Council was strain in the past because of differences of opinion. Chief Justice of the Federal Court, Tun Mohamad Eusoff Chin said today that neither had gain from the rift. Instead of widening the rift we must look positively toward the year ahead and not be hobbled by the unpleasantness of the past. This is not difficult to achieve because even when there was unpleasantness between the bench and the Bar Council I observed that the relationship between the majority of the judges and lawyers remain accordial and pleasant." Ini bulan Ogos.

Saya harap bahawa usaha-usaha yang positif diambil supaya perhubungan bar and bench boleh dipulihkan supaya kepentingan negara, kepentingan orang ramai boleh dipelihara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.33 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, Kuala Pilah, Machang, Jelutong dan Tanjong yang telah mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) ini.

Yang Berhormat dari Teluk Intan telah membangkitkan berkenaan dengan bahawa dalam akta induk tidak ada peruntukan bagi hakim-hakim bersara sebelum umur 65 tahun dan dapat menikmati faedah-faedah yang diberi di bawah Akta Saraan Hakim ini. Beliau minta supaya dikaji. Cuma yang kita ada iaitu hakim di bawah subseksyen 8C, Akta Saraan Hakim 1971 memperuntukkan perletakan jawatan di peringkat umur 60 tahun. Umur 60 tahun boleh, dan dapat menikmati apa yang dikatakan faedah dan kemudahan di bawah Akta Saraan Hakim ini.

Jadi, untuk bersara dengan lebih awal saya kira pada peringkat ini kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji perkara ini, kerana Yang Berhormat harus tahu bahawa kehakiman merupakan sepertimana disebut oleh ramai Ahli Yang Berhormat merupakan satu badan yang penting dan di situlah kita pergi untuk menuntut keadilan. Oleh hal yang demikian, kita perlu memastikan ada kesinambungan dari segi kehakiman itu. Kalau kita mengizinkan seseorang itu boleh bersara lebih awal daripada umur 60 tahun bermakna akan berlaku di mana ramai akan meletak jawatan dalam satu masa yang sama, di peringkat umur 40kah, 50kah dan ini akan menyebabkan kesukaran untuk kita mengganti hakim-hakim ini. Kerana hakim ini lagi panjang umurnya lagi banyak pengalaman dia dan lagi banyak kematangan dia.

Jadi, kalau dia telah menjadi hakim daripada mula, katalah daripada umur 40, kalau umur 45 dia hendak berhenti, bermakna apa pengalaman yang dia dapat, itu akan banyak merugikan kita kalau dia letak jawatan. Itu dari segi kita kalau kita izinkan mereka letak jawatan awal. Yang ruginya kita. Mungkin untung kepada individu itu, tetapi dari segi kehakiman dia akan merupakan satu kerugian besar. Sebab itu setakat ini kita tidak bercadang untuk berbuat demikian, kerana kita tidak boleh melepaskan

orang-orang ini yang telah banyak pengalaman yang mana kita menuntut keadilan daripada dia. Dia yang akan membuat hukuman dan dia yang akan membuat keputusan. Jadi, sebab itu kita mesti melihat badan kehakiman ini sebagai satu badan yang unik yang mana perkara yang boleh berlaku dalam cabang-cabang lain tidak boleh berlaku dalam badan kehakiman. Kerana kalau sekali gus seperti yang saya sebut tadi, hakim meletak jawatan akan menyebabkan ada kekosongan dan tidak ada tempat untuk kita menuntut keadilan dan kita semua tahu maxim undang-undang justice delay is justice deny.

Jadi, sebab itu....

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap ya. Sebab itu kita tidak bercadang untuk mengkaji perkara ini, melainkan untuk mengguna pakai undang-undang yang ada pada hari ini.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sangat sedih kerana kerajaan enggan mengkaji balik mengenai permintaan saya yang saya telah mendapat pandangan dari beberapa hakim yang ingin bersara. Saya harap Timbalan Menteri dapat faham bahawa seperti yang dikatakan cabang-cabang lain, sebenarnya saya difahamkan ramai hakim yang berkhidmat sekarang berpendapat mereka ingin bertukar profesion dari tengah jalan yang telah berkhidmat lebih kurang 10 tahun, 20 tahun. Tetapi kalau kerajaan tidak membenarkan mereka bersara dengan benefit-benefit, bermakna mereka terpaksa berada di jawatan itu oleh kerana ingin mendapat benefit-benefit pada masa akhir. Jadi, dalam masa mereka dipaksa bekerja, tidak ada insentif dan ini akan mengakibatkan mereka tidak akan membuat kerja atau tidak akan membuat fikiran atau membawa satu inisiatif, insentif, bawa perubahan undang-undang yang baru, look at the new law dan sebagainya..

Jadi, untuk membolehkan perkara ini diselesaikan, bukannya lebih baik kalau mereka dibenarkan. Kalau sesiapa yang ingin bersara lebih baik dibenarkan bersara supaya mereka dapat menjalankan jurusan yang mereka lebih suka. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat hendak sedih saya tidak boleh buat apalah. Sebab saya hendak beritahu di sini bahawa kepentingan keadilan harus mengatasi kepentingan peribadi. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat dari Teluk Intan tiap-tiap hakim yang menjadi hakim dia mesti baca Akta Saraan Hakim, dia tahu dia tidak boleh berhenti sebelum 60 tahun. Dia mesti baca. Saya tidak tahu kalau ada hakim tidak baca tentang saraan hakim ini.

Sebagai seorang hakim legally train, dia mesti baca contract of employment. Kita tidak tutup kepada mereka, tidak beri tengok tentang saraan hakim. Dia baca bahawa apabila dia mula-mula hendak jadi hakim dia tahu bahawa dia tidak boleh bersara sebelum umur 60 tahun. Jadi, janganlah setengah jalan sudah masuk baru hendak kesal, tidak guna. Jadi, sebab itu saya tidak boleh terima pandangan daripada Yang Berhormat dari Teluk Intan, kerana saya kira kalau ada hakim bercakap macam itu, saya ingat hakim ini tidak baca contract of employmentnya, sudah tengah jalan baru hendak bersara.

Jadi, saya ingin benda ini kita tidak akan mengkaji kerana kita telah pun menunjukkan kepada mereka sebelum mereka dilantik sebagai hakim. Jadi, dia tahu apa yang akan dihadapi oleh beliau, dan agak sukarlah untuk kita melayan mereka setengah jalan hendak tukar walhal dia tahu apabila dia masuk dia tidak boleh bersara sebelum umur 60 tahun. Jadi, sebab itu kita tidak akan mengkaji perkara ini. Sepertimana saya sebut kita tidak boleh menafikan tuntutan keadilan, kepentingan orang ramai terhadap keadilan semata-mata hendak menjaga kepentingan peribadi, mungkin satu-dua atau empat-lima orang hakim sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Teluk Intan juga ada bangkit berkenaan perlantikan hakim. Ini juga telah dibangkit oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Jelutong dan juga beberapa rakan saya dari Barisan Nasional. Cuma saya tidak tahu mungkin Yang Berhormat dari Tanjong lebih tahu daripada saya. Dia kata cara perlantikan dahulu lebih baik daripada sekarang. Jadi, saya tidak tahu sama ada ada perbezaan perlantikan dahulu dan sekarang. Saya rasa sama sahaja. Sebab dalam Perlembagaan kita jelas menyatakan iaitu perlantikan hakim adalah dibuat menerusi recommendation, perlantikan yang dibuat adalah sama dalam Perlembagaan dahulu dan sekarang. Jadi,....

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah benar bahawa sistem dahulu sungguhpun undang-undang yang sama, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun setuju bahawa kita bukan sahaja ada undang-undang, kita ada convention. Dahulu ada convention di mana ada beberapa pihak yang ada pandangan mereka consultation diadakan, Majlis Peguam. Tetapi sekarang Peguam masih dilihat sebagai anasir jahat, musuh kerajaan, berlagak sebagai opposition party, bukan sahaja perkara ini tidak di'consultation' convention ini dipatuhi, tetapi undang-undang yang bersangkutan-paut dan ada kena-mengena dengan pentadbiran keadilan pun tidak beritahu before hand kepada Majlis Peguam, rang undang-undang dikemukakan, dibentang di sini baru Majlis Peguam tahu. Bukankah kita perlu convention ini di mana adalah bukan sahaja perhubungan tetapi kerjasama yang sangat erat, yang sangat intim, khasnya mengenai pentadbiran keadilan sama ada kerajaan mengenai perlantikan hakim-hakim atau kehakiman, mengenai perjalanan sistem undang-undang dan kehakiman dengan the bar khasnya melalui Majlis Peguam, dan perlu diakui sebagai satu badan yang mewakili peguam, bukan apabila kita ada satu keadaan di mana sama ada kehakiman ataupun pihak kerajaan, Perdana Menteri tidak mahu mengakui Majlis Peguam sebagai satu badan yang mewakili semua peguam-peguam, bukankah berlaku tergendala perhubungan ini. Kita perlu memulihkan convention, convention itu mustahak.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tahu benda ini hendak bangkit. Jadi, saya buat perjumpaan dengan wakil daripada pihak kehakiman, dahulu tidak ada convention. Kita consult dengan Bar Council, kita tahu bahawa hakim dilantik, pertama daripada judiciary dan kaedah kedua ialah menerusi ahli-ahli Majlis Peguam. Jadi, tidak ada convention, kerana sewaktu hendak melantik hakim daripada judiciary macam mana hendak consult ahli Majlis Peguam, sebab mereka tidak memantau perjalanan ahli-ahli judiciary. Jadi, sebab itu tidak ada convention itu. Saya pun tidak tahu mungkin Yang Berhormat sebut hendak diwujudkan satu convention. Tetapi saya sudah buat siasatan memang dahulu pun perlantikannya sama, iaitu recommendation of consult, beri kepada Perdana Menteri dan Perdana Menteri bawa kepada Agong untuk memutuskan kelulusan nama-nama mereka yang menjadi hakim. Sebenarnya Yang Berhormat, tidak ada convention itu.

Sebab itu kalau hendak disebutkan, Yang Berhormat sebut dahulu dan sekarang saya ingat tidak ada perbezaan. Cuma mungkin saya akan sebut apa yang berlaku di antara bench dengan bar nanti saya akan jawab....

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya belum jawab, sekejap.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perlantikan hakim - Yang Berhormat hendak bertanya apa?

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada pembetulan yang perlu dibuat. Mengenai convention ini mungkin yang kita menyentuh adalah mengenai perlantikan hakim dari swasta. Sebelum ini saya pernah baca dan kalau perlukan saya boleh dapat memberikan artikel di mana Lord Presiden, Tun Suffian, saya ingat unless my memory letting me down, dengan izin. Dalam MLJ beliau pernah berkata bahawa sebelum perlantikan seseorang hakim dibuat, Lord Presiden akan memberitahu kepada

chairman of Bar Council yang sedemikian akan dilantik dan apakah pandangan mereka. Convention ini pernah wujud. Kalau perlu saya akan memberi artikel tersebut.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat itu bukan convention, itu amalan seorang hakim. Convention ini memakan masa puluhan dan ratusan tahun akan jadi convention. Jadi, kalau amalan satu orang dia guna waktu dia jadi, itu belum convention lagi, itu amalan dia. Jadi, saya ingat itu tidak boleh kita hendak sebut bahawa itu merupakan satu convention, itu amalan dia seorang, belum lagi diguna puluhan dan ratusan tahun sebagai satu kaedah untuk kita melantik hakim daripada pihak swasta. Saya faham Yang Berhormat sebut itu, jadi saya kira....

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat dari Teluk Intan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:...itu merupakan amalan, saya sudah jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Teluk Intan, cukuplah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah jawab, duduk. Itu amalan dia, bukan convention yang dibuat.

Tuan R. Karpal Singh: Walaupun apa dibuat oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan dan diterima dianggap sebagai amalan, amalan jadi convention, ada diterima berkali-kali, itu jadi convention, it is simple as that.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Perkataan diguna itu 'berkali-kali'. Berapa orang yang guna amalan itu saya hendak tahu. Kalau dia seorang itu bukan berkali-kali. Ini Bahasa Malaysia pun tidak faham. Dia guna seorang, itu bukan berkali-kali, satu orang guna. Jadi, sebab itu....

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah, duduk.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya sudah jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah jawab, sila duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau diguna, saya sudah sebut guna puluhan tahun, ratusan tahun jadi conventionlah. Tetapi kalau guna satu kali, itu bukan berkali-kali.

Tuan Yang di-Pertua: Bercakap perkara lain Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, sebab itu....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak beri jalan, duduk, saya sudah jawab, duduklah. Meleset awak punya kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, ubah kepada perkara lain, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita ubah perkara lain, dia tidak faham Bahasa Malaysia, suruh dia duduk. Tuan Yang di-Pertua, suruh dia duduk sebab dia tidak faham. Dia ikut cara dia. Kita sebagai kerajaan....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:kita tahulah apa kita punya jawapan. Dia hendak mendesak suruh ikut cara dia. Tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak, itu soalnya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak beri jalan, dia tidak faham, saya tidak beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak beri jalan, tidak faham, duduk, tak usah cakap banyak!

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak faham Bahasa Malaysia. Saya tidak beri jalan, duduk! Awak fahamkah peraturan. Awak tidak faham, saya tidak beri jalan, awak duduk. Awak duduk, awak tak faham, saya sudah jawab! Saya sudah jawab apa saya sebut, iaitu kalau amalan itu digunakan berkali-kali, iaitu lebih daripada satu baru jadi convention. Jangan ingat dia hebat sangat, duduklah! Saya tidak beri jalan, duduk! You tak fahamkah. Ya 'berkali-kali', 'satu kali' berkali-kalakah?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana awak tahu!

Tuan Yang di-Pertua: Jelutong.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana awak tahu!

Tuan R. Karpal Singh: Saya peguam, saya tahulah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dalam kerajaan saya tahu. You bukan dalam kerajaan, you peguam pergi mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh ubah kepada perkara-perkara lain.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini dia tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukuplah!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk! Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk, dia tidak faham.

Tuan R. Karpal Singh: Apa standard ini.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: You punya standard apa?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Suruh dia duduk, saya hendak jawab ini. Dia tidak faham Bahasa Malaysia, dia duduk!

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak beri jalan, duduk.

Tuan R. Karpal Singh: Apa mutu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya jawab, you tak suka you punya fasal.

Tuan R. Karpal Singh: Ikutlah Rompin.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Rakyat buat saya jadi Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukuplah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Rakyat buat saya, bukan you pilih sama saya, you duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Sila ubah perkara lain.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat dari Teluk Intan telah berkata berkenaan dengan perlantikan satu commission. Jadi, satu commission Yang Berhormat hendak sebut bahawa commission itu akan menjadi bebas. Sebab itu saya bangun tadi saya bertanya iaitu siapa yang melantik commission ini. Yang Berhormat jawab kepada saya setengah daripada ahli commission ialah swasta, setengah daripada kerajaan. Tetapi siapa yang lantik? Yang melantik kerajaan juga. Jadi, bermakna apa sistem juga yang kita fikirkan untuk melakukan perlantikan hakim-hakim dia terlibat juga dengan perlantikan asal dibuat oleh kerajaan. Dia tidak bebas juga.

Kalau kita katalah dengan meletakkan setengah orang kerajaan dan setengah orang bukan kerajaan. Orang yang bukan daripada kerajaan yang datang daripada Bar Council itu, kerajaan boleh juga menggunakan perlantikan untuk melantik peguam-peguam swasta yang mungkin pro kepada kerajaan. Jadi, maksud saya, saya ingin tahu macam manakah cara yang paling bebas yang hendak diwujudkan satu commission untuk perlantikan. Sebab itu saya tanya kepada Yang Berhormat tadi siapa yang melantik ahli-ahli commission ini?

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itulah sebelum ini saya telah memberitahu Timbalan Menteri yang ternyata di American Judicial Society - saya telah membuat beberapa cadangan. Satu daripadanya ialah yang terkandung di American Judicial Society yang mengatakan 'the best way to choose the best judges'. Jadi, ini satu mekanisme yang tidak terwujud di negara ini yang dicadangkan oleh Majlis Peguam dan lebih transparent and accountability. Kerajaan kata transparent and accountability, tetapi bila melantik hakim tidak ada transparency and accountability. Jadi, adalah menjadi lebih transparent kalau kita ada satu commission dalam hal ini.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siapa lantik commission ini?

Tuan M. Kulasegaran: Jangan ragu semua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila teruskan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okay.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tanya kerajaan tidak melantik commission patutkah tidak bersetuju?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya memberi penerangan ini, sebab saya boleh jawab kepada dia, Tuan Yang di-Pertua, mengatakan kita tidak mengkaji.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi saya hendak berlaku adil kepada dia supaya hendak memberi rasional di sebalik mengapa kita sukar untuk mencari satu kaedah, dan apa lagi yang disebut oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan. Jadi, apabila saya sebut itu maknanya kalau kaedahnya ialah mesti bebas daripada peranan kerajaan, saya ingat commission pun tidak bebas. Sebab ahli commission itu dipilih oleh kerajaan juga. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jika sekiranya Yang Berhormat kata tidak bebas, jangan tanya dia pula, nanti dia bangkit.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Fasal dia bangkit, dia minta penjelasan, sebab itu saya beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Teluk Intan juga bangkit berkenaan dengan Peguam Negara tidak hadir dalam majlis. Saya kira ini saya sudah jawab dalam sesi yang lepas. Sebenarnya sebagai Peguam Negara dia kena asing sedikit, sebab dia hendak prosecute. Kerana hakim pun sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua pun sendiri tahulah pernah jadi hakim, hakim pun sebenarnya dari segi kehidupan life style dia mesti asingkan daripada masyarakat, kerana bimbang dan takut tidak boleh langsung kotor, bukan sahaja bersih nampak bersih. Jadi, kalau kita, dengan izin, parley dengan peguam, nanti akan bangkit berbagai-bagai, apabila mungkin kes dia naik nanti hakim terpaksa buat keputusan pun nampak kotor kerana pernah terlalu baik dengan peguam-peguam yang dia bercampur gaul. Ataupun macam Peguam Negara kalau dia ambil keputusan tidak mahu prosecute satu kes, sebagai contoh yang lawan kes itu ialah kawan dia peguam, mungkin baca sebagai ada sedikit cacat.

Selain daripada itu, Peguam Negara juga kadang-kadang pergi kepada majlis terpaksa buat ucapan. Kadangkala ucapan itu merupakan pandangan peribadi dia, tetapi sepertimana kita semua tahu kebebasan akhbar di sini memang betul-tolah dia sebagai Peguam Negara bercakap. Jadi, itu akan menjadi satu isu besar dan akhirnya akan menyebabkan berbagai-bagai perkara yang tidak diinginkan akan berlaku disabitkan oleh kerana apa yang telah berlaku dalam majlis-majlis ini. Jadi, sebab itu kita mengambil keputusan adalah lebih baik supaya dia tidak menghadiri majlis ini supaya tidak akan berlaku satu salah faham nanti kalau sekiranya apa-apa pandangan yang telah diutarakan dalam majlis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Teluk Intan ada bangkit berkenaan dengan soal IT komputer. Kerajaan sedang mengkaji sistem teknologi maklumat untuk diguna pakai di mahkamah. Cadangan telah dihantar ke Unit Perancangan Ekonomi untuk kajian dan kelulusan mereka. Kerajaan memang setuju bahawa kita mesti, dengan izin, keep face with development. Kalau dunia sudah mengguna IT, dan dalam kenyataan Perdana Menteri menyebut tentang negara kita mesti menggunakan information technology, jadi badan kehakiman tidak dikecualikan. Kita sentiasa mengikut keadaan kekuatan kewangan kita, akan sentiasa, dengan izin, try to keep abreast dengan apa yang diperlukan, yang dituntut oleh dunia sekarang ini, iaitu memperkenalkan IT dan komputer dalam kehakiman.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah kerajaan harus bukan sahaja try to keep abreast, oleh kerana tujuan kita ialah for front information technology. Sebab itu try to keep abreast tidak cukup. Kita perlu hadapan di barisan depan diinovasi information technology sama ada dalam sistem perundangan, kehakiman atau di lain-lain bidang. Di negara-negara yang lain sudah ada sistem di mana peguam-peguam boleh fail kes-kes mereka, affidavit-affidavit melalui satu network information technology. Bilakah Malaysia boleh sampai ke tahap itu, itu masih try to keep abreast belum in a very for front in information technology.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam Parlimen ini dua setengah tahun, saya sudah sangat kenal Ketua Pembangkang, Yang Berhormat dari Tanjong. Sebab itu saya kena humble sedikit, saya sebut keep abreast. Kalau saya kata we must be the for front, nanti dia bangun dia bantai kita balik. Jadi, sebab itu saya cakap we keep abreast, maknanya kalau kita tidak berjaya, jadi tidak bolehlah dibalik dalam Parlimen kata itu kami cakap for front. Saya mahu itu, be humble, we try to keep abreast first. Kalau di tahap yang rendah kita hendak jadi for front macam mana, we try to keep abreast. Jadi, Yang Berhormat dari Tanjong saya harap fahamlah. Kadang-kadang perancangan kita, kita hendak buat sesuatu, macam hari ini hendak buat tidak boleh, sebab dilanda krisis ekonomi. Jadi, sebab itu satu

tarikh yang tetap hendak diberikan agak sukar saya ada sebut di sini, kerana ada faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi cadangan ataupun perancangan kita.

Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat dari Teluk Intan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat dari Teluk Intan menyebut berkenaan dengan hakim-hakim...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Homepage pun sama sekali macam saya jawab tadilah.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, sila teruskan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Adalah tidak benar semua hakim tidak boleh menggunakan komputer. Ramai hakim telah menaip alasan penghakiman mereka sendiri dari komputer peribadi yang dibekalkan. Kebanyakan daripada mereka telah belajar atas inisiatif sendiri dengan wang sendiri untuk menyahut komitmen IT ini. Jadi, accross the board kalau Yang Berhormat dari Teluk Intan kata semua hakim tidak boleh, saya ingat tidak betullah. Saya pernah melawat satu hakim di Tawau dan saya lihat sendiri bahawa semua dia buat dengan komputer. Jadi, ada hakim yang memang atas perbelanjaan sendiri membuat penghakiman dan belajar komputer ini dengan wang sendiri. Jadi, tidak benarlah kalau hakim semuanya tidak boleh menggunakan komputer.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada....

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak mengapa.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang dikatakan mengenai hakim di Tawau ini sebenarnya ramai peguam kenal bahawa dia adalah satu di antara special hakim yang sangat fasih, such an expert in this field of Internet dan sebagainya. Jadi, dalam keadaan ini saya hendak tahu di negara ini bukankah masa sudah datang supaya kita ada satu data base dan supaya kita dapat interlink dan memberi kemudahan kepada semua hakim dengan Internet service supaya mereka tidak perlu lagi merujuk buku-buku, tidak perlu pergi ke library dan sebagainya supaya dapat berada dalam situasi abreast dalam the latest law dalam negara.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut benda ini semuanya kita hendak buat, tetapi terutamanya mesti ada kekuatan kewangan kita. Jadi, kita boleh kata kita hendak buat, tetapi kalau kedudukan ekonomi tidak mengizinkan, kita tidak boleh buat juga. Jadi, sebab itu...

Tuan Yang di-Pertua: Setahu saya telah pun dibuat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang mana?

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah minta semua hukuman-hukuman saya semasa deductive. Saya dapat dalam masa tidak berapa lama.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebagai biasa, humble. *[Ketawa]* Ada benda-benda lain yang belum computerise lagi macam Mahkamah Sesyen, belum. Jadi, saya tidak berani mengatakan bahawa esok kita boleh buat. Bila saya sebut hakim, bukan hakim Mahkamah Tinggi sahaja, tetapi Mahkamah Sesyen, jadi ini belum buat. Oleh sebab itu, saya....

Tuan Yang di-Pertua: Sila ubah perkara lain, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat dari Kuala Pilah telah bercakap berkenaan dengan perlantikan hakim. Dia mencadangkan supaya kita merujuk kepada Majlis Peguam. Kerajaan mahu terbuka dalam hal ini. Kita tidak mahu terikat bahawa tiap-tiap kali kita kena rujuk kepada Majlis Peguam. Sebab kita kerajaan dan ada masa kita rujuk dan ada masa tidak rujuk. Jadi, sebab itu dalam hal ini kita tidak mahu menjadikan sebagai satu syarat iaitu mesti rujuk kepada Majlis Peguam.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang saya maksudkan itu bukan kita menjadi satu mandatori, satu-satu tanggungjawab. Sebagai moral dengan adanya persefahaman mewujudkan satu keseimbangan dengan pihak-pihak badan-badan ini, adakah Yang Berhormat bersetuju demi untuk mewujudkan satu persefahaman keharmonian, kerana yang saya maksud hanya hakim-hakim yang dilantik daripada kumpulan ahli-ahli peguam tidak termasuk kepada kumpulan yang dinaikkan pangkat daripada judiciary. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan maksud saya tadi, iaitu bukan kita hendak jadikan satu mandatori ataupun satu kaedah yang perlu, yang mana sebagai satu penghormatan, satu penghargaan bersama demi untuk mewujudkan satu persefahaman. Itu sahaja, terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebagai kerajaan kita mahu reserve our right to appoint judges from the private sector, dengan izin. Oleh sebab itu, saya cukup untuk menjawab di sini bahawa kita tidak bercadang untuk menjadikan sebagai satu syarat untuk merujuk kepada Majlis Peguam tiap-tiap kali perlantikan hendak dibuat daripada kalangan mereka. Jadi, itu merupakan hak pihak kehakiman dan kalau dia mahu melantik, rekomen kepada Perdana Menteri dan present kepada Agong, itu hak dia dan kita tidak bercadang untuk ianya menjadi satu syarat dalam kita melakukan perlantikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, Jelutong dan juga Teluk Intan, dan banyak jugalah Ahli Yang Berhormat bangkit berkenaan dengan soal hubungan kehakiman dan Majlis Peguam. Saya rasa soal ini bukan soal kedua-dua badan itu, iaitu badan kehakiman dan badan Majlis Peguam. Soalnya, saya ingat ianya personaliti. Satu persoalan kita harus tanya sekarang ialah mengapa sekarang hubungan baik. Jadi, sebab itu untuk menyalahkan Majlis Peguam sebagai satu badan dan menyalahkan kehakiman sebagai satu badan tidak ada hubungan yang baik, saya ingat itu adalah tidak adil. Kerana hubungan ini hasilnya ialah daripada individu, personaliti yang terlibat. Jadi, kita harus bertanya sekarang ialah soalan mengapa kita lihat iaitu hubungan di antara Majlis Peguam dan juga badan kehakiman adalah baik.

Jadi, saya dalam kerajaan sentiasa mengalu-alukan hubungan yang baik di antara badan kehakiman dan Majlis Peguam. Saya kira tidak ada faedah yang dapat kita perolehi kalau sekiranya kedua-dua badan ini bermusuhan-musuhan, dan tidak sepatut pun kerana akan membantut keadilan dalam negara kita. Jadi, soalnya saya fikir di sini ada kita tanya kalau hari ini ada hubungan yang baik, satu persoalan yang harus kita tanya ialah mengapa. Pada saya, saya nampak soal personalitilah. Jadi, sebab itu tiap-tiap individu yang mewakili badan-badan ini harus meletakkan keutamaan kepada badan itu daripada peribadi, itu pandangan saya. Kita mengalu-alukan hubungan yang baik di antara kehakiman dan juga Majlis Peguam.

Saya ingat sudah habis pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah, iaitu dua perkara. Yang Berhormat dari Macang mencadangkan berbagai-bagai cadangan yang pada beliau menyatakan ianya boleh memperbaiki mutu keadilan di negara kita bukan sahaja dalam badan kehakiman, tetapi juga di kalangan ahli Majlis Peguam itu sendiri. Kita dalam kerajaan sentiasa menyokong apa-apa juga usaha yang boleh mempertingkatkan mutu kehakiman dalam negara kita. Jadi, saya kira bahawa dalam soal untuk memperbaiki mutu ini, iaitu perbicaraan dalam mahkamah, Yang

Berhormat juga telah mencadangkan supaya beberapa perkara diambil kira untuk memperbaiki mutu peguam-peguam, saya kira badan yang baik yang harus kita utarakan perkara ini ialah kepada Majlis Peguam. Sebab sepertimana kita semua sedia maklum kalau perkara yang ada kaitan dengan Majlis Peguam sebagai mutu ahli dia, saya kira mereka juga begitu protective.

Kita tengok bahawa dua-tiga bulan dahulu kalau Ketua Hakim kita ada menyebut berkenaan dengan haruslah ada tujuh tahun pengalaman baru boleh pergi ke Mahkamah Tinggi, ini mendapat satu, dengan izin, protest daripada Majlis Peguam. Oleh sebab itu, kalau apa-apa kaedah ataupun perkara yang hendak dijadikan sebagai satu syarat yang ada kaitan dengan ahli-ahli Majlis Peguam, saya ingat ada lebih baik, lebih mudah untuk kita memperkatakan kemudian kalau dia mendapat kelulusan daripada Majlis Peguam itu sendiri. Sebab itu kerajaan setuju, sebab kadangkala hakim-hakim pun duduk dalam jawatan sebagai hakim pun dia frust juga. Sebab itu kadang-kadang Yang Berhormat dari Teluk Intan pun sebut hakim juga manusia biasa, kadangkala kalau peguam yang hadir dalam mahkamah itu tidak dapat menjalankan perbicaraan mengikut mutu dan standard yang dimahukan, sudah tentu mendatangkan frustration. Bukan kita mengatakan bahawa dia boleh mengeluarkan kata-kata, tidak boleh, tetapi manusia biasa beginilah. Saya menyokong kalau sekiranya ini dapat dilaksanakan dan saya harap Yang Berhormat boleh mengutarakan perkara ini dalam Majlis Peguam dan boleh direkomen kepada kita, sudah tentulah untuk memperbaiki mutu peguam ini kita akan menyokong.

Yang Berhormat sebut berkenaan dengan residen majistret di semua daerah. Kita akan berusaha ke arah itu sebolehnya bahawa tiap-tiap daerah ataupun orang Kelantan sebut jajahan. Memang kita berusaha ke arah itu. Tetapi kadangkala kita kena tengok the volume kes itu yang kadangkala menyebabkan majistret itu jadi redundant. Dia duduk di situ kadang-kadang dalam satu-dua bulan ada satu kes sahaja. Maka dia tidak akan ada kerja lain, dia selesai satu kes dan dia duduk sahaja di situ. Ini saya tahu sebab saya melawat di beberapa negeri dan saya sendiri bertanya mengapa kadang-kadang soal geography tidak diambil kira. Macam saya pergi ke Kelantan, mereka menunjukkan dengan statistik yang ada kepada saya bahawa tidak praktikal sebenarnya untuk mewujudkan Residen Majistret di satu-satu tempat kerana volume kesnya adalah sangat berkurangan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak merujuk kepada perkara khusus, Yang Berhormat, satunya di negeri Kelantan. Saya rasa adalah gambaran tidak benar kalau ada pihak yang memberitahu bahawa volume kes itu tidak banyak. Saya sebut contohnya kes di Mahkamah Tanah Merah. Tanah Merah di Kampung Jeli. Di Tanah Merah itu ada sebutan kes sampai pukul 12 tengah hari. Jadi, dari segi volume cases cukup banyak. Kalau dapat itu diwujudkan satu lagi mahkamah di Jeli misalnya, ini akan dapat banyak menyelesaikan masalah di Tanah Merah itu sendiri. Sekarang ini Tanah Merah cover Jeli.

Satu lagi ialah di Kuala Krai dengan Gua Musang. Volume cases memang banyak, terutamanya di Kuala Krai. Dahulu tidak ada mahkamah di Gua Musang. Sekarang Residen Majistret Kuala Krai cover di sana dengan alternate date. Jadi, itu pun kalau dapat diwujudkan satu residen majistret saya percaya tugas majistret ini dapat menyelesaikan banyak masalah di Gua Musang. Ada tempat macam Bachok, Bachok tidak perlu ada resident kerana tidak banyak kes. Tetapi ada tempat-tempat yang memerlukan seorang Resident Majistret tetapi masih belum dilaksanakan. Jadi, dalam kes-kes seperti ini bolehkah Yang Berhormat melihat dan mendapat gambaran jelas statistik yang detail daripada pihak-pihak berkenaan untuk melaksanakan apa yang saya cadangkan tadi?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya melawat Kelantan baru-baru ini dan saya mendapat gambaran yang detail berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu. Pada hari Yang Berhormat pergi hari itu mungkin kes ada banyak kes trafik, dan pada hari berkenaan mungkin banyak sebutan kes itu. Yang Berhormat pun tahu kes trafik tidak semuanya akhir membawa kepada

pebicaraan. Jadi, sebab itu saya hendak sebut di sini bahawa mengikut penjelasan yang begitu jelas dibuat kepada saya, saya mempunyai concern sama dengan Ahli Yang Berhormat. Sebab itu saya tanya mengapa tidak wujud residen mahkamah majistret di tempat-tempat berkenaan dan mereka menunjuk kepada saya dengan statistik. Memang betul sebutan kes trafik banyak, dan Yang Berhormat tahulah sebagai peguam yang mengamal undang-undang kadang-kadang kes trafik ini disebut beberapa hari, walaupun diberikan tarikh perbicaraan akhirnya tidak bicara.

Jadi, sebenarnya actual, dengan izin, perbicaraan yang dibuat oleh hakim-hakim di tempat-tempat berkenaan tidaklah banyak seperti di tempat-tempat lain. Sebab itu dengan peruntukan kewangan yang kita ada pada hari ini tidak membolehkan kita untuk mewujudkan residen majistret di tempat-tempat Yang Berhormat sebut. Walau bagaimanapun, insya-Allah, tahun demi tahun sudah tentulah keadaan akan berubah dan kita sentiasa mengambil kira perkembangan ini dan jika perlu saya percaya kita tidak akan menafikan tempat-tempat berkenaan daripada mempunyai residen majistret mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Machang dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat sebut berkenaan dengan judiciary kita ada berlaku apa yang dikatakan team A, team B. Ada yang mengatakan perpecahan. Saya kira badan kehakiman ini diisi oleh manusia. Saya tidak boleh terima kalau hendak dikatakan bahawa tidak pernah berlaku perselisihan faham di kalangan manusia ini yang menjadi ahli badan kehakiman. Saya rasa dahulu pun ada. Mengapa sekarang ini berbeza. Saya ingat sekarang ini berbeza sebab keadaan berubah. Sebagai contohnya, kalau dahulu kita tengok anak-anak kita semasa kecil kita tidak out-spoken, tidak vokal. Apa yang bapa kita sebut kita dengar dan terima. Itu dianggap sebagai penuh disiplin. Jadi, kita tidak cakap banyak. Tetapi kalau kita tengok pada anak-anak sekarang ini betapa out-spoken dan vokalnya mereka, kerana keadaan berubah.

Jadi, saya percaya keadaan berubah keadaan itu juga berlaku dalam badan kehakiman. Dahulu pun mungkin ada perbezaan pendapat, tetapi mungkin cara dahulu yang tidak out-spoken dan vokal dan mereka maintain disiplin, mementingkan badan kehakiman itu harus mengatasi kepentingan peribadi, sudah tentulah perbezaan pendapat di kalangan mereka itu disembunyikan demi untuk menjaga badan kehakiman ini. Sekarang ini mungkin berlaku, kerana saya tidak tahulah mungkin tidak ada disiplin di kalangan ahli-ahli badan kehakiman ataupun mungkin mereka lebih vokal sekarang dan tidak akan terima apa-apa arahan-arahan dengan begitu sahaja. Jadi, sebab itu kita tidak boleh buat satu pandangan yang *perse*. Maknanya, simplistic mengatakan dahulu tidak ada tetapi sekarang ada. Saya percaya dahulu pun ada perbezaan pendapat, sebab kita manusia.

Sejarah perbalahan di antara manusia mula daripada Khabil dan Habil lagi bergaduh. Jadi, tidak mungkin badan kehakiman dahulu tidak ada perbezaan pendapat dan sekarang sudah ada. Yang penting di sini ialah suasana berbeza dan mungkin disiplin tidak begitu ketat sepertimana dahulu. Dalam UMNO pun kita tengok dahulu tidak sampai berpecah. Sekarang ini sampai kita berpecah.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Mengakui sebagaimana Yang Berhormat mengatakan tadi kita sebagai manusia biasa begitu juga hakim dan berlaku perbezaan pendapat itu perkara biasa. Adakah Yang Berhormat bersetuju dalam konteks kedudukan sebagai hakim yang sepatutnya diberi kepercayaan oleh semua pihak dan melambangkan satu teladan yang baik dalam proses menjalankan tanggungjawab kepada awam tidak sepatutnya menampakkan adanya perilaku yang boleh menjejaskan kepercayaan rakyat. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa seorang hakim atau badan kehakiman itu sepatutnya perlulah tahu membezakan emosi, peribadi, individu tetapi dalam proses menjalankan tanggungjawab sebagai hakim untuk kepentingan rakyat, tidak sepatutnya menampakkan adanya sedikit-sebanyak kelemahan yang boleh menggugat kepercayaan dan keyakinan rakyat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya begitulah. Syarat itu bukan sahaja terikat kepada hakim-hakim tetapi kepada semua, kepada kerajaan, kepada Ahli Parlimen jangan mendatangkan kurang keyakinan rakyat kepada kita. Jadi, ini bukan satu syarat yang dikenakan kepada hakim-hakim sahaja tetapi kepada semua, dan hakim-hakim ini bukannya robot. Mereka merupakan manusia yang serba-serbi dengan kelemahan dan bermacam-macam lagi. Jadi, kita tidak mengatakan bahawa tidak berlaku. Saya sudah jawab tadi mungkin dahulu pun berlaku. Ini bukan kita hendak deny benda ini tidak berlaku di dalam, tidak, benda ini berlaku. Jadi, sebab itu kita juga kena ambil kira bahawa dalam kita menuntut satu standard yang tinggi kepada mereka kita juga harus memahami bahawa mereka ini terdiri daripada manusia-manusia. Kita akan seberapa yang boleh mencuba untuk memastikan standard yang paling tinggi bukan sahaja untuk badan kehakiman tetapi untuk kita semua. Tetapi kalau, dengan izin, along the way berlaku sedikit kesilapan, perselisihan, ini lumrah manusia yang tidak boleh kita lari.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga ada sebut berkenaan peribadi dan tingkah-laku hakim-hakim. Di samping mereka mungkin tergelincir dan melakukan perkara itu, saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat bahawa hakim-hakim pada masa ini terikat dengan Kod Etika Hakim. Semua perkara yang boleh dan tidak boleh dibuat, iaitu 'does and do' telah disenaraikan. Jika ada hakim-hakim yang melakukan salah laku, ianya akan diambil tindakan mengikut kod etika ini. Jadi, kita ada kod etika ini dan kita akan mengambil tindakan terhadap mereka yang telah melanggar kod etika ini.

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Teluk Intan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap, saya akan beri jalan kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Machang membangkit cadangan memberi pengecualian tempoh tertentu kepada pegawai kerajaan yang telah berkhidmat dalam badan kehakiman dan perundangan. Amalan sekarang ialah pegawai-pegawai dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan yang telah berkhidmat tujuh tahun ke atas diberikan pengecualian daripada mengikuti latihan dalam kamar bagi tujuan diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara, ada sekarang.

[Timbalan Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang Berhormat juga ada sebut berkenaan litar Mahkamah Sesyen. Sistem litar hakim ini telah pun kita pertimbang sebenarnya dan ianya pernah kita lakukan dahulu tetapi dihentikan kerana atas alasan tidak praktikal. Yang Berhormat sebut pun betul, yang kita pun betul. Kita pun merasa daripada kajian kita tidak praktikal juga untuk menghantar hakim Mahkamah Sesyen pergi sana kerana banyak masa dihabiskan dalam perjalanan dan ruang mahkamah juga tidak mencukupi jika hakim litar bersidang, majistret daerah tidak dapat menjalankan perbicaraan dia. Tetapi kalau kita dapat mengatasi semua ini, esok kita ada bangunan kita, saya percaya ini boleh dilaksanakan. Waktu ini memang tidak praktikal kerana di kawasan-kawasan daerah dan jajahan hanya ada satu bangunan sahaja dan kes majistret terpaksa dihentikan semata-mata untuk membicarakan kes sesyen ini. Itu jawapan saya.

Yang Berhormat dari Jelutong....

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Teluk Intan.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai kod etika, bolehkah saya mendapat penjelasan, adakah mana-mana hakim yang tersabit

sejak ia diimplementasikan kod etika ini, dan adakah hakim-hakim Mahkamah Sesyen tertakluk kepada kod etika ini? Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, semualah. Jadi, mana yang diambil tindakan saya tidak ada jawapan di sini, kerana Yang Berhormat pun tanya off the come dan kita tidak ada maklumat-maklumat berkenaan dengan mereka yang diambil tindakan. Walaupun begitu saya rasa kalau ada yang diambil tindakan secara peribadi, nama-namanya tidak boleh kita berilah, mungkin kita akan jawab ataupun tidak.

Tuan M. Kulasegaran: Jadi, ada ambil tindakan?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak tahu lagi, perkara ini sensitif dan saya mesti rujuk dahulu sebab saya tidak boleh jawab begitu sahaja. Saya mesti minta notislah.

Yang Berhormat dari Jelutong ada membangkitkan berkenaan dengan separation of powers, eksekutif tidak boleh menguasai judiciary. Memang kita faham the ideal separation of powers, dengan izin. Sebaik-baiknya judiciary, legislative, executive mesti independent. Tetapi bila mari kepada soal praktik agak sukar. Sebagai contoh, macam mana kita hendak kata judiciary sekarang independent kalau kita legislative yang menentukan kenaikan gaji dia semua. Jadi, bermakna dia tidak independent juga, sebab hendak bayar gaji dia kita legislative kena putuskan macam kita bincang pada hari ini. Jadi, dia juga tertakluk kepada legislative. Jadi, dalam masa yang saya setuju bahawa memang idealnya ialah separation of powers mesti dilaksanakan. Setakat mana yang kita boleh buat, insya-Allah, kita buatlah.

Sebab itu dalam soal perlantikan tadi saya pun hendak tahu juga cara yang mana yang paling sesuai untuk melantik hakim. Macam di Amerika, mereka ada pemilihan, tetapi pemilihan itu juga agak bahaya, playing to the galary. Jadi, kalau orang pilih saya jadi hakim, esok kalau kes naik di depan saya, saya sudah terhutang budi dengan dia. Jadi, kita ingin covers, saya kira dunia sedang lagi melihat cara mana yang paling baik untuk memastikan ada ideal separation of powers.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jelutong ada membangkit berkenaan dengan Kementerian Kehakiman. Saya ingat saya sudah jawab banyak kali perkara ini dan saya tidak ada apa-apa maklumat tambahan.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa kita cuba tengok usaha bagaimana kita mencapai atau mengadakan satu sistem ideal separation of powers. Memanglah kita perlu cuba, usaha oleh kerana bagaimana ini boleh dicapai tentulah mengujikan kebolehan manusia. Tetapi di Malaysia masalahnya bukan kita usaha bagaimana kita boleh mengadakan satu separation of powers. Bukankah sebaliknya sejarah Malaysia khususnya dalam dua puluh, tiga puluh tahun ini ialah kecantuman kuasa-kuasa ini, the unification of this, what should be the separation of powers. Itulah trend yang sebaliknya. Masalahnya ialah bukankah benar, bukankah mustahak kita perlu reverse trend ini di mana ada concentration of powers. Bukan kita usaha mana-mana sistem mungkin sistem yang lebih baik, balance separation of powers tetapi concentration of powers yang perlu direverse dan arrested.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita mewarisi Perlembagaan ini daripada kita merdeka dahulu. Jadi, dari segi soal separation of powers ini seboleh-bolehnya kita hendak berlaku separation of powers. Saya tidak tengok macam mana lebih independennya mahkamah ini. Parti saya pun dalam tahun 1988 dianggap tidak sah. Kalau hendak kata sistem mempengaruhi mahkamah satu panggilan tidak cukup. Tetapi kita terima bahawa keputusan itu dan kita terimalah apa keputusan mahkamah. Jadi, banyak benda yang dilakukan di mahkamah yang menampakkan independent. Tetapi jangan pula ada satu-dua kes yang mungkin memihak kepada kerajaan maka tidak berlaku independent of judiciary. Saya ingat tidak adillah begitu. Saya duduk dalam Jabatan Perdana Menteri yang juga memantau dan dipertanggungjawabkan untuk Kementerian Kehakiman. Tidak pernah

pun orang datang berjumpa saya atau telefon saya minta letak kes, tidak pernah. Saya tidak pernah pun telefon beritahu kepada hakim tentang kes itu, tidak ada. Tidak ada langsung.

Saya ingat yang kita ada cuma mungkin hendak bayar gaji dia sahaja dan apa ada dalam Perlembagaan, itu kena ikut. Kalau ada satu perlantikan beri kepada Perdana Menteri, Perdana Menteri beri kepada Agong. Jadi, sebab itu saya hendak beri jaminan di sini bahawa sebenarnya percayalah tidak ada kita mempengaruhi hakim-hakim dalam kes-kes tertentu. Apa-apa perlantikan sebenarnya berlaku pada hari ini itu di atas hakim sendiri. Dia yang sampaikan nama dan dia beri nama dan terus kepada Agong.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dalam soal perlantikan hakim-hakim walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh angkat kepada Yang di-Pertuan Agong, saya rasa ada satu lagi badan yang boleh menyemak perlantikan ini iaitu Majlis Raja-raja Melayu. Bukankah semua nama ini dibawa ke Majlis Raja-raja Melayu untuk ditapis sekali lagi. Itu prosedur, saya difahamkan begitu. Jadi, soal bahawa Perdana Menteri mempengaruhi saya rasa itu tidak berapa tepat dari aspek itu, kerana ada satu badan yang ketiga, iaitu Majlis Raja-raja Melayu yang nama semua hakim dibawa ke sana. Sama ada diperkenan atau tidak, itu jadi satu lagi tingkat lapan yang dapat dibuat dalam soal perlantikan ini.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dalam Perlembagaan, Tuan Yang di-Pertua, hanya kepada Agong. Saya tidak tahulah, mungkin Agong panggil Majlis Raja-raja bermesyuarat dan lihat nama, saya tidak tahu. Tetapi mengikut Perlembagaan kita Perdana Menteri beri nama kepada Agong dan kata lulus, okay, itu caranya. Tetapi yang penting di sini kita tidak mencampuri dalam hal-hal mereka, sama ada dia hendak jadi hakimkah, siapa hendak jadi hakim, ini semua atas nama yang diberikan oleh ketua hakim. Pada hari ini Tun Eusoff Chin, mungkin dia bincang dengan beberapa orang, nama itu daripada mereka dan yang daripada Majlis Peguam pun kita tidak kenal mereka. Tetapi kalau nama itu ada, kita setuju.

Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat berasa salute dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah mengeluarkan satu statement pada hari ini bahawa beliau tidak pernah mempengaruhi Jabatan Kehakiman dalam membuat satu-satu keputusan. Mungkin Yang Berhormat demikian, apakah atau orang lain tidak seperti Yang Berhormat. Apakah tidak mungkin orang lain tidak seperti Yang Berhormat. Tetapi apa yang kita tahu selama ini banyak dalam kes tertentu dalam negara kita ini menampakkan kepada masyarakat, pihak kerajaan, pihak orang-orang tertentu dalam politik pemerintah telah mencampur tangan sehingga keputusan sepatutnya begini tetapi akhirnya begini, sepatutnya benda itu dilanjutkan tetapi tidak dilanjutkan dan sebagainya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat tidak betul apa Yang Berhormat sebut. Apa yang dia tahu itu sebenarnya dia tidak tahu, tidak betul. Dia dengar orang cakap-cakap sahaja. Jangan begitu Yang Berhormat. Yang Berhormat datang daripada parti Islam, ambil fakta betul-betul, jangan dengar sebelah pihak, dengar kedua-dua belah pihak. Saya minta, itu penting. Mungkin kalau saya dalam Barisan Nasional tidak buat, tidak cek tidak mengapalah, kita bukan atas nama Islam walaupun tidak semestinya Islam apa yang dibuat. Tetapi kita kena cek kedua-

dua belah pihak dahulu. Jangan kita terima apa orang cakap itu sudah betul. Buat penyiasaan dahulu dan tengok.

Sebenarnya Yang Berhormat, saya cerita di kalangan kita dalam Barisan Nasional, kadang-kadang ada kes orang sebut itu dan ini. Kalau kita mempengaruhi mahkamah kita berani ambil tindakan. Macam Yang Berhormat sebut di Singapura sampai orang mengatakan bahawa mahkamah di Singapura itu....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap, Yang Berhormat. Mahkamah di Singapura itu seolah-olah mengikut telunjuk kerajaan. Kita tidak berani hendak bawa ke ke mahkamah. Bukan kerana tidak ada kes. Sebab orang pergi ke mahkamah belum tentu dia ada kerja, bererti dia tengok kalau dia ada ruang boleh lawan dia lawan. Kadangkala kita hendak bawa pun kita bimbang, kita takut. Kita sendiri pun mungkin - kalau Yang Berhormat di sebelah sana bimbang takut bahawa hakim itu memihak kerajaan, kami juga bimbang, takut hakim itu mungkin itu memihak sebelah sana. Jadi, ini serupa, tetapi kita tidak pernah hendak bercakap bantai, tetapi kita pun juga ada itu.

Ini bermakna bahawa hakim itu bebas. Kita pun fikir empat-lima kali hendak bawa kes tertentu yang melibatkan individu-individu dalam Barisan Nasional.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih. Misalnya saya beri satu contoh. Misalnya, kes bekas Ketua Menteri Melaka, mereka ada dua kes yang sepatutnya diselesaikan secara baik dan rakyat sedang menunggu apakah keputusan yang selanjutnya tetapi keputusan yang dibuat oleh hakim menggambarkan kepada kita seolah-olah ada campur tangan daripada orang-orang tertentu. Apakah Yang Berhormat berani menyatakan di dalam Parlimen pada hari ini bahawasanya dalam kes Rahim Thamby Chik ini tidak pernah pihak orang-orang tertentu dalam kerajaan telah mengambil campur tangan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya berani bercakap kita tidak campur tangan sebab hakim buat keputusan. Cuma saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat, kes Wakil Rakyat Kubang Kerian itu berani Yang Berhormat kata bahawa mahkamah di Kelantan tak campur tangan? *[Tepuk]* Duduk dalam rumah kaca Yang Berhormat, jangan baling batu ya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat mesti memperbetulkan fakta yang tak betul tadi. Dia kata dalam kes Rahim Thamby Chik, hakim membuat keputusan. Mana ada hakim membuat keputusan dalam kes Rahim Thamby Chik. Tak ada pun, itu tak betul fakta itu. Fakta itu menyeleweng itu. Kes apa yang berlaku caj di mahkamah tarik atas Peguam Negara, sebab-sebab yang diketahui oleh Peguam Negara.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Peguam Negara telah dipengaruhi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Mana hakim buat keputusan? Tengok, ha itu tak betul itu. Tak pernah diputus oleh hakim. Itu mesti diingat dalam kes.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Telah ada campur tangan dari pihak orang yang pertama, yang kedua, yang ketiga.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ini dia putar cerita pula. Saya dengar lagi tadi, boleh cek *Hansard*, dia kata hakim buat keputusan dalam kes Rahim Thamby Chik. Tidak pernah ada keputusan mahkamah dalam kes Rahim Thamby Chik, yang ada ialah keputusan Peguam Negara. Itu tak betul fakta itu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong menyatakan bahawa merayu untuk ...

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Tumpat bangun lagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa lagi Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya mahu betul-betul keadilan itu dapat ditegakkan di dalam negara kita ini.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hendak apa?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kita mahu supaya Jabatan Kehakiman tidak diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya ia menjadi satu jabatan, ia betul-betul independence, dapat berdiri sendiri, bebas, tidak ada campur tangan. Apabila diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri ini bererti adanya campur tangan secara undang-undang yang telah berlaku di dalam negara kita ini. Ini tidak demokratik namanya. Yang Berhormat faham, kenapa buat tak faham? Kalau Kubang Kerian tak faham ini munasabah, kalau Machang itu tak faham munasabah, dia itu Machang. *[Ketawa]* Machang apalah macang ini, macam-macam jawabnya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya saya berucap menggulung ini sudah dekat satu jam, dia baru masuk. Kita dok bincang daripada tadi dah, macam mana hendak pastikan kebebasan ini. Dia hendak sebut jangan letak di bawah Jabatan Perdana Menteri, letak di bawah Kementerian Kehakiman. Menteri Kehakiman itu siapa? Ahli Majlis Tertinggi UMNO, kalau hendak kira ada tak bebas - tak bebaslah juga. Sebab menteri yang jadi Menteri Kehakiman itu adalah daripada UMNO juga, daripada kerajaan, tak bebas juga.

Jadi, sebab itu Yang Berhormat, bila kita bercakap, beri cadangan macam Teluk Intan, dia beri cadangan, saya fikir mana yang tidak boleh - tidak bolehlah. Jadi, ini kata diletak satu kementerian. Menteri itu siapa? Menteri itu orang UMNO juga dan kalau hendak dikira tidak ada kebebasan - tak bebaslah, sebab dia ahli UMNO juga, dia di bawah satu parti. Pada saya adalah lebih baik Kementerian Kehakiman ini diletak di bawah JPM kerana Perdana Menteri mengambil berat berkenaan dengan perkara ini, hendak minta apa-apa saya senang minta, hendak buat hakim, buat mahkamah lagi apa, di bawah JPM, kita boleh dapat peruntukan banyak, tetapi kalau Kementerian Kehakiman, tidak silap sayalah

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk dahulu, saya beri jalan nanti. Jangan bimbang, setakat Tumpat, no problem. Kalau kita melihat senarai waktu Kementerian Kehakiman menjadi satu kementerian dalam Parlimen yang dahulu, Kementerian Kehakiman ini hujung, bermakna dari segi prioritinya bawah, apabila kita bincang di peringkat jawatankuasa, mengikut peruntukan kementerian-kementerian, di bawah!

Jadi, kita rasa tak sepatutnya begitu sebab kalau menterinya Ahli Parlimen itu junior, jadi sudah jadi junior kementerian itu. Sebab itu kita ambil diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri menunjukkan bahawa betapa penting soal undang-undang ini kepada kita. Memang penting, tidak boleh dinafikan memang penting dan sebab itulah

dan kita tidak mahu buat kerja dua kali dalam Perlembagaan hendak lantik hakim cadangan kena beri kepada Perdana Menteri, kalau dia di Kementerian Kehakiman maknanya kena beri satu proses bawa ke Kementerian Kehakiman, kemudian Kementerian Kehakiman bawa kepada Perdana Menteri dan Perdana Menteri bawa pula - tak guna.

Sebab itu mengikut pandangan kita bahawa adalah lebih baik bahawa kehakiman ini diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri kerana pelbagai sebab, di antaranya saya tahu ialah untuk mendapat peruntukan yang besar untuk kita membina lebih banyak mahkamah lagi dan mengadakan hakim. Kena berhenti dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, hendak minta jalan?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, Usul!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Belum lagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Belum? Okay!

Tuan Yang di-Pertua, Tumpat hendak bangun?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, semuanya mahu letak di bawah Jabatan Perdana Menteri, dahulu Badan Pencegah Rasuah tidak diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri, sekarang diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri, begitu juga semua diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri, ini menampakkan kepada rakyat bahawasanya 'ada udang di sebalik batu'. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Masalah Yang Berhormat, kadang-kadang we plan jauhlah, saya sudah cakap kepada dia, letak di bawah mana pun masih di bawah kerajaan yang sama. Jadi, kita tidak usah pura-puralah, kita hari ini kita hendak macam Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu kata jangan kita berpura-pura dan kita kena cerita benda yang benar. Kalau dah benda itu memang benar, kita yang menguasai, letak di bawah kita, buat apa kita cuba mengabui mata rakyat, itu hendak menipulah. Cara PAS mungkin lah kot hendak menipu. [*Tepuk*]

Letak Badan Pencegah Rasuah di bawah kementerian lain supaya rakyat nanti tak tahu bahawa kita control, supaya dia tengok bahawa kementerian lain yang control. Yang sebenarnya Perdana Menteri juga yang control. Tak usah pura-puralah Yang Berhormat. Benda yang betul kita menguasai, kita kuasailah, macam mana hendak buat? Letak di bawah kementerian apa pun, kita tak mahu menipulah dan tak mahu mengabui mata rakyat sepertimana Ahli Yang Berhormat cadangkan, supaya rakyat tak faham, tak usahlah, mungkin itu kerja PAS saya tak tahulah, tetapi kerja kita - kita telus.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ada Usul.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ada Usul.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tumpat, ada Usul ini. Lagi pun Yang Berhormat sudah banyak soal tadi. Ya, silakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam.”

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana kesuntukan masa Yang Berhormat, cuba padatkan seberapa yang boleh.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya cuba padatkan kalau mereka tidak kacaulah. Saya tidak boleh janji.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi sama ada hendak beri jalan atau tidak, terserah kepada Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya akan guna budi bicara sayalah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ada membangkitkan soal hubungan dengan Majlis Peguam, kita bersetuju.

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat, Jelutong bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Dari segi logik apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, apa yang dinyatakan adalah ini. Masa dahulu ada Kementerian Kehakiman, Kementerian Keadilan, tak payah mengadakan itu sekarang, jika di bawah Jabatan Perdana Menteri itu mencukupi kerana Perdana Menteri jadi Perdana Menteri yang control semua. Jika itu logik tak payah ada kementerian lain pun, semua boleh jadi kementerian di bawah Jabatan Perdana Menteri, itukah logik, kenapa dalam masa lampau ada kementerian lain? Kementerian Kehakiman, Kementerian Keadilan, sekarang sudah ubahsuai fikiran, kenapa, bagaimana jadi begitu?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita punya logik bukan dia punya logik! Kita sebagai kerajaan, kita sudah tahu dahulu waktu masa ada Kementerian Kehakiman dalam masa katalah lima, sepuluh tahun kita dapat tahu bahawa ada perkara-perkara yang ianya boleh diselesaikan dengan lebih baik kalau diletak di bawah JPM. Sebagai contoh seperti yang saya sebutkan tadi, macam perlantikan hakim, buat apa hendak buat kerja dua kali, hendak beri kepada Kementerian Kehakiman dahulu nama-nama ini, kemudian Menteri Kehakiman tengok beri kepada PM, jadi ini banyak kerja, buat apa? Itu satu saya sebut, banyak lagi dari segi peruntukan. Sebab Kementerian Kehakiman apabila peruntukan kita setiap tahun kita lawan peruntukan ini untuk mendapatkannya, kadang kala kerana kita Kementerian Kehakiman, ini berlaku di mana-mana negara pun kalau Treasury mereka ada keutamaan, kalau kita melihat komedi cerita ‘Yes, Prime Minister’ bagaimana orang berebut untuk mendapat peruntukan dari Treasury. Jadi, kalau seorang menteri

itu dia junior katakan, dia jadi Menteri Kehakiman, mungkin dia punya cloud tidak kuat dan apa yang dia minta untuk Kementerian Kehakiman tidak dapat, tetapi di bawah JPM, itu Perdana Menteri, kita cuma perlu hanya beritahu kepada Perdana Menteri iaitu kita perlukan ini dan ia terima rasional kita, dia minta kita boleh dapat.

Jadi, ini soal integrity practicality of running a government, yang kita tahu dan Yang Berhormat tak tahu, saya faham Yang Berhormat tak tahu, tetapi baguslah tanya, saya hendak ceritalah ini. Jadi, logik yang Ahli Yang Berhormat berikan itu adalah illogical, itu sahajalah kepada kita. Kita ada logik kita, sebab itu kita buat perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian dari segi protokol Ahli Yang Berhormat sebut, menteri protokol, ketua hakim tinggi. Jadi, kalau kita ada Menteri Kehakiman macam mana Menteri Kehakiman dalam kementerian dia tinggi tetapi dalam protokol kalau pergi makan dinner atau apakah, dia punya Lord President atau ketua hakim itu lebih tinggi dari dia. Jadi, ini benda yang tidak selaras, sebab itu lebih baik, sudah tentu kalau Perdana Menteri, Bahagian Undang-undang diletak di bawahnya, protokol Lord President tidak mungkin lebih tinggi daripada Perdana Menteri.

Jadi, ini semua diambil kira, bukan satu, dua, banyak perkara kita ambil kira dan kita memikirkan bahawa adalah lebih baik diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Soal peranan Majlis Peguam. Saya bersetuju iaitu bahawa kita mesti mempunyai hubungan yang baik dengan Majlis Peguam dan tidak ada sebab mengapa kita hendak bergaduh dengan mereka, saya ingat ini civil society, masyarakat madani, apa fasal kita hendak bergaduh dengan orang, saya rasa kalau semua baik, kita boleh kerjasama dan kita boleh membangun negara dan memang untuk kebaikan hubungan yang rapat dengan Majlis Peguam itu memang kita galakkan.

Ahli Yang Berhormat menyebut berkenaan dengan hakim Dr. Vadivessu yang letak jawatan, sebenarnya saya pun tidak ada maklumat di sini, saya difahamkan iaitu bahawa kalau ada apa-apa berlaku pun, perletakan jawatan atau apakah, maka sudah tentulah surat itu akan dihantarkan kepada Yang di-Pertuan Agong dahulu dan sesudah dia dimaklumkan barulah mungkin ianya akan diproses sampai ke bawah.

Jadi, setakat ini kita belum menerima apa-apa lagi, mungkin saya kira kalau ceritanya sudah berbangkit mungkin orang badan itu sendiri menghantar surat kepada Agong, itu mungkin. Jadi, apakah keputusannya belum kita ketahui lagi. Jadi, saya tidak ada detail.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh menerima bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada maklumat. Tetapi tidakkah pegawai-pegawai dalam Jabatan Kehakiman yang datang untuk membantu Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada maklumat pun, kerajaan langsung tidak ada maklumat pun, adakah keadaan ini bahawa kita ada satu keadaan 'no government' - tak boleh. Kita tentu mesti ada jawapan. Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang mungkin secara peribadi tidak ada, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri mewakili kerajaan, tidak boleh kerajaan tidak ada maklumat.

Saya harap boleh dapat maklumat daripada pegawai-pegawai, kalau tidak pegawai-pegawai cuai, membawa pegawai-pegawai yang tidak ada pengetahuan, tidak ada maklumat dan sebab itu kita mahu Peguam Negara datang ke sini. Peguam Negara ada tanggungjawab datang ke Parlimen untuk bertanggungjawab kepada Parlimen, bukan lari daripada Parlimen.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bukan pegawai-pegawai saya cuai. Dalam Parlimen kita kena beritahu perkara yang rasmi. Kita ada prosedur kita melantik dan meletak jawatan, ada benda yang kita hantar surat kepada bos kita, kita sudah beritahu kita letak jawatan, tetapi bos kita pun ada hak untuk membuat keputusan sama ada hendak menerima perletakan jawatan kita ataupun

tidak. Jadi, setakat sudah beri surat, itu belum rasmi, kita boleh beritahu benda yang rasmi dalam ini, ada benda-benda yang belum rasmi apa fasal kita hendak beritahu, kalau benda itu belum rasmi kita beritahu nanti tak jadi, Yang Berhormat juga yang akan bangun dan 'bantai' kita.

Sebab itu pegawai saya tidak cuai, benda ini belum rasmi lagi dan kita pun belum tahu apakah keputusan yang akan diambil. Saya hanya boleh memberi maklum benda yang rasmi. Sebab itu saya tidak boleh, Yang Berhormat sebut macam itu, saya tidak boleh, Yang Berhormat kata pegawai saya cuai, dia tidak cuai. Sebab benda ini belum rasmi lagi dan saya bertanggungjawab untuk memberikan pengetahuan benda yang rasmi.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, perkara dan isu ini bukan rasmi, perkaranya ialah benar atau tidak benar, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bahawa hakim Yang Arif Visnu ada letak jawatan, benar tak benar. Bukan rasmi tak rasmi - benar tak benar dan itulah kalau belum buat keputusan untuk terima atau mahu memujuk beliau untuk tarik balik, itu hal yang lain patut memberi satu jawapan kepada Dewan yang mulia ini tetapi benar tak benar, bukan rasmi tak rasmi dan benar tak benar bahawa beliau ada meletak jawatan, kalau tak silap saya dengar 1 Disember, kita mahu satu jawapan. Kalau betul ada letak jawatan tetapi sama ada kerajaan masih dalam proses meminta beliau mengkaji semula atau apa-apa, itu terpulang kepada kerajaan sama ada mahu laporkan kepada Dewan ini. Tetapi fakta di sana ialah adakah perletakan jawatan dibuat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab benar ataupun tidak benar, sama ada, ada seorang hakim ataupun Dr. Vadivessu ini letak jawatan, banyak bergantung kepada bila perletakan jawatan itu bermula, berkuatkuasa dan kita ada prosedur memberi surat kepada Agong belum lagi kita menjawab benar atau tidak benar, sebab ia belum lagi bermula effective, dengan izin penguatkuasaan letak jawatan itu, sebab itu kita tidak boleh beritahu. Jangan berlaku macam kes dahulu macam Tan Sri Saleh Abas dahulu, dia kata dia hantar surat, lepas itu dia tarik balik, sebab ada masa untuk dia tarik balik dan kalau dia tarik balik surat, mungkin surat itu diterima, dipujuk kata continue ataupun dia tarik balik, macam mana ketika itu?

Jadi, soalnya benar atau tidak benar, dia sudah letak jawatan, itu mula letak jawatan kita hendak tahu effective date masa bila. Masa berikah ataupun masa pihak kehakiman kata, saya terima perletakan jawatan ini maka bermula ... Ha, baru ada keputusan. Sebelum itu saya tidak boleh beritahu Yang Berhormat. Yang Berhormat fahamlah! Banyak benda juga kita kena umum di sini, yang rasmi, yang benar baru kita beritahu. Sebelum itu kalau masih lagi dalam proses kita tidak beritahu lagi, sebab kita tak mahu nanti tarik balik. Saya dalam Parlimen, saya telah beritahu sudah letak jawatan, tiba-tiba tidak letak jawatan, tak malukah saya?

Yang Berhormat kena faham saya punya peranan juga dalam kerajaan ini, dalam Parlimen. Jadi, sebab itu

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, boleh.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ketua Pembangkang hendak kena beri juga.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri sekali lagi oleh kerana saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan mengelirukan Dewan yang mulia ini, kita tahu tanggungjawab, kita mahu Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan yang benar. Benar bahawa sesiapa yang letak jawatan ada effective datenya dan soalan ialah adakah beliau meletak jawatan dan jawapan yang patut dibuat oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri ialah, ia atau tidak. Ia beliau ada hantar surat perletakan jawatan 'with effect from', itulah patut dilaporkan, bukan di sini untuk memainkan mana tahu bila letak jawatan, apa effective date, tak mahu dia tarik balik semacam Saleh Abas, itu tak kena-mengena, sama ada beliau ada letak jawatan, kalau benar dan laporkan 'with effect from when' dan adakah usaha dibuat supaya beliau mengkaji balik. Don't go round the world.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tak pergi round the world. Dia tanya saya sudahkah dia letak jawatan ataupun tidak. Saya sudah kata, kita hendak tahu letak jawatan ataupun tidak, bila surat dia tulis itu, diterima perletakan jawatannya baru kita boleh beritahu. Hari ini kita tidak tahu lagi, kita belum tahu, sebab itu kita tidak boleh beri jawapan yang tidak benar. Yang Berhormat jangan paksa saya untuk menyebut sesuatu yang tidak benar, sebab benda itu kalau dia tulis surat kepada Agong, saya percaya mungkin belum sampai lagi kepada tuan hakim. Itu belum lagi. Yang Berhormat sabar, tunggulah, it is a matter of few days.

Jadi, tiga, empat atau lima hari lagikah, saya pun tak tahu, dapat tahu besok, dunia akan tahu. Jangan bimbang. Saya tidak nampak apanya advantage kalau kita beritahu dalam Dewan sekarang dengan besoknya betul-betul berlaku kita umumkan dalam akhbar, beritahu juga. Yang Berhormat kena fahamlah iaitu bahawa memang sekarang ini dalam dia menulis surat dan kita tunggulah, tengok macam mana. Sebab kita semua tahu bahawa perletakan jawatan ini ada prosedurnya. Jadi, saya harap Yang Berhormat fahamlah apa yang saya jawab ini.

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah benar Dr. Vessu Sinnadorai ada dijadualkan untuk pergi ke Tawau mulai dari 1 Disember, jika benar adakah dia pergi ke sana sehingga hari ini dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengetahui bahawa kereta rasmi dia pun sudah di'reposses', apa yang saya difahamkan. Perkara ini sudah jauh daripada letak jawatan, 'his official car also had been reposses by the government'.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu Yang Berhormat difahamkan, jadi, saya tak tahu sama ada fakta itu fakta. Setiap akhir tahun kita mengadakan transfer, mungkin beliau disuruh pindah ke Tawau, tetapi ini perkara biasa, kita apabila jadi pegawai kerajaan, pada bila-bila masa kita kena faham bahawa kita boleh dipindah ke mana-mana.

Jadi, ia, memang setiap tahun kita melakukan perkara ini, perkara biasa dan mungkin dia telah diarahkan untuk pindah ke Tawau, tetapi saya tidak nampak apa benda yang luar biasa dalam perkara ini, tak tahulah kot mungkin tak suka Sabah kot, jauh sangat. Sabah hulu, tak mahu pergi, saya tidak tahu. Tetapi saya ingat dalam badan kehakiman tidak sepatutnya berlaku ada hakim yang tidak boleh diarah pindah ataupun apa, saya ingat itu perkara biasa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Tanjong pun bertanya hubungan baik dengan Majlis Peguam, saya bersetuju kita ada hubungan baik, tetapi Perdana Menteri dia bukan hanya jaga persatuan profesion seperti peguam sahaja, ia juga arkitek, persatuan doktor, jurutera, saya tidak nampak mereka bising kalau Perdana Menteri tidak pergi rasmi di makan malam. Dan saya tidak pula nampak bahawa mereka membangkit sebagai satu isu bahawa Perdana Menteri tidak suka kepada mereka kerana tidak pergi jenguk macam mana persatuan jurutera, perjalanan mereka. Persatuan Arkitek Malaysia tak pergi dinner mereka, macam mana, mereka tidak rasa langsung tersisih disabitkan oleh kerana Perdana Menteri tak pergi kepada malam persatuan mereka atau apakah. Mengapa yang Majlis Peguam merasakan bahawa diri mereka ini terlalu lebih penting daripada yang lain? Seheinggakan kalau Perdana Menteri tak jenguk mereka pun menjadi satu isu.

Jadi, saya ingat kita kena dengan izin, trick everybody the same. Dan dalam keadaan negara yang membangun dan begini banyak kerja yang kita buat, janganlah menganggap iaitu bahawa kerananya mengikut ingatan mereka, entah bila Perdana Menteri jumpa dan pergi ke Majlis Peguam maka itu boleh dijadikan sebagai satu perkara yang mengatakan bahawa Perdana Menteri tidak suka kepada Majlis Peguam. Saya ingat tidak bolehlah macam itu. Persatuan Orang Asli pun saya ingat Perdana Menteri pun tak pernah pergi pun, tetapi apakah Orang Asli kata Perdana Menteri tak suka kepada dia? Saya ingat tidak boleh guna itu sebagai ukuran mengatakan bahawa kita tidak suka kepada orang-orang yang tertentu.

Ya, ini berkenaan dengan kekosongan Chief Justice Malaya, saya telah difahamkan iaitu bahawa perlantikan ini ada di peringkat yang akhir sekali. Saya difahamkan iaitu bahawa nama telah pun diberi dan ianya mungkin tengok dalam jadual Agong masa bila, kalau dia tidak pergi ke luar negeri, mungkin kelulusan ini dapat diperolehi dan mungkin dilantik dan ianya memakan masa yang lama, mungkin ianya disabitkan oleh kerana kita terpaksa membuat pertimbangan mungkin iaitu bahawa ada hakim-hakim yang mungkin bukan satu orang, empat, lima orang yang sama patut pergi boleh jadi dia tidak semudahnya bahawa kalau kita telah tahu bahawa kita telah tahu bahawa jawatan ini akan kosong, maka sepatutnya kita membuat persiapan lebih awal.

Saya ingat itu prejudging itu tidak adil, mungkin sekarang ini ada kosong, kita melihat waktu benda itu kosong, ada lima, enam orang yang layak - mungkin. Kalau kita buat keputusan enam bulan dahulu, kata sebelum kita tahu dia dah hendak letak jawatan, kita buat lebih awal, mungkin pertimbangan kita itu terhad kepada dua orang sahaja. Tetapi sekarang waktu benda itu sudah kosong mungkin ada orang yang sama-sama layak untuk jadi sebab itu saya ingat terlambat sedikit tidak mengapa, sebab ia tidak menjejaskan perjalanan mahkamah kita.

Saya difahamkan iaitu bahawa jawatan ini dipangku oleh Tan Sri Lamin dan sehingga pada hari ini tidak ada apa-apa perkara yang tidak diingini ataupun yang negatif yang berlaku disabitkan oleh kelewatan untuk melantik Chief Justice Malaya ini. Jadi, sebab itu kita tunggu sedikit masa dan insya-Allah ianya akan dilakukan tidak berapa lama lagi. Ini mengikut jadual Agong kita, kalau dia pergi bercuti mungkin lambat sedikitlah, tetapi kalau tidak bercuti dapat keputusan awal mungkin cepat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Majlis Peguam, dia hendak kritik, okaylah, tetapi untuk Teluk Intan kata bahawa tugas dia khusus untuk kritik, saya ingat kritik biarlah kritik yang membina, jangan menampakkan partizan, tidak ada masalah, orang hendak kritik kita, pembangkang kritik kita, hendak marah dia, memang ini peranan dia, tetapi kalau Majlis Peguam hendak kritik kita macam mana pembangkang kritik, saya ingat tak bolehlah. Macam Teluk Intan, dia hendak kritik kita, okay, sekurang-kurangnya Teluk Intan punya pengundi beri mandat kepada dia untuk kritik mana yang tak kena, habis-habisan hendak kritik - kritiknya.

Saya boleh terima Teluk Intan kritik saya. Kerajaan tidak ada masalah, sebab saya hormat bahawa dia dan Jelutong pun, dia ada pengundi dia, tetapi kalau macam Majlis Peguam hendak bertindak kritik itu ini semua, saya ingat agak sukarlah kita hendak terima, tetapi biarlah kritik itu membina. Biarlah cara penyampaian kritikan itu membina. Kalau hendak buat macam pembangkang, lebih baik bertanding pembangkang, saya boleh menjawab bertikam lidah dengan dia. Ini dia kadang-kadang kritik kita hendak jawab dia balik, dia bukan orang politik, kita nampak macam orang bodoh, berkelahi dengan budak, buat apa? Dia tidak ada mandat!

Sebab itu kita kata hendak kritik, okay, kritik tidak ada masalah, tetapi jangan mengambil alih peranan pembangkang. Nanti dia orang ini tak ada kerja pula. Jadi, sebab itu saya rasa bahawa dia boleh kritik, tidak ada masalah. Tetapi biarlah kritikan itu menampakkan satu kritikan sebagai orang yang mahukan kepada kebaikan,

keadilan, kehakiman bersama dan bukan kritik macam dia seorang pembangkang. Itu kita tidak boleh terima.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun ya.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, peranan Majlis Peguam di seluruh dunia ini sangat mustahak. Lebih mustahak dari banyak atau badan-badan yang tertentu kerana badan Majlis Peguam ini satu speciality dalam undang-undang, mereka lebih fasih dalam undang-undang dan diakui terima di seluruh dunia dan saya hairan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa mereka tidak ada mandat.

Sebenarnya, mereka selalu mengesyorkan kritik-kritik lebih constructive, dengan izin dan ada sekali sekala yang tidak kena kepada kerajaan tetapi mereka patut menerima dengan hati yang baik kerana teguran mereka adalah yang baik dari segi, kalau kita melihat dari teguran yang telah dibuat bukankah ini satu reaksi yang patut diterima oleh kerajaan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya sebut dia tidak ada mandat, tak ada mandatlah. Siapa beri dia mandat, saya hendak tahu. Siapa beri dia mandat. Ahli Yang Berhormat ada mandat. Yang Berhormat bertanding dalam pilihan raya mewakili berapa belas ataupun puluh ribu yang mengundi Yang Berhormat. Yang Berhormat ada mandat! Tetapi dia tidak ada mandat, sebab mengapa saya berkata demikian, kalau dia buat tak betul, siapa hendak perbetulkan dia?

Kalau kita, Yang Berhormat buat tak betul, bertanding pilihan raya besok - siaplah, maknanya rakyat akan tentukan sama ada kita punya prestasi dalam Parlimen kita bagus tak bagus, dia boleh tentukan sama ada, itu dimaksudkan dengan mandat. Tetapi Majlis Peguam ini siapa yang pilih dia untuk menjadi 'watchdog', saya tak nampak orang pilih dia. Saya difahamkan dia punya pemilihan pun buat secara pos, bukan dia panggil mesyuarat tahunan, orang ramai undi one person one vote, letak dalam ballot box, ini tidak ada. Dia main poster sahaja. Itu pun kalau dia ada cara itu pun, hanya lawyer sahaja yang lantik dia, kita rakyat pilih kita. Ini mandat yang saya maksudkan, sebab kalau kita boleh mengkritik orang juga mesti boleh untuk mengambil tindakan terhadap kita. Kalau kita tidak boleh kritik orang, kalau orang tidak boleh hendak menjatuhkan kita, jangan dok kritik orang.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan. Saya sangat hairan dan terperanjat dengan teori mandat Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang sebenarnya, satu filicitous theory yang bertentangan dengan matlamat masyarakat madani di mana menggalakkan masyarakat madani semua pertubuhan-pertubuhan civil society, NGO dan lain-lain bahawa mereka ada hak, ada bertanggungjawab sebagai watchdog masyarakat kita, tak perlu apa-apa mandat. Tak perlu apa-apa mandat, kalau mahu memastikan mandat sebelum sesuatu pertubuhan barulah boleh menjadi watchdog, adakah ini bererti bahawa kerajaan tidak terima masyarakat madani dan adakah kerajaan menerima bahawa Bar Council ada tanggungjawab sebenarnya 'statutory' tanggungjawab dalam undang-undang Legal Profesion Act sebelum ia dipindahkan sebagai watchdog mengenai hal pentadbiran keadilan dan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata mahu mengkritik, boleh mengkritik, adakah ini bererti bahawa baru-baru ini Bar Council ada menganjurkan satu seminar 'detention without trial has a time for abolition come', di mana pengerusi Bar Council Human Rights Committee, Cecial Ragendra ada kata, dengan izin, 'The ISA is now being used to count all manner of people from NGO activist to errand footballers. Adakah kerajaan rela untuk menerima dengan hati terbuka pandangan yang bernas ini atau lagi seorang

former Semangat 46 Vice President, Datuk Rais Yatim yang said, "the ISA supported raw power and arbitrariness in extremity preventing the court from checking the power of the Home Minister. The ISA has seen 20 amendments since 1960 when it was enacted to replace the emergency regulations of 1948. All of the amendments at on to the executive powers instead of strengthening the rule of law."

Tadi saya sebut concentration of power, adakah kerajaan khasnya Jabatan Perdana Menteri di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengkaji pandangan ini dan rela menerima pandangan ini dan tak berdiri atas ada mandat atau tidak ada mandat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, kalau pandangan yang memerlukan pindaan terhadap sesuatu undang-undang, ia memerlukan suara besar. Suara besar maknanya mandat. Jadi, kalau seorang, dia mengakui dirinya Cecial Regendra ataupun Rais Yatim, dia bercakap, dia wakil siapa? Dia memberi pandangan itu dia mewakili rakyat ataupun pandangan dia sendiri. Pandangan dia sendiri tidak boleh merobah undang-undang kita, sebab sistem kita demokrasi, suara besar yang boleh meminda undang-undang kita, menerusi wakil-wakil yang dipilih.

Kalau kita tidak bincang tentang mandat yang tidak penting, bermakna iaitu bahawa setiap orang boleh bangun di sini berkata, saya mahu ini dipinda, ini dipinda, jadi, yang mana satu pandangan yang kita hendak ambil. Pandangan seorang yang mewakili dirinya sahaja ataupun pandangan seorang itu yang mewakili sejumlah besar rakyat yang sudah tentu menjadi demokrasi dalam negara kita, suara besarlah betul.

Saya faham apa Yang Berhormat sebut tetapi takkan saya hendak kira kes Cecial Regendra, pandangan dia akhirnya dia bertanggungjawab kepada siapa? Kepada siapa dia bertanggungjawab, kepada diri dia sahaja. Kita hari ini, Yang Berhormat hari ini kalau bangun bercakap tentang satu isu dan beri pandangan, kalau majoriti constituency kita tidak bersetuju, sekali lagi bertanding pilihan raya - kalah. Kita bertanggungjawab kepada rakyat, rakyat ini boleh menjatuhkan kita, tetapi kalau kita hendak ambil dengan serius satu pandangan manusia, Rais Yatim, macam mana? Itu pandangan dia sahaja. 29,999,999 orang tidak bersetuju dengan dia, dia seorang sahaja berkata. Adakah pandangan dia seorang boleh pinda habis undang-undang ini. Inilah soal mandat ini penting.

Dalam kita berbincang soal-soal hendak meminda satu-satu perkara yang memerlukan undang-undang dalam negara kita. Mandat is important and kita kena 'draw the line', mesti 'draw the line' di mana kalau tidak semua orang boleh bangun dan mengakui dia itu dan ini. Bukan kita kata tak boleh kritik - boleh kritik. Tetapi, kalau kritikan itu datang daripada satu orang individu, saya ingat kita baca dan kita tengok sahajalah. Ianya tidak bolehlah memaksa kita untuk meminda undang-undang kita.

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Last ya!

Tuan M. Kulasegaran: Okay, ini last. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri faham bahawa bila kita katakan mandat itu sudah mungkin salah faham, kerana dari segi undang-undang Legal Profesional Act, dengan izin, adalah seperti yang diberitahu oleh Ketua Pembangkang telah memberi satu statutory power, satu statutory act under the law, dengan izin, yang ternyata di Legal Profesional Act, memandatkan memaksa actually that is certain phrases dalam Legal Profesional Act yang mengarahkan bahawa Majlis Peguam perlu bertindak, without fear or favour dalam hal-hal berkenaan dengan undang-undang, mereka mesti membuat sedemikian.

Bukankah Parlimen telah memberi mandat ini kepada Majlis Peguam dan apakah di sini kita berada di Dewan yang mulia ini berbincang mengenai satu hal di

mana kita telah memberi satu mandat. Manakah kita ada kuasa untuk menarik balik sedangkan tidak ada apa-apa undang-undang mengenai perkara ini.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pertamanya, saya tak mahu berpolemik berkenaan dengan satu perkara yang Ahli Yang Berhormat sendiri tidak tahu dan baca bahawa LPA di sini dan menyatakan kepada saya di mana-mana. Nanti kita akan bercakap tentang perkara yang asas ini kita belum tahu. Saya pun baca Legal Profession Act (LPA) juga dan saya juga tahu apa kuasa ataupun apa mandat dia dalam sebagai Majlis Peguam, saya pun tahu juga, tetapi saya belum baca apa yang Yang Berhormat kata, sebab itu saya tak mahu bincang tentang perkara yang Yang Berhormat sendiri pun not sure tentang perkara itu. Jadi, sebab itu saya

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak apa, duduk! ... sebab itu kita jangan bincang perkara yang kita sendiri takkan kita memberi satu kuasa, kalau ada pun kita hendak tarik balik - boleh tarik, tetapi kita takkan tarik baliklah, tetapi saya tidak fikir iaitu bahawa mereka berhak untuk melakukan sesuatu yang lebih daripada apa mandat yang diberi kepada mereka.

Tuan M. Kulasegaran: Mengenai undang-undang tersebut sebenarnya saya pun seperti Yang Berhormat, tidak membawa akta tersebut, tetapi Rang Undang-undang Tatacara Jenayah, that juncture mungkin kita dapat debatkan hal ini tetapi satu sahaja, mengenai ada perkataan yang digunakan di sana dengan jelas saya masih lagi ingat, without fear or favour Bar Council is obligated to do this discharge and duty. Without fear or favour, dengan izin.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Without fear or favour pun, ini benda yang Yang Berhormat sendiri pun not sure, saya pun not sure. Tetapi without fear or favour, sebab itu saya kata kita boleh terima kritikan dia, tetapi kalau dia memikirkan bahawa apabila kritikan ini dibuat, kita kena ikut, itu kita tidak boleh pakai, kita pun tak pernah larang.

Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, kalau orang kritik kita, tidakkah kita ada hak untuk membela diri kita, dengan penuh kesungguhan untuk menjaga kedudukan kita. Dia kritik kita, dia okay, kita pertahan diri kita, kita dianggap sebagai menekan orang yang kritik kita. Kita ada hak kita. Dengan izin, everybody has the right to defence themselves. Saya rasa kalau orang kritik kita dia kena ingat bahawa kita ada hak untuk membela diri kita dan jangan anggap hak untuk membela diri kita ini sebagai satu tekanan terhadap mereka. Kalau dengan penuh dia bantai kita, kita bantai dia balik, biasalah. Janganlah itu dibaca sebagai kita menekan dia. That is normal. Dalam Parlimen pun saya rasa Yang Berhormat bantai dia, dia bantai balik - itu biasalah. Di luar pun kita sembang minum kopi. Itu biasa.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang ini dan kalau ada apa-apa perkara yang lain, yang mungkin tidak dibangkitkan seperti biasalah, kalau jumpa saya di luar nanti, mungkin dimaklumkan kepada saya, insya-Allah saya akan berikan jawabannya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT) (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

6.05 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 merupakan akta yang mentadbir hal ehwal penubuhan dan pengawal-seliaan depositori pusat serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti pendepositan, pemegangan dan pengesahan sekuriti serta urusan sekuriti yang telah didepositkan.

Kewujudan persekitaran pasaran modal tanpa skrip adalah merupakan salah satu faktor penting bagi memantapkan dan memantapkan lagi pasaran modal negara. Oleh itu peranan dan fungsi depositori pusat perlu diberi perhatian sewajarnya. Bagi memastikan pelaksanaan sistem tanpa skrip dapat berjalan dengan cekap dan sempurna.

Berikutan dengan penguatkuasaan Akta Syarikat (Pindaan) 1996 pada 15 Ogos 1996, takrif berkepentingan di bawah Seksyen 84 Akta Syarikat 1965 telah dipinda supaya ia tidak merangkumi skim saham amanah sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Oleh itu skim saham amanah tidak lagi tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965 (Pindaan) tersebut melibatkan operasi Depositori Pusat kerana membolehkan skim saham amanah didepositkan ke dalam Depositori Pusat. Di samping itu pindaan ini juga bertujuan memperkemaskinikan lagi aspek-aspek pentadbiran bagi Depositori Pusat bagi memastikan urusan pentadbirannya dapat dilaksanakan dengan lebih cekap.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada pindaan kepada takrif kepentingan (sekuriti) perlu dipinda untuk mengelakkan operasi Depositori Pusat terjejas. Tanpa pindaan kepada takrif (sekuriti) Depositori Pusat tidak dapat beroperasi untuk membuat persepsi kepada unit-unit skim saham amanah. Oleh kerana itu, pindaan-pindaan dicadangkan kepada Seksyen 2 dan 35 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.

Pindaan juga dibuat kepada Seksyen 22 Akta ibu untuk mencerminkan bahawa selain daripada keadaan sedia ada, pengeluaran sekuriti juga tertakluk kepada kaedah-kaedah Depositori Pusat. Selain daripada peruntukan Seksyen 22 dan 24 Akta ibu.

Di samping itu pindaan juga dicadangkan bagi memasukkan Seksyen baru 41A untuk membolehkan Depositori Pusat bertindak walaupun ia diberi notis mengenai pegangan amanah.

Seksyen baru 61 dimasukkan bagi memastikan supaya pegawai-pegawai Suruhanjaya Sekuriti dapat mewakili Suruhanjaya Sekuriti dalam mana-mana kes sivil yang diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Seksyen 58 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan skim saham amanah dimasukkan ke dalam Depositori Pusat serta memperkemaskan lagi pentadbiran akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

6.15 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah membentangkan Rang Undang-undang ini supaya takrif sekuriti adalah bermaksud juga kepentingan sepertimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 84 Akta Syarikat 1965 dan termasuk juga apa yang disebutkan sebagai unit trust.

Di sini saya ingin bertanya memandangkan bahawa dalam industri unit trust sekarang, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini sejauh manakah perkembangan unit trust dalam pasaran modal kita, sumbangannya dan juga pulangan daripada unit trust kalau dibandingkan dengan jenis-jenis instrument kewangan yang lain.

Adakah dalam keadaan bursa saham yang meleset sekarang, pihak kementerian akan mengambil beberapa langkah untuk memastikan mereka yang mempunyai saham-saham atau pemegang-pemegang unit trust, kepentingan mereka bolehlah dibela dengan lebih teratur, supaya mereka boleh dapat pulangan yang lebih baik kalau dibandingkan dengan masa yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga harap bahawa pihak kementerian boleh menjawab beberapa soalan yang ditujukan pada minggu lepas di mana telah pun dijanjikan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap semasa beliau memberikan jawapan bahawa beliau akan memberikan jawapan dalam Rang Undang-undang. Saya harap Yang Berhormat dari Rasah boleh memenuhi janji yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Padang Terap, rakan Timbalan Menteri Kewangan tentang beberapa perkara yang pernah dibangkit oleh saya dan beberapa Ahli Parlimen yang lain, kerana saya rasa kalau kita hendak memastikan industri sekuriti dan pasaran modal, bolehlah pulih bahkan terus berkembang maju, saya rasa prinsip-prinsip ketelusan dan juga akauntabiliti haruslah dipatuhi.

Antara soalan-soalan yang saya bangkitkan ialah tentang penjualan 81% Berjaya Singa sebanyak wang tunai RM1.38 bilion.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak tanya berkaitan dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan perindustrian sekuriti, saya mohon kalau dapat dibangkitkan dalam Rang Undang-undang yang akan saya bentangkan kemudian.

Oleh kerana ini adalah satu Rang Undang-undang yang ringkas, jadi saya harapkan dapat diringkaskan supaya dapat kita luluskan dengan lebih segera, supaya dapat kita menumpukan perhatian kita kepada Perindustrian Sekuriti yang akan dibentangkan kemudian.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, baiklah, kalau Yang Berhormat boleh memberikan janji akan memberikan jawapan tentang isu-isu yang telah

dibangkitkan pada minggu lepas, saya akan membawanya dalam Rang Undang-undang yang akan datang.

Selain dari itu, saya harap pihak kerajaan bolehlah menjawab beberapa perkara yang telah saya bangkitkan tadi, khususnya tentang perlunya Fasal 9, sama ada pihak kerajaan bersetuju dengan keputusan yang dicapai dalam kes kes REPCO dan sebabnya supaya sekurang-kurangnya seperti yang saya katakan tadi, kita boleh memenuhi prinsip akauntabiliti dan ketelusan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong.

6.20 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini dengan kebimbangan saya kerana saya nampak syarikat saham amanah (unit trust) telah bertumbuh dengan pesat dan dengan kepesatan pertumbuhan skim saham amanah di negara ini maka timbullah masalah untuk mengawalseliakan dengan lebih rapi supaya tidak berlakunya penyelewengan, kecurangan dan skandal yang pernah berlaku dengan koperasi pada tahun-tahun 80-an.

Saya pun sukalah membangkitkan beberapa perkara memandangkan pindaan ini ialah untuk mengadakan urusan pentadbiran Depositori Pusat dengan lebih berkesan dan juga untuk memasukkan kawalseliaan skim saham amanah di dalam Depositori Pusat dan tidak lagi dengan Pendaftar Syarikat. Ini memang satu langkah yang perlu kerana tidak boleh diserahkan kepada Pendaftar Syarikat sahaja untuk mengawal, mengawasi apa yang berlaku dengan skim saham amanah.

Di sini saya hendak menanya Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini bilangan syarikat skim saham amanah di negara ini dan apakah jumlah paid up capital iaitu modal berbayar untuk semua syarikat saham ini dan juga Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pihak kementerian dapat mengawal semua ahli-ahli pengurus untuk syarikat-syarikat skim saham ini sebab saya mendapat tahu bahawa setakat ini pihak kementerian tidak mempunyai kawalan yang memuaskan untuk memastikan semua syarikat yang wujud di negara ini berfungsi dengan baik, dengan penuh amanah.

Jadi, saya tak mahu menyaksikan skim saham amanah menjadi skim saham tidak amanah pada masa hadapan. Dan kita perlu adakan satu usaha yang konsisten, yang penuh penyelarasan dari semua agensi kerajaan untuk mengawal semua syarikat-syarikat skim saham amanah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak daripada fasal-fasal yang termaktub di dalam Rang Undang-undang ini, misalnya seperti Fasal 4 bertujuan meminda Seksyen 22 akta, untuk mencerminkan hakikat bahawa pengeluaran sekuriti juga tertakluk kepada kaedah-kaedah Depositori Pusat. Setakat ini kita tahu sebelum itu ada, Rang Undang-undang ini tertakluk kepada Akta Syarikat dan juga kepada Pendaftar Syarikat.

Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana fasal ini akan membantu kita untuk melaksanakan pengeluaran sekuriti tertakluk kepada kaedah Depositori Pusat dan dengan adanya kaedah seumpama ini bagaimana pihak kementerian dapat memastikan semua ini boleh dikemaskini dan dijalankan dengan betul.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, saya nampak iklan-iklan di dalam akhbar, di dalam media massa, di dalam televisyen mengenai skim saham amanah oleh banyak syarikat, hampir semua 38 buah bank kita di Malaysia ini adakan syarikat skim saham amanah, bolehkah Yang Berhormat terangkan berapa buah skim saham amanah yang dibenarkan oleh pihak kementerian untuk sesebuah bank. Adakah bank ini dibenarkan mewujudkan banyak syarikat skim amanah.

Kadangkala kita nampak satu bank ada satu, dua, tiga skim saham amanah, adakah pada masa ini kawalan supaya jangan dibenarkan terlalu banyak skim saham amanah, seolah-olah satu skim amanah untuk satu region, satu kawasan dan sebagainya.

Memang ini satu fenomena yang baru dan juga sejak beberapa tahun ini digalakkan oleh pihak kementerian, tetapi setakat menggalakkan mereka tumbuh seumpama cendawan, ini tidak mencukupi dan saya hendak mencadangkan supaya satu kajian dibuat mengenai struktur regulatory ke atas sistem skim saham amanah di negara ini kerana saya percaya bahawa setiap lima tahun ataupun setiap sepuluh tahun kita mesti mengkaji semula, setakat mana kita dapat menggalakkan pertumbuhan skim saham amanah dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebab sekarang ini walaupun kita ada fundamental asas ekonomi yang tidak begitu buruk, walaupun ada kelemahan termasuk di dalam sistem perbankan di negara ini, tetapi asasnya tidak begitu buruk. Tetapi kita tidak ada keyakinan, kepercayaan - tidak ada. Termasuk di Thailand, di Korea Selatan, di Indonesia pun walaupun tabung kewangan antarabangsa sudah masuk, sudah mengenakan syarat-syarat yang ketat, tetapi kepercayaan tidak dipulihkan.

Begitu juga walaupun kita sudah mengumumkan beberapa langkah ketat yang diambil, sebahagiannya mengikut preskripsi IMF tetapi kita nampak kepercayaan tidak dipulihkan lagi.....

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Tan Seng Giaw: Saya cuma sentuh sedikit sahaja, saya faham. Cuma satu contoh, satu teladan untuk pihak kementerian mengawasi skim saham amanah. Kita tidak mahu menyaksikan sistem skim saham amanah di negara ini tidak terkawal, sebab kita sudah hilang kepercayaan, sudah hilang keyakinan, jangan kita tambahkan lagi kerana walaupun ada yang disebutkan bahawa dalam tempoh dua ataupun tiga tahun ini keyakinan akan dipulihkan dan pertumbuhan ekonomi akan dipulihkan. Kita belum pasti lagi sama ada ini dapat dilaksanakan, sama ada ini akan berjaya. Sebab itulah jangan kita merumitkan keadaan dengan sistem skim saham amanah yang tidak dikawal.

Sepertimana Tuan Yang di-Pertua pun tahu daripada tahun-tahun 80-an, iaitu skandal koperasi berlaku. Jangan kita gantikan skandal koperasi pada tahun 80-an ataupun lewat 70-an dengan skandal skim saham amanah. Itu saya beri amaran di sini, sebab pindaan ini pun tidak banyak, cuma setakat saham amanah ditaklukkan di dalam depositori pusat dan juga untuk mengemaskinikan urusan pentadbiran.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Mesyuarat]

Saya hendak mencadangkan di sini supaya skim latihan diadakan untuk mengawal syarikat-syarikat skim saham amanah ini. Memang ini satu bidang khas yang memerlukan kepakaran yang tertentu. Setakat ini bilangan ahli yang pakar di kementerian adalah tidak mencukupi. Saya hendak bertanya Yang Berhormat tolong mengumumkan bilangan pegawai yang pakar di dalam bidang skim saham amanah yang menjalankan tugas untuk mengawasi semua syarikat ini sama ada 5 orang, 10 orang ataupun 20 orang. Kalau tidak ada bilangan yang cukup, maka saya mencadangkan supaya kita adakan latihan dengan cepat untuk mengelakkan daripada berlakunya kawal seliaan yang tidak ketat.

Dengan itu saya mengulangkan sekali lagi. Kita perlu ada satu kajian ke atas semua struktur regulatori ke atas skim saham amanah. Dan saya hendak mencadangkan juga supaya laporan mengenai kajian ke atas struktur-struktur regulatori ke atas skim saham amanah ini dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya semua ahli Parlimen dapat menyaksikan bagaimana keberkesanan kawal seliaan ke atas skim saham amanah di negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, minta jawab.

6.35 ptg.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Kepong yang telah sama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini.

Mengenai takrif sekuriti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, iaitu takrif sekuriti dipinda akibat pindaan seksyen 84, Akta Syarikat 1995 oleh Akta Syarikat (Pindaan) 1995. Maka tanpa pindaan kepada takrif tersebut, depository pusat tidak dapat beroperasi untuk membuat preskripsi kepada unit-unit skim saham amanah di bawah peruntukan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat).

Selain daripada itu, takrif baru untuk skim saham amanah juga dimasukkan untuk mentaksirkan perkataan yang digunakan di dalam takrif baru iaitu sekuriti. Pindaan yang dicadangkan untuk takrif sekuriti akan memastikan bahawa skim saham amanah akan sekali lagi dirangkumi oleh Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat).

Tuan Yang di-Pertua, mengenai statistik yang berkaitan dengan amanah saham di Malaysia, sepatutnya saya mempunyai sedikit sebanyak statistik mengenai amanah saham di Malaysia setakat 31 Oktober 1997. Jumlah amanah saham yang telah diluluskan oleh SC ialah 77, tidak termasuk PNB. Kalau termasuk PNB ialah 88. Jumlah syarikat pengurusan ialah 30 tidak termasuk PNB. Kalau masuk PNB ialah 31, iaitu jumlah syarikat pengurusan. Jumlah saiz yang telah diluluskan kalau tidak termasuk PNB ialah 20,170 bilion unit dan kalau termasuk PNB ialah 53.6 bilion unit. Jumlah akaun yang telah dapat, tidak termasuk.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong bangun.

Dato' Wong See Wah: Biar saya habiskan ini dahulu, boleh? Jumlah akaun yang tidak termasuk PNB ialah 1,420,290 akaun, kalau termasuk PNB ialah 8,297,343 akaun. Jumlah nilai aset bersih tidak termasuk PNB ialah RM8.2 bilion, kalau termasuk PNB ialah RM41.329 bilion.

Bagi amanah saham kerajaan, jumlah.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong bangun lagi, Yang Berhormat, hendak beri jalankah?

Dato' Wong See Wah: Bagi saya habiskan ini dahulu, oleh kerana ini ada kaitan dengan statistik. Amanah saham kerajaan, tidak termasuk PNB, ialah 24 dan kalau masuk PNB ialah 27 skim. Jumlah nilai aset bersih bagi amanah saham kerajaan ialah RM2.455 bilion, kalau termasuk PNB ialah RM35.583 bilion.

Bagi amanah saham swasta, jumlah skim yang telah diluluskan ialah 53 dan unit dalam kitaran ialah 9.13 bilion. Jumlah nilai aset bersih ialah RM5.745 bilion. Jadi, ini adalah sedikit sebanyak statistik yang saya perolehi dan saya sampaikan kepada Dewan yang mulia ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak begitu faham mengenai angka-angka yang diberi tadi. Cuma mengapa kita asingkan daripada TNB dengan syarikat-syarikat yang lain, sama ada dengan kerajaan ataupun swasta. Saya nampak kalau kita tambahkan dengan TNB, angka itu sangat tinggi. Nampaknya dominasi itu begitu ketara.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa kepentingan, hanya satu cara untuk kita kumpulkan statistik kita sahaja. Kalau hendak kita kumpulkan semua sekali, boleh juga, tidak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bolehkah kerajaan memastikan supaya kepentingan pelabur dapat dibela supaya mendapat pulangan yang lebih banyak. Kerajaan sentiasa memastikan supaya kepentingan pelabur dibela, ini adalah salah satu daripada tujuan penubuhan Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 1953. Suruhanjaya Sekuriti telah mengeluarkan garis panduan unit amanah yang mempunyai syarat-syarat untuk dipatuhi oleh syarikat pengurusan unit amanah demi untuk menjaga kepentingan pelabur.

Berkenaan dengan pulangan, ini adalah faktor risiko yang harus ditimbang oleh pelabur semasa membuat keputusan melabur. Ini memang amat penting sekali oleh kerana semasa seseorang pelabur itu melaburkan duitnya dalam dana amanah saham itu perlu diberitahu juga risiko yang terlibat dalam pelaburan itu. Ini memang telah ditegaskan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Sama ada kerajaan bersetuju dengan kes REPCO yang berlawanan dengan Pendakwa Raya. Tuan Yang di-Pertua, kes REPCO ini ada kaitan sebenarnya adalah satu pendakwaan yang telah dimulakan oleh Suruhanjaya Sekuriti ke atas REPCO Holding Bhd. bagi pelanggaran seksyen 86, Akta Perindustrian Sekuriti 1983 mengenai penyebaran maklumat palsu dan mengelirukan. Peguam bela tertuduh telah membangkitkan bantahan awal semasa perbicaraan kes tersebut bahawa pendakwaan yang sedang berlangsung oleh pegawai Suruhanjaya Sekuriti menurut kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 126, Akta Perindustrian Sekuriti 1983 adalah bercanggah dengan perkara 145(2) Perlembagaan Persekutuan. Menurut Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

"145.(3) Peguam Negara adalah mempunyai kuasa, dan kuasa itu hendaklah dijalankan menurut budi bicaranya, bagi membawa, menjalankan atau memberhentikan apa-apa perbicaraan mengenai suatu kesalahan, lain daripada pembicaraan di hadapan Mahkamah Syariah, mahkamah bumiputera atau mahkamah tentera".

Setelah merujuk kepada seksyen 376 dan 380, Kanun Acara Jenayah, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa satu-satunya pihak yang berkuasa untuk memulakan pendakwaan ialah Peguam Negara yang bertindak sebagai Pendakwa Raya. Pendakwaan oleh pegawai Suruhanjaya Sekuriti adalah menurut kuasa-kuasa yang diberikan oleh Parlimen di dalam seksyen 39(2) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 yang dibaca bersama-sama dengan subseksyen 126(2) Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang menyatakan:

'129.(2) Pendakwaan bagi mana-mana kesalahan terhadap mana-mana peruntukan akta ini boleh dijalankan oleh Pendaftar atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendaftar atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengerusi Suruhanjaya'.

Pihak Peguam Negara telah bersetuju dengan peguam bela tertuduh bahawa peruntukan subseksyen 126(2) adalah bercanggah dengan Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa walaupun subseksyen 126(2) Akta Perindustrian Sekuriti 1983 adalah sebahagian daripada undang-undang yang telah digubal oleh Parlimen. Undang-undang tersebut adalah masih tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Sekiranya undang-undang yang digubal oleh Parlimen bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan, maka undang-undang tersebut akan menjadi tidak sah. Ini adalah kerana Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang utama negara. Mahkamah Rayuan telah mendapati bahawa peruntukan subseksyen 126(2) adalah bercanggah dengan Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan. Maka itu, Mahkamah Rayuan telah

membuat deklarasi bahawa peruntukan subseksyen 126(2) adalah tidak sah atas sebab percanggahan dengan Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, mahkamah juga membuat deklarasi bahawa ianya tidak menjejaskan segala pensabitan kesalahan atau mana-mana prosiding yang telah diputuskan atau yang sedang berlangsung sebelum ini. Keputusan kes REPCO Holding berlawanan dengan Pendakwa Raya 1997 adalah hanya terpakai bagi kes itu dan kes-kes yang masih belum didaftarkan pada 2 Oktober 1997. Buat masa ini pendakwaan kes REPCO Holding berlawanan dengan Pendakwa Raya 1997 masih diteruskan oleh pegawai Suruhanjaya Sekuriti yang telah diberi kuasa secara langsung oleh Pendakwa Raya.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada bank-bank dibenarkan membuka lebih daripada satu skim amanah saham, setakat ini bank-bank tidak dihadkan menubuhkan lebih daripada satu skim amanah saham. Maka terdapatlah bank-bank yang mempunyai lebih daripada satu skim di dalam negara kita ini.

Sejauh manakah sumbangan-sumbangan amanah saham dalam pembangunan pasaran modal, adakah kepentingan pelabur akan dibela dalam keadaan pasaran saham merosot. Setakat 31 Oktober aset bersih, seperti yang saya katakan tadi, pelaburan dalam skim amanah saham memecah paras 41.329 bilion, termasuk skim-skim yang diuruskan oleh PNB dan ini merupakan lebih kurang 10% modal pasaran. Adalah memang hasrat kerajaan untuk kita menggalakkan supaya pelaburan institusi itu dapat ditingkatkan berbanding dengan apa yang berlaku di dalam negara kita itu, iaitu kebanyakan kegiatan itu adalah dijalankan oleh retail. Yang kedua, ialah kepentingan pelabur tetap akan dibela dalam apa jua keadaan pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, berapa jumlah syarikat amanah saham ini, saya sudah jawab, tidak payah saya jawab lagi. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan skim amanah saham. Pihak Suruhanjaya Sekuriti sering mengambil langkah untuk mengkaji semula skim kawal selia dan bagi skim-skim unit amanah saham di Malaysia dengan tujuan menggalakkan perlindungan pelabur. Misalnya, baru-baru ini garis panduan unit amanah telah dikaji semula yang mengambil kira keperluan bagi perkembangan industri amanah saham dan juga perlindungan pelabur. Pengurus-pengurus amanah dikehendaki mengikuti atau mematuhi taraf-taraf pendedahan yang lebih tinggi dalam prestasi sesuatu dana, lebih-lebih lagi insentif-insentif cukai yang sedang diteliti untuk memberi galakan ini. Pada masa yang sama, pemegang-pemegang akaun EPF juga dibenarkan mengeluarkan wang mereka bagi pelaburan dalam amanah saham.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahajalah di mana mungkin ada satu perkara lagi yang.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong bangun lagi.

Dato' Wong See Wah: Sekejap, beri saya habis dahulu. Seksyen 22, pindaan dibuat kepada seksyen 22 akta itu tersebut ialah untuk mencerminkan bahawa selain daripada keadaan yang sedia ada, pengeluaran sekuriti juga tertakluk kepada kaedah-kaedah depository pusat. Ini akan memberi kelenturan untuk kaedah-kaedah depository pusat untuk mengawal pengeluaran sekuriti.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Pertama, bolehkah Yang Berhormat menerangkan mengenai Federation of Malaysian Unit Trust Managers (FMUTM). Setakat ini berapa orang yang telah berdaftar dengan FMUTM kerana menurut laporan Suruhanjaya Sekuriti sedang berusaha untuk menggalakkan semua orang yang mengurus unit amanah saham berdaftar dengan FMUTM. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan bilangan dan juga setakat mana FMUTM dapat melaksanakan garis-garis panduan yang akan dikenakan ke atas semua ahli yang

berdaftar termasuk standard-standard untuk daftar dan juga kod etika yang dikenakan ke atas semua yang berdaftar dengannya.

Dato' Wong See Wah: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong. Modal yang digunakan ini adalah lebih kurang sama dengan LIAM dan PIAM juga di mana ini adalah merupakan persatuan untuk mengawal kegiatan-kegiatan yang ada kaitan dengan insurans nyawa dan insurans am. Maka FMUTM ini adalah lebih kurang sama berasaskan kepada struktur yang serupa demikian, begitu juga dengan kegiatan-kegiatan yang akan dijalankan oleh persatuan ini iaitu untuk mengawal selia kegiatan-kegiatan code of ethics dan juga garis panduan tertentu untuk mengawal kegiatan-kegiatan ahli-ahlinya semasa mereka menjalankan kegiatan perniagaan di paras akar.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahajalah. Tentang bilangan itu, saya tidak mempunyai angka itu, iaitu berapakah yang telah dijadikan ahli tetapi apa yang saya difahamkan ialah latihan adalah salah satu bidang yang dijalankan oleh persatuan ini untuk memberikan latihan yang ketat supaya ahli-ahlinya dapat mematuhi segala garis panduan kerajaan, pihak Suruhanjaya Sekuriti ataupun garis panduan persatuan itu ataupun code of ethics yang ditentukan oleh persatuan itu.

Sekian sahaja, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.56 ptg.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibacakan kali kedua sekarang.

Akta Perindustrian Sekuriti yang merupakan rangka kerja perundangan yang mengawal perindustrian sekuriti di Malaysia telah diperkenalkan pada tahun 1973. Akta ini mengerjakan keperluan perundangan kepada kerajaan bagi mengatasi masalah spekulasi urus niaga dalaman dan manipulasi pasaran. Akta ini kemudiannya telah dikaji semula bagi meningkatkan penguasaannya dan dikenali sebagai Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dengan menyediakan pengawasan yang lebih berkesan ke atas industri sekuriti terutamanya dari segi perlindungan kepada pelabur-pelabur.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ke atas Akta Perindustrian Sekuriti 1983 ini pada amnya adalah merupakan pindaan kepada beberapa takrif yang dipakai dan pengenalan kepada beberapa takrif baru serta menyelaraskannya dengan kuasa pengawalseliaan daripada Pendaftar Syarikat. Di samping itu, pindaan ini juga bertujuan memberikan perlindungan perundangan kepada pelabur-pelabur dan pengawalseliaan yang lebih wajar kepada Suruhanjaya Sekuriti serta mengatasi kesulitan pentadbiran yang dialami bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan utama yang dicadangkan ini pada amnya meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) Pindaan beberapa takrif penting.
 - (a) Takrif 'broker saham' adalah dipotong daripada semua peruntukan akta. Ini memandangkan takrif tersebut tidak lagi digunakan dan tidak merujuk kepada mana-mana orang yang dikawal selia oleh peruntukan akta. Takrif tersebut juga dipotong di bawah seksyen 2, 14, 39, 80 dan 120 akta ini;
 - (b) takrif 'Pendaftar' adalah dipotong untuk menyelaraskan struktur pengawalseliaan industri sekuriti. Kesemua rujukan kepada Pendaftar di dalam seksyen-seksyen 2, 10, 33, 35, 49, 50, 94A, 95, 96, 97, 98,99, 100 dan 126 adalah dipotong;
 - (c) takrif 'peniaga terkecuali' adalah dipinda bagi menjelaskan kuasa menteri untuk membuat perintah pengecualian;
 - (d) takrif 'pengurus kumpulan wang' adalah dipinda untuk menyelaraskan tafsiran tersebut dengan tafsiran 'pengurus kumpulan wang niaga hadapan' yang dipinda oleh Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1996 dan 'skim saham amanah' yang dipinda oleh Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1996; dan
 - (e) takrif 'pasaran saham' adalah dipinda untuk menjelaskan maksudnya di dalam akta ibu.
- (ii) Pindaan bagi tujuan penyelarasan. Subseksyen 14(2), 44(1)(a) dan 47C(5) dipinda untuk menyelaraskan peruntukan tersebut dengan peruntukan di bawah subseksyen yang berkaitan.
- (iii) Mengecualikan sekuriti pasaran wang daripada seksyen 41. Seksyen 41 dipinda untuk mengecualikan sekuriti pasaran wang yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia daripada peruntukan seksyen tersebut. Pada masa ini transaksi REPCO di pasaran wang tersebut adalah tertakluk kepada seksyen 41, ini bertujuan untuk meletakkan transaksi di pasaran wang sebagai transaksi yang tidak bercanggah dengan seksyen 41. Subseksyen baru 41(e) dimasukkan untuk memberi kuasa kepada menteri mengisytiharkan selanjutnya penjualan sekuriti yang tidak tertakluk kepada seksyen ini.

- (iv) Membenarkan transaksi penstabilan. Seksyen 84(1), 85, 86, 87 dan 87A adalah dipinda untuk membenarkan menteri membuat peraturan di bawah seksyen 87B bagi menetapkan transaksi penstabilan yang dibenarkan. Transaksi penstabilan diperlukan khususnya untuk tawaran sekuriti di pasaran MESDAQ. Sistem penyenaian sekuriti pasaran MESDAQ adalah berbeza dengan sistem penyenaian di BSKL kerana penyenaian di pasaran MESDAQ melibatkan penstabilan harga saham. Berikutan dengan itu, seksyen baru 87B dimasukkan.
- (v) Tuntutan sivil pelanggaran seksyen 84, 85, 86 dan 87. Seksyen 88A dimasukkan untuk membuat peruntukan bagi membenarkan seseorang yang mengalami kerugian akibat pelanggaran seksyen 84, 85, 86, 87, 87A dan 88 membuat tuntutan sivil ke atas orang yang melakukan pelanggaran ke atas seksyen tersebut. Ini selaras dengan dasar untuk memberi perlindungan yang lebih baik kepada pelabur dan sekali gus meningkatkan kepercayaan terhadap pasaran modal negara.
- (vi) Peruntukan-peruntukan baru berkaitan dengan urus niaga dalaman.
- (a) Meluaskan takrif 'peniaga dalaman' bagi merangkumi sesiapa yang mempunyai 'maklumat dalaman' daripada peniaga sekuriti sehingga maklumat tersebut disebar. Seksyen 89 dan 90 yang sedia ada hanya terhad kepada orang-orang yang mempunyai hubungan dengan perbadanan yang berkaitan dengan maklumat dalaman tersebut. Pindaan yang dicadangkan adalah untuk meluaskan pemakaian larangan peniaga dalaman kepada orang-orang yang memiliki maklumat dalaman yang mengetahui bahawa maklumat tersebut adalah maklumat dalaman. Larangan membocorkan maklumat dalaman juga diperluaskan kepada orang-orang yang memiliki maklumat dalaman yang mengetahui bahawa maklumat tersebut adalah maklumat dalaman;
- (b) peruntukan baru tersebut juga membuat peraturan-peraturan yang jelas tentang 'maklumat dalaman'. Pindaan ini mewujudkan asas pembelaan berasaskan undang-undang statut untuk memberi kepastian kepada pasaran dengan memberi pengecualian kepada beberapa keadaan yang telah dikenal pasti yang tidak dianggap oleh pasaran sebagai perniagaan dalaman. Sebagai contoh, peruntukan dibuat untuk mengecualikan tindakan di bawah peruntukan dalam undang-undang bertulis yang berkaitan peraturan skim penyusunan semula dan pengambilan alih yang berkaitan dengan perbadanan;
- (c) pindaan ini membenarkan lebih banyak jenis penalti dikenakan ke atas peniaga dalaman

seperti penalti sivil dan membenarkan tuntutan kerugian oleh orang-orang yang mengalami kerugian akibat pelanggaran berkenaan perniagaan dalaman; dan

- (d) memberi kuasa kepada menteri menetapkan keadaan di mana peruntukan ini tidak terpakai bagi mengelakkan transaksi-transaksi yang sah daripada tertakluk kepada peruntukan-peruntukan tersebut.
- (vii) Lain-lain pindaan.
 - (a) Selaras dengan pindaan yang telah diluluskan di atas, Akta Syarikat 1965 bagi memasukkan seksyen baru 67A bagi membenarkan belian balik saham, Suruhanjaya Sekuriti mencadangkan supaya pindaan juga dibuat bagi memasukkan seksyen baru 99A, 99B, 99C dan 99D. Ini bertujuan bagi menghalang penyalahgunaan kuasa berkaitan dengan belian balik saham;
 - (b) selaras dengan penubuhan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB), Suruhanjaya Sekuriti mencadangkan supaya dimasukkan seksyen baru 99D mengenai keperluan syarikat menyerahkan maklumat kepada Suruhanjaya Sekuriti bagi memastikan syarikat awam mematuhi piawaian yang dikeluarkan oleh MASB; dan
 - (c) seksyen baru 126C dimasukkan bagi memastikan pegawai Suruhanjaya Sekuriti dapat mewakili Suruhanjaya Sekuriti dalam mana-mana kes sivil yang diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya pindaan yang dicadangkan ini adalah sesuai untuk meningkatkan penyelarasan rangka kawal selia pasaran sekuriti di Malaysia. Di samping itu, cadangan pindaan ini merupakan langkah proaktif untuk menjelaskan peruntukan undang-undang serta dapat mengatasi masalah yang mungkin timbul akibat tafsiran yang berbeza yang boleh dipertikaikan. Di samping itu, cadangan pindaan ini akan meningkatkan tahap perlindungan kepada pelabur-pelabur dan meningkatkan kepercayaan terhadap pasaran sekuriti Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

7.07 mlm.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya mengalu-alukan usaha kerajaan untuk menjadikan perdagangan dalaman (insider trading) dengan menjelaskan apakah perbuatan-perbuatan yang boleh dianggap sebagai insider trading. Tetapi saya amat kesal sekali bahawa pihak kerajaan tidak mengambil

langkah untuk memberhentikan amalan nominee company di mana ada amalan biasa pihak-pihak tertentu membeli saham dan meletakkannya dalam nominee company. Oleh sebab itu, kita tidak tahu siapa sebenarnya pemilik saham sesebuah syarikat kerana semuanya terletak dalam nominee company.

Saya rasa selagi kita tidak ada peruntukan untuk memaksa nominee company mendedahkan siapakah sebenarnya pemilik saham, kita tidak akan tahu siapa yang membeli saham dan sebagainya. Lagipun saya rasa apakah gunanya kita mempunyai peruntukan untuk mengharamkan insider trading atau menjelaskan dengan lebih terperinci apakah insider trading. Kalau ia tidak dilaksanakan dengan komitmen atau pihak kerajaan tidak ada hasrat atau political will melaksanakannya.

Di samping itu, macam mana kita boleh memastikan bahawa ia akan dilaksanakan dengan adil tanpa memihak kepada sesiapa kerana kebelakangan ini kalau kita melihat tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Suruhanjaya Sekuriti ataupun pihak berkuasa, nampaknya ada double standard di mana sesebuah syarikat diharamkan berbuat sesuatu tetapi apabila keadaan sedemikian, syarikat-syarikat lain pula dibenarkan bertindak sedemikian. Oleh sebab itu, saya rasa kedua-dua ini adalah penting. Satu, ia mestilah dilaksanakan. Kedua, pelaksanaan dengan adil dan.....

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Sila sebutkan syarikat yang terlibat itu di mana kerajaan berat sebelah.

Tuan Lim Guan Eng: Boleh, nanti saya akan sebut. Kalau boleh, sabar sedikitlah, nanti saya akan sebut. Di antara contohnya, kalau kita hendak pastikan bahawa pengurusan syarikat dengan baik sangat kurang dan kekurangan ini merupakan, saya rasa, satu masalah atau satu krisis - kita tidak akan menggunakan 'krisis', saya rasa 'krisis' satu perkataan yang sensitif sekarang, satu krisis dalam sektor korporat Malaysia.

Contohnya, saya hendak bangkitkan isu pemegang-pemegang saham minoriti dalam Berjaya Industri Bhd. (BIB) yang sekarang dikenali sebagai Reka Pasifik Bhd. di mana pemegang-pemegang saham minoriti merupakan mangsa terbaru dalam apa yang dianggap sebagai satu scam, membeli saham dalam sebuah syarikat yang disenaraikan dalam BSKL dengan menggunakan sendiri atau menggunakan wang syarikat yang dibeli.

Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada 3 Disember, Berjaya Group Bhd. (BGB) telah mengumumkan bahawa mereka mencadangkan untuk menjual 162,303,040 saham biasa yang mewakili 32% ekuiti saham dalam Berjaya Industri Bhd. dengan harga jualan sebanyak RM3.50 sesaham ataupun RM568,060,640. Pembeli saham itu adalah Ling San Avenue Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang hanya diperbadankan atau ditubuhkan dua bulan sebelum itu.

Di sini saya ada buat satu carian terhadap Ling San Avenue Sdn. Bhd.. Tarikh penubuhan - 8 Oktober 1996 di mana ia hanya mempunyai saham yang dibenarkan dan saham yang dibayar sebanyak RM100,000 sahaja. Saya rasa saya tidak payah sebutlah siapa sebenarnya pemilik Ling San Avenue Sdn. Bhd. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih tahu daripada saya, tetapi untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini siapa sebenarnya Ling San Avenue Sdn. Bhd., kalau kita melihat carian yang dibuat, pada masa itu dan sekarang, berbeza sedikit. Pada masa itu hanya ada dua pemilik saham sahaja dalam Ling San Avenue Sdn. Bhd. dan di antaranya ialah seorang muda yang bernama Ling Hee Liong. Siapa itu Ling Hee Liong? Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih tahu daripada saya. Dan seorang lagi saya rasa mesti ada hubung kait, ini tidak pentinglah. Yang penting sekali ialah salah seorang daripada pemilik saham ialah Ling Hee Liong.

Adalah sungguh menarik perhatian bahawa pembelian jumlah saham ini sebanyak RM568,060,640 ini adalah menerusi, dengan izin, assurance of brokerage contract note dalam masa 14 hari selepas surat perjanjian jual beli ditandatangani oleh RHB Securities. Tidak ada sebut macam mana pembayaran akan dibuat. Kita mesti

ingat bahawa pembayaran adalah dalam bentuk wang tunai. Saya tidak tahu macam manalah sebuah syarikat yang mempunyai modal berbayar RM100,000 boleh membuat pembayaran wang tunai RM568 juta. Ini satu soalan yang penting. Saya ingin bertanya pihak Suruhanjaya Sekuriti sama ada wang tunai telah pun dibayar dengan penuh oleh Ling San Sdn. Bhd.

Nampaknya penjualan atau pembayaran adalah diperolehi daripada dana Berjaya Industri Berhad untuk membeli saham-sahamnya. Ini adalah kerana dalam masa 25 hari selepas pengumuman 3 Disember iaitu 28 Disember dan saya ada sepucuk surat di sini, saya rasa Yang Berhormat pun ada. Berjaya telah meminta permohonan kepada KLSE untuk membuat pembelian tersebut - 17% ekuiti dalam Promet dengan harga penjualan sebanyak RM350 juta untuk membeli 100 juta saham Promet dengan harga RM3.50 sesaham ataupun 17% ekuiti Promet daripada sebuah syarikat yang bernama 'Indra Pesona Sdn. Bhd.'. Selain daripada itu, pembelian 32% dalam KIB, semua pembelian ini dibuat pada 27 Disember tahun lepas.

Pada 27 Disember 1996 Syarikat Berjaya Industri Berhad pun telah membeli 37 juta saham yang mewakili 32% ekuiti FIB dengan harga RM314,500,000 atau harga RM8.50 sesaham daripada sebuah syarikat yang bernama 'Fasa Masyhur Sdn. Bhd.'

Kedua, pembelian juga pada 27 Disember, surat permohonan diberikan kepada KLSE pada 28 Disember, tetapi pembelian dibuat pada satu hari sebelum itu iaitu 27 Disember menerusi anak syarikatnya 'Indomarks Realty Sdn. Bhd.', telah membuat satu surat perjanjian jaul-beli secara bersyarat daripada Promet untuk membeli 100% saham sebanyak RM32,400,000 syarikat saham 'Promet Ecoyu Sdn. Bhd.' Ini juga merupakan satu hutang yang mesti dibayar kepada Promet sebanyak RM50,600,000. Ini merupakan pembelian 100% ekuiti dalam 'Promet Ecoyu Sdn. Bhd.' iaitu kesemua ekuiti saham dan juga pembelian 100% ekuiti saham dalam Promet Development Sdn. Bhd. dengan harga RM12 juta serta berjanji untuk membayar hutang Promet oleh syarikat tersebut sebanyak RM31,600,000. Pembelian 100% dalam sebuah syarikat bernama Reka Cantik Capital Sdn. Bhd. dengan harga RM100,000.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua pembelian ini berjumlah RM79 juta. Ini semuanya dalam bentuk wang tunai. Pembelian RM350 juta untuk 17% dalam Promet adalah dibayar dalam wang tunai dan mesti dibayar pada 10 Januari 1997. Manakala pembelian RM314,500,000 dalam KIB sebanyak 32% mesti dibayar pada 31 Januari 1997, hanya kalau kita lihat kedua-dua pembelian ini, kedua-dua transaksi pembelian ini sudah berjumlah RM664,500,000 iaitu melebihi pembelian oleh Link Sun - 32% ekuiti, Berjaya Industri Berhad sebanyak RM568,060,640. Saya hendak bertanya sama ada pembelian ini telah mendapat kelulusan dari pemegang saham Berjaya Industri Berhad.

Adakah pemegang saham minoriti diberikan manfaat dalam bentuk nasihat bebas tentang harga dan kewajaran pembelian tersebut? Cara tergesa-gesa dan terburu-buru di mana jumlah wang yang begitu besar sekali dilepaskan oleh Berjaya Industri Berhad kepada penjual, hanya menimbulkan syak wasangka, bahawa kemungkinan besar wang ini digunakan untuk membiayai pembelian Link Sun Avenue Sdn. Bhd. sebanyak RM568 juta dalam Berjaya Industri Berhad. Kalau begitu ini jelas telah menyalahi dan melanggar Seksyen 67 Akta Syarikat, di mana tadi Yang Berhormat ada menyatakan tentang pembelian saham-saham dalam syarikat sendiri. Tetapi sebelum pindaan ini dibuat yang membolehkan syarikat-syarikat membeli saham-saham sendiri dalam pasaran, kemungkinan besar Berjaya Industri Berhad telah melakukan kesalahan sedemikian. Kalau ia dilakukan selepas pindaan diluluskan tahun ini, ini tidak merupakan satu kesalahan. Tetapi ini dilakukan pada Disember tahun lepas, sebelum pindaan diluluskan, sebelum pembelian saham sendiri dalam syarikat dibenarkan.

Saya ingin bertanya adakah broker saham yang mengeluarkan brokerage note telah sama-sama berpakat untuk menipu atau mengorbankan kepentingan pemegang saham minoriti Berjaya Industri Berhad. Saya tidak tahu sama ada Suruhanjaya Sekuriti semasa meluluskan pembelian ini ada meneliti segala perkara ini atau kerana yang terlibat adalah orang-orang yang tertentu, orang-orang atas - semua ini tutup mata.

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan jawapan tentang kes ini. Saya difahamkan juga bahawa Link Sun dan beberapa pihak yang tertentu telah sejak ini memiliki lebih daripada 51% ekuiti Berjaya Industri Berhad tanpa membuat tawaran am secara mandatori dan memberikan pendedahan penuh kepada orang awam. Ini jelas melanggar 34(1) dan (2) 'merger and take over code' Suruhanjaya Sekuriti dan saya harap perkara ini bolehlah diberikan penjelasan.

Saya tidak tahu sama ada pegawai-pegawai Suruhanjaya Sekuriti yang ada di sini ada semua maklumat dalam tangan mereka kerana ini adalah satu kes yang begitu menarik sekali. Dari pengalaman saya biasanya kes-kes yang menarik sekali, tidak ada dalam tangan pegawai-pegawai Suruhanjaya Sekuriti kerana terlalu sensitif untuk dibawa keluar, tidak boleh dibawa keluar, sampai ke Parlimen pun tidak boleh dibawa keluar. Saya tidak tahulah kalau diberikan pula, nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mahu jawab. Jika kita lihat tentang syarikat-syarikat yang dibeli mengikut terma-terma pembelian dalam Promet sebagai contoh. Adalah dinyatakan bahawa pembelian ini tidak akan dibiayai oleh pinjaman bank dan oleh wang dalam syarikat BIB. Ini untuk Promet, sama juga dengan pembelian KIB, iaitu sebuah syarikat yang disenaraikan dalam papan utama, BSKL.

Di sini saya rasa pembelian yang melibatkan wang melebihi RM791 juta, permohonan ini dilakukan atau pembelian ini dibuat selepas Link Sun Avenue Sdn. Bhd. mengambil alih Syarikat Berjaya Industri Berhad. Siapakah yang menguruskan pembelian ini. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahulah - siapakah yang menguruskan pembelian ini - Ling Hi Leong, selepas membeli BIB pada 3 Disember

Bolehkah saya mendapat tahu adakah RM568 juta dibayar secara wang tunai oleh Link Sun Avenue Sdn. Bhd. atau menerusi pembelian dalam saham sendiri oleh BIB? Bolehkah saya mendapat tahu siapakah yang memberikan pinjaman kepada Link Sun Avenue? Apakah bank yang boleh memberikan pinjaman RM568 juta kepada sebuah syarikat yang mempunyai modal berbayar RM100,000 sahaja? Adakah ini RHB Bank? Adakah bank ini seperti RHB Bank yang menyebabkan ekonomi kita begitu meleset, kerana mereka menganggap ada bank-bank yang membuat pinjaman politically connected law, dengan izin, sehingga mereka menganggap tidak ada harapan untuk mendapat pinjaman ini dan bank-bank mungkin akan jahanam dan tumbang kerana tidak boleh mendapat balik pembayaran daripada peminjam-peminjam besar sebegini. Ini bukan satu kes yang kecil, Tuan Yang di-Pertua. Itu adalah satu kes yang besar kerana mengaitkan pemimpin-pemimpin tertinggi dalam Barisan Nasional, hanya satu perkara simbolik di mana selain daripada kes ini ada pemimpin-pemimpin lain yang juga turut terlibat sama ada ahli keluarga atau sebagainya dalam pengurusan. Bila syarikat dengan modal berbayar tanpa trek rekod dua bulan ditubuhkan sahaja - dua bulan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya telah sebutkan tadi, what day I was mentioned, Oktoberkah? Oktober - dua bulan sebelum membeli Syarikat Berjaya Industri Berhad ditubuhkan iaitu pada 8 Oktober 1996, dua bulan sebelum itu. Tetapi sekarang boleh jadi syarikat bertaraf billionaire, member of the billion dollar corporate clublah - dua bulan sahaja. Ini ajaib betul. Selepas membuat carian terkini, sekarang yang merupakan pemegang saham hanya tiga orang sahaja, tetapi modal berbayarnya telah naik sedikitlah kepada RM5,999,998 - Ling Hi Leong dan ada satu lagi pemegang saham iaitu Salasiah binti Mohamad Said, nama ini pun sangat penting. Salasiah binti Mohamad Said satu saham, beliau adalah sebagai pemegang saham dalam 'Swosko Dunia Sdn. Bhd.' yang

juga ada kaitan dengan 'Berjaya Singa' yang saya akan sebutkan nanti. Seorang lagi pemegang saham ialah Halimah binti Sikal, ini yang terkini.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, kalau benar syak wasangka bahawa saham ini dibiayai, saya tidak mahu Yang Berhormat menjawab bahawa "oh! dia ada membuat pinjaman daripada bank untuk membiayai pembelian 32% dalam Berjaya Industri Berhad, ada membayar RM568 juta", tetapi tidak dijawab habis. Jadi macam mana RM568 juta dibayar balik, adakah menerusi pembelian RM791 juta saham-saham secara wang tunai dalam syarikat-syarikat tersebut. Itu yang penting. Kalau ini tidak dijawab dengan jelas, maka kita boleh anggap bahawa seperti yang saya cakapkan tadi, nampaknya ada standard, nampaknya Suruhanjaya Sekuriti ada menjalankan tugas bukan dengan layanan yang sama, tetapi dengan memihak kepada pihak tertentu.

Jadi, berapa peratuskah Link Sun dan pihak-pihak lain yang bersekutu dengannya telah mempunyai kepentingan dalam Berjaya Industri Berhad? Apakah pemilikan sekarang dari segi peratusan? Saya harap perkara ini boleh dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya ingin menimbulkan satu lagi kes di mana pemegang saham dalam satu lagi syarikat yang disenaraikan dalam BSKL iaitu 'Mulpex Holdings Berhad' pun tidak diberikan layanan yang sewajarnya. Dua syarikat iaitu Kelana Mas Industries Berhad, Promet Berhad yang merupakan syarikat-syarikat dalam BIB Stable of Companies yang dimiliki oleh Ling Hi Leong bersama-sama dengan firma-firma saham broker telah memiliki 46% ekuiti Mulpex tanpa membuat tawaran am secara mandatori kepada pemegang-pemegang saham minoriti. Firma broker-broker saham tersebut yang bersama dengan Kelana Mas Industries, Promet Berhad yang juga merupakan syarikat-syarikat dalam BIB ialah:

- (i) Simsac Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.
- (ii) JB Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.
- (iii) OSK Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.
- (iv) Sime-Bank Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.
- (v) TA Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.

Bersama dengan dua syarikat yang disenaraikan dalam BSKL yang bersama-sama dalam BIB Stable of Companies yang dikuasai oleh Ling Hi Leong telah secara dengan izin, surreptitiously memegang 46% ekuiti dalam Mulpex. Adakah ini benar dan kalau benar mengapakah pengecualian diberikan kepada syarikat atau kepada pihak tersebut, iaitu tiga syarikat yang disenaraikan dalam BSKL bersama dengan lima nominee kompeni tempatan daripada membuat satu tawaran am secara mandatori kepada pemegang-pemegang saham minoriti.

Adalah difahamkan bahawa TA Securities telah memberikan nama baru kepada Berjaya Industri Berhad, sekarang nama barunya ialah Reka Pasifik dan Link Sun Avenue untuk menguruskan pembelian sedemikian, kemudahan pinjaman sebanyak RM500 juta. Adakah ia dijamin bukan sahaja oleh Ling Hi Leong, tetapi oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan iaitu Yang Berhormat dari Labis iaitu Presiden MCA. Beliau telah memberikan jaminan sebanyak RM500 juta untuk pengurusan saham kepada TA Securities. Saya tidak tahulah kerana saya pernah menanyakan soalan ini Tuan Yang di-Pertua, adakah menteri-menteri dilarang daripada membuat jaminan atau memberikan jaminan untuk perniagaan ahli keluarganya. Jawapan yang diberikannya 'tidak'. Kalau mereka suka, mereka mesti tanggung akibatnya.

Di sini, adakah munasabah? Mungkin Yang Berhormat mampu sangat - saya tidak tahu, kalau ini benar RM500 juta oleh Yang Berhormat dari Labis seorang Menteri Pengangkutan, adakah benar beliau ada memberikan jaminan sebanyak RM500 juta kepada TA Securities. Jika ini benar, macam mana seorang Menteri

mampu memberikan jaminan dengan jumlah wang yang begitu besar? Kalau beliau boleh membuat pembayaran, ini akan menimbulkan tanda tanya macam mana dia mampu dengan gaji lebih-lebih lagi Tuan Yang di-Pertua, gaji sudah dipotong 10%. Gaji pun sudah dipotong 10% macam mana mampu membuat pembayaran balik, mungkin Yang Berhormat akan minta lebih baik jangan potong, tetapi ditambah sedikit untuk membayar kemudahan tersebut. Kalau tidak mampu RM500 juta dengan kadar faedah, saya tidak tahu berapa banyak. Saya ingat Yang Berhormat lebih pandai daripada saya untuk membilang faedah yang terpaksa dibayar. Adakah beliau mampu? Kalau tidak mampu apa akan terjadi? RM500 juta bukan satu jumlah kecil atau sebarangan, ia adalah satu jumlah yang amat besar sekali. Saya berharap bahawa satu jawapan menyeluruh boleh diberikan oleh pihak Yang Berhormat tentang isu-isu ini, khususnya peranan yang dimainkan Yang Berhormat dari Labis dalam perniagaan anaknya iaitu Ling Hi Leong.

Kita memang berasa terpegun dengan kebolehan dan kemampuan anaknya kerana dalam masa yang begitu singkat sekali mampu menawan hati sektor korporat dengan membeli saham-saham BSKL dengan harga RM1.2 bilion. Ini saya rasa satu kejayaan yang amat luar biasa dan menonjol sekali. Adakah ini dibuat dengan bantuan dan penglibatan ayahnya yang juga Presiden parti Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan sejauh manakah pinjaman yang diberikan oleh bank ini kukuh. Adakah pembayaran masih boleh dibuat dan adakah default akan berlaku seperti yang berlaku dalam syarikat-syarikat Westmon, Wintek.

Tadi Yang Berhormat bercakap mengenai pendedahan yang penuh supaya tidak ada maklumat palsu, tetapi saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak, atau mungkin tidak mahu sedar bahawa apabila syarikat-syarikat seperti Wintek, Westmon memberitahu bank bahawa mereka dengan izin, default on their loans. Dalam surat khabar di Malaysia tidak disiarkan lansung, hanya di surat khabar Singapura sahaja disiarkan. Jadi, macam mana kita boleh memulihkan dan mengukuhkan keyakinan pelabur-pelabur dalam negeri, kalau berita-berita yang tidak baik ini semua kena 'gam', semua disenaraihitamkan. Kerana kegagalan ini, saya hendak bertanya sama ada default akan berlaku kepada bank-bank yang membuat pinjaman kepada syarikat-syarikat tersebut berdasarkan nilai saham yang boleh dianggap dengan izin, inflated pada masa itu. Tetapi apabila turun kepada harga sekarang, saya rasa bank-bank tersebut mungkin menghadapi masalah. Adakah bank-bank tersebut menghadapi masalah? Saya harap perkara ini bolehlah diberikan perhatian dan pada masa yang sama kita tidak mahu apa yang berlaku di Korea Selatan berulang di Malaysia. Satu daripada masalah di Korea Selatan ialah false name account, iaitu simpanan akaun dalam bank tidak payah menggunakan nama sebenarnya, boleh menggunakan nama samaran atau nama palsu. Nominees company pun satu langkah yang serupa. Sungguhpun nominee company, tetapi kita tidak tahu ia digunakan sebagai satu depository.

Tadi Yang Berhormat bercakap mengenai meluluskan undang-undang depository, digunakan sebagai satu depository untuk pihak-pihak tertentu yang tidak mahu orang awam tahu merekalah sebenarnya pemilik saham.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya tentang kes Swosko Dunia iaitu sebuah syarikat bermodal RM2 yang telah membeli daripada Berjaya Singa dengan wang tunai sebanyak RM1.38 bilion. Adakah ini memenuhi hasrat yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa sebarang penyusunan semula korporat akan diteliti. Ia tidak akan diluluskan untuk memastikan mudah tunai tidak terjejas.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan juga menyatakan pelaburan strategik yang boleh menjana pertukaran wang asing dan tabungan seperti pelancungan, industri terteknologi tinggi seperti Koridor Raya Multimedia hanya industri-industri tersebut akan dibenarkan

Di sini saya ingin bertanya sama ada penjualan Berjaya Singa kepada Swosko Dunia memenuhi syarat-syarat baru yang ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Berjaya Singa akan menjual 81% sahamnya atau dengan harga RM5.30 sen sebanyak 1,239 juta kepada Swosko Dunia. Selain daripada itu RM26.28 juta nominal amount of 6 per cent of unsecured, Redeemable Comfortable Unsecured Loan (RCUS) dengan harga RM1.80 sen juga akan dibeli oleh Swosko Dunia dengan nilai RM47.3 juta dan 58.64 juta unit Transferable Subscription Rights (TSR) dengan harga RM1.60 sen seunit atau keseluruhannya sebanyak 93.8 juta unit juga akan dibeli oleh Swosko Dunia, kesemuanya RM1.38 bilion. Kalau kita lihat nilai pasaran sehari sebelum pengumuman ini dibuat, adalah jelas bahawa Swosko Dunia akan membayar premium sebanyak RM408 juta berbanding dengan RM1.38 bilion harga pembelian untuk Berjaya Singa daripada Berjaya Group. Tetapi kalau kita melihat pengumuman yang dibuat bahawa Ahli Lembaga Pengarah yang terlibat dalam pembelian tersebut atau yang terlibat dalam Swosko Dunia Sdn. Bhd. adalah Encik Azmi Mustafa dan Dato' Mohd. Desa Paci. Dato' Mohd. Desa Paci merupakan Pengerusi Syarikat yang disenaraikan dalam BSKL seperti Westmon Malaysia Mining Corporation dan Commerce Asset Holdings. Adakah ini benar mereka seperti yang dinyatakan dalam pengumuman akhbar bahawa mereka adalah pembeli Berjaya Singa.

Saya telah membuat satu carian kepada Swosko Dunia bertarikh pada 8 Disember iaitu lebih satu minggu selepas pengumuman dibuat oleh Berjaya Singa. Dalam carian ini saya mendapati bahawa Swosko Dunia hanya ditubuhkan pada 7 November 1997 iaitu lebih kurang dua minggu sahaja sebelum pembelian dijalankan, dengan mempunyai modal berbayar hanya RM2. Tetapi syarikat RM2 boleh membeli .38 bilion unit saham dan di antara pemegang saham dan pengarah tidak ada nama Azmi Mustafa ataupun Dato' Mohd. Desa Paci. Yang ada nama ialah Asiah binti Othman dan seorang lagi Puan Salasiah binti Mohamad Said. Kalau Yang Berhormat ingat ucapan saya tadi, Puan Salasiah binti Mohamad Said juga seorang pemegang saham dalam Link Sun Avenue Sdn. Bhd. Nampaknya semua ada kaitan. Link Sun ini saya rasa namanya amat menarik hati 'L-i-n-k S-u-n' Avenue Sdn. Bhd. Link Sun, 'Ling and Son' - tidak tahulah, Yang Berhormat cakap Ling and Son - Link Sun Avenue Sdn. Bhd.

Seorang Ahli: Ling and son.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Link Sun.

Tuan Lim Guan Eng: Kedua-dua perempuan ini adalah juga Ahli Lembaga Pengarah dan seorang daripadanya ialah ahli pemegang saham iaitu Salasiah binti Mohamad Said hanya satu syer sahajalah. Tetapi dalam Link Sun Avenue Sdn. Bhd. tidak ada pengarah, tetapi pemegang saham - semua ada kaitan. Ini Berjaya Singa, Berjaya Group, Berjaya Industri menjual kepada Link Sun - nama semua ada. Kalau demikian, kalau pemegang saham dan Ahli Lembaga Pengarah bukanlah seperti yang dinyatakan dalam carian syarikat yang dibuat oleh saya pada 8 Disember dan dalam pengumuman surat khabar, adakah ini bermakna bahawa Berjaya Group telah membuat satu kenyataan yang palsu. Jika begitu, apakah tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Saya juga ingin tahu macam mana kelulusan boleh diberikan oleh Suruhanjaya Sekuriti kepada sebuah syarikat yang mempunyai modal berbayar sebanyak RM2? Saya tidak kisah sama ada Swosko Dunia membayar premium sebanyak RM408 juta. Kalau mereka menganggap ini satu urusan yang baik, is a good deal, itu hal mereka, tetapi kalau mereka hendak membuat pembelian sedemikian, mereka hanya boleh melaksanakannya dengan pinjaman daripada bank-bank. Manakah bank yang akan memberi pinjaman dan adakah pinjaman seperti ini, yang tidak mempunyai apa-apa productive capacity, tidak mempunyai hasil atau tidak mempunyai apa-apa produktiviti. Adakah ini satu pinjaman yang akan diluluskan dan akan memenuhi syarat-syarat baru yang ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Apakah akan terjadi kepada Swosko Dunia, kalau tidak mampu

membayar atau membuat tawaran am secara mandatori, kerana kalau mereka hendak membeli baki 19%, mereka mesti membayar lagi RM291 juta. Ini akan menambah jumlah wang yang akan dibiayai oleh Swosko Dunia kepada RM1.6 bilion untuk membeli Berjaya Singa.

Dalam keadaan pinjaman sekarang, kadar pertumbuhan kredit hendak dikurangkan dari 29% kepada 20%, bank mana yang boleh memberi pinjaman wang tunai sebanyak RM1.6 bilion? Saya rasa Yang Berhormat dari Pokok Sena dia pun iri hati sedikit, wang tunai RM1.6 bilion - itu bukan jumlah kecil, jumlah besar.

Bolehkah pihak kementerian menjelaskan sama ada penyusunan semula syarikat ini akan dikaji semula, memandangkan bahawa aset sebanyak RM647 juta akan dijual kepada Berjaya dan timbul pula kebimbangan bahawa apa yang tertinggal hanyalah shell company. Adakah ini merupakan satu reverse asset stripping exercise, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua supaya mereka boleh membeli balik syarikat-syarikat atau aset-aset yang bernilai dan tinggalkan yang hanya rangka sahaja tanpa isi atau shell company kepada Swosko Dunia. Ini akan mengorbankan kepentingan pemegang-pemegang saham minoriti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menimbulkan satu perkara secara spesifik tentang amalan-amalan atau perbuatan dan tingkah laku Syarikat-syarikat Sekuriti. Sungguhpun salah satu Syarikat Sekuriti dibenarkan menjalankan urusan seperti biasa, tetapi kita hendak tahu adakah Syarikat-syarikat Sekuriti yang lain menghadapi masalah yang sama. Walaupun pihak KLSE telah menyatakan bahawa Syarikat-syarikat sekuriti ini kerana menghadapi masalah, tidak dibenarkan membuat pembelian kecuali memberikan wang pendahuluan.

Saya rasa rakyat berhak tahu apakah sebab kelima-lima Syarikat Sekuriti dikenakan tindakan sedemikian. Berapakah jumlah dana pemegang atau share holders fund yang mereka kurang? Di samping itu saya ingin merujuk kepada satu kes tentang aduan oleh seorang remisier yang bekerja di OCBC Securities Melaka Sdn. Bhd. yang bernama Encik Yong Chong Keong, di mana beliau telah dipaksa oleh syarikat saham tersebut. Sungguhpun aduan telah dibuat oleh pihak yang berkenaan, baik KLSE, baik Suruhanjaya Sekuriti dan sebagainya, tetapi tidak ada sebarang tindakan yang diambil untuk menegakkan keadilan. Encik Yong adalah seorang remisier di OCBC Securities Melaka, di mana beliau telah dipaksa membuat bayaran sebanyak RM562,875 kepada seorang daripada pelanggan yang gagal membuat bayaran untuk saham-saham yang dibeli menerusi remisier Encik Yong Chong Keong. Kalau kesalahan yang dilakukan oleh remisier Encik Yong dia tentu bersedia untuk menanggung kerugian tersebut. Tetapi apa yang berlaku ialah apabila pelanggan yang bernama Encik Yap Ngi Seng ini pergi ke syarikat OCBC Securities untuk mendapat skrip, beliau hanya membayar menerusi satu cek kepada OCBC Securities, tanpa menunggu dan menanti cek dijelaskan (check cleared) dan saham-saham tersebut telah diserahkan kepada Encik Yap. Ini bukan kesalahan remisier Encik Yong. Ini adalah kesalahan syarikat yang tanpa tunggu cek dijelaskan menyerahkan skrip kepada pelanggan tersebut yang bernama Encik Yap Ngi Seng. Sungguhpun itu bukan kesalahan Encik Yong, tetapi beliau dipaksa menanggung kerugian yang dialami apabila cek itu ditendang balik kerana tidak ada wang dalam bank sebanyak RM562,875.

Selepas perkara ini dilaporkan kepada polis, Encik Yap iaitu pelanggan tersebut telah membayar hanya sebahagian kecil daripada saham kepada OCBC Securities dan menyebabkan OCBC Securities masih kekurangan RM468,677. Sungguhpun kesalahan ini dibuat oleh Syarikat Sekuriti, tetapi Encik Yong remisier dipaksa membayar atau menanggung RM468,677 ini, sehingga sekarang dia diberitahu yang dia akan digantung kerja kalau tidak membuat bayaran dan dipaksa berbuat demikian. Sungguhpun perkara ini dibawa kepada syarikat, beliau masih tidak mendapat balik wang yang telah pun dibayar, lebih-lebih lagi apabila perkara ini dibangkitkan dalam sesi yang lepas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang siasatan polis ke atas kes ini, kerana ini adalah satu kes penipuan. Membuat

satu cek yang telah ditandang keluar. Walaupun diketahui tidak ada wang, tetapi mengambil skrip dan enggan memulangkannya.

Siasatan yang dijalankan oleh polis, sepertimana yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, menyatakan bahawa tindakan yang diambil oleh polis dalam kes ini, oleh seorang remisier dalam OCBC Securities di Melaka iaitu Encik Yong Chong Keong tentang penipuan yang dibuat oleh Encik Yap Ngi Seng, yang mengeluarkan cek. Sungguhpun Encik Yap tahu tidak ada wang dalam bank serta siasatan OCBC Securities yang membenarkan penipuan ini berlaku dan dinyatakan dengan jelas sekali bahawa oleh kerana wang ini telah dinyatakan dengan jelas sekali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa penyiasatan ke atas kes ini telah ditutup pada 5 September 1995. Ekoran dari itu Encik Yap Ngi Seng melalui peguamnya telah membuat bayaran balik amaun tersebut kepada OCBC Securities Sdn. Bhd. Bila saya membangkitkan perkara ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri beliau tidak menafikan bahawa jawapan ini salah. Beliau masih memegang bahawa jawapan ini betul. Kalau jawapan itu betul, ini bermakna bahawa Encik Yap Ngi Seng telah membayar balik semua RM468,677 kepada OCBC Securities. Tetapi OCBC Securities sungguhpun mendapat balik bayaran itu enggan membayarkannya kepada Encik Yong dan perkara ini telah dirujuk oleh Encik Yong kepada Suruhanjaya Sekuriti dan BSKL, tetapi kedua-dua badan ini tidak mahu campur tangan.

Saya tidak tahu mengapa dalam kes-kes sedemikian apabila melibatkan pertikaian di antara Syarikat Sekuriti dan pihak-pihak kecil baik remisier ataupun pemegang saham. Tiap-tiap kali BSKL atau Suruhanjaya Sekuriti memihak kepada Syarikat Sekuriti, saya rasa ini melanggar prinsip dan semangat undang-undang Akta Perindustrian Sekuriti, di mana pihak berkuasa sebenarnya membela pihak yang dianiayai atau tertindas, bukan sebaliknya. Ini adalah satu contoh yang melibatkan seorang remisier di mana beliau dipaksa membayar wang RM468,000 sungguhpun bukan kesalahannya. Tetapi kesalahan syarikat yang memberikan sijil skrip saham sungguhpun cek yang dibayar belum jelas atau belum clear. Ini adalah kesalahan Syarikat Sekuriti. Tetapi mengapa ia mesti tanggung oleh remisiernya, dipaksa ditanggung dan apabila wang ini telah dipulangkan kepada pihak yang menipu atau si penipu, syarikat saham pula tidak mahu membayar balik kepada remisier dan dirujuk kepada BSKL dan Suruhanjaya Sekuriti, mereka tidak peduli, tidak mahu mengambil tindakan, di manakah keadilan, di manakah peranan yang diamanahkan kepada badan-badan berkuasa tersebut untuk membela kepentingan pihak-pihak yang ditipu ataupun tertindas.

Ini hanya kes seorang remisier. Ada kes lagi yang melibatkan pelabur-pelabur saham kecil dalam BSKL. Contohnya, pada enam tahun yang lepas di Tampin....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Pokok Sena bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta jalankah?

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah saya Yang Berhormat dari Kota Melaka telah bangkit perkara ini dan telah dijawab oleh Timbalan Menteri berkali-kali. Dia sudah bangkit perkara ini kisah remisier yang kena beratus ribu itu. Jadi, dia mengulang-ulangkan perkara yang sama, Tuan Yang di-Pertua. Ini menyiksakan kami, sudahlah lapar, memang lapar, marah-ni. Bangkitlah perkara yang lain. Saya seronok dengar Yang Berhormat dari Kota Melaka bercakap, tetapi biarlah perkara yang lain, menghiburkan sedikit. Ini old news paper.
[Ketawa]

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, yang saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, saya sekarang tanya Timbalan Menteri Kewangan kerana ini berkaitan dengan BSKL.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara itu ialah perkara menipu ya, atau perkara mahkamah.

Tuan Lim Guan Eng: Belum.

Tuan Yang di-Pertua: Ditanyakan kepada menteri...

Tuan Lim Guan Eng: Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam Negeri pun bagaimana jikalau sekiranya perkara ini kena dibawa ke mahkamah.

Tuan Lim Guan Eng: Kerana ini BSKL dan Suruhanjaya Sekuriti, yang itu ialah tentang siasatan polis.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah.

Tuan Lim Guan Eng: Sekarang saya tanya mengapakah BSKL dan Suruhanjaya Sekuriti tidak mahu ambil perhatian atau tidak mahu mengambil tindakan dalam kes ini. Kerana apabila jelas sekali bukan remisier yang salah, yang salahnya ialah syarikat. Mengapa BSKL tidak mahu ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, saya pun kurang faham jikalau tidak patut bayar tetapi dia bayar.

Tuan Lim Guan Eng: Itu yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimana. Kita pun tidak faham.

Tuan Lim Guan Eng: Itulah sebab saya pun tidak faham, macam mana BSKL tidak mahu ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak tanya kepada Menteri, dia mana tahu. *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Dia mungkin tidak tahulah, itulah sebab dia kena tanya pegawainya. Kalau Yang Berhormat dari Padang Terap mungkin dia tahu tetapi dia tidak ada di sini. Saya pun hendak berikan peluang kepada Yang Berhormat dari Rasah untuk menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ada benda yang lain-lain lagi?

Tuan Lim Guan Eng: Ada. Sebab itulah kalau saya cakap BSKL dan Suruhanjaya Sekuriti mereka harus membela pihak-pihak kecil, jangan hanya syarikat-syarikat saham sahaja. Jadi, kes yang saya sebutkan yang baru, ini untuk memuaskan selera Yang Berhormat dari Pokok Sena, iaitu kes Tampin, enam tahun lepas di mana mereka ditipu oleh syarikat saham yang menjualkan saham menerusi agen. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua, hanya syarikat yang mempunyai lesen dari BSKL boleh memperdagangkan saham, jual atau beli. Tetapi ini memang merupakan satu kebiasaan di mana bandar-bandar kecil mereka menubuhkan cawangan-cawangan sungguhpun diharamkan, tetapi mereka menubuhkan cawangan untuk menjual dan membeli saham. Ini memang merupakan satu perbuatan lumrah, bukan sahaja Tampin, malah di Kampar pun ada.

Saya rasa Yang Berhormat dari Kampar pun tahu bahawa ada syarikat-syarikat saham agen yang tidak dibenarkan dalam akta, dalam undang-undang tetapi diteruskan. Dalam kes ini bila jelas bahawa syarikat saham terlibat dan ada seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Straits Trading yang didakwa di bawah Akta Perindustrian Sekuriti kerana membuat atau menjalankan perbuatan seperti ini, melakukan perdagangan menerusi agen. Sungguhpun ini telah membawa satu

pendakwaan, tetapi apabila pelabur-pelabur saham yang mengalami kerugian mereka membuat tuntutan daripada BSKL, BSKL menolak tuntutan mereka.

Saya ingat Tuan Yang di-Pertua lebih arif daripada saya dan tahu bahawa ada satu Fidelity Fund, iaitu Tabung Kesetiaan yang ditubuhkan oleh BSKL untuk membantu semua pelabur-pelabur kecil yang ditipu oleh syarikat-syarikat sekuriti. Sehingga sekarang Tabung Kesetiaan ini saya rasa saya tidak tahu jumlahnya, mungkin melebihi atau hampir RM10 juta. Tetapi sehingga sekarang tidak ada satu sen pun dibayar keluar, sungguhpun telah ditubuhkan lebih 15 tahun tetapi tidak ada satu sen pun dibayar keluar. Apa gunanya kita tubuhkan satu Tabung Kesetiaan, satu Fidelity Fund untuk membantu pelabur-pelabur kecil kalau bila ia tidak mahu digunakan untuk menanggung atau membayar ganti rugi kepada mereka. Lebih-lebih lagi apabila salah satu daripada lembaga, this a broker, bukan remisier, salah satu seorang Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Sekuriti telah pun didakwa di bawah akta ini, tetapi BSKL tetap tidak mahu membuat pembayaran.

Oleh itu, saya ingin menegaskan kalau BSKL, kalau Suruhanjaya Sekuriti hendak memainkan peranannya dengan baik, mereka haruslah memihak kepada kebenaran khususnya kepada pelabur-pelabur kecil. Janganlah hanya memihak kepada syarikat-syarikat saham sahaja ataupun syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam BSKL. Saya rasa ini akan defeat the very purpose of this act, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Itulah saranan saya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, sungguhpun dari segi hukuman telah pun ditambah, insider trading dan juga seksyen 84, 85, 86 dan sebagainya, semuanya ini telah ditambah termasuk juga ada civil liability untuk kegiatan-kegiatan haram. Saya ingin bertanya bolehkah pihak Suruhanjaya Sekuriti membuat saman ini bagi pihak pelabur-pelabur kecil yang ditipu. Saya tahu mereka boleh membuat saman ke atas syarikat-syarikat apabila untuk mendapat balik sebarang kerugian. Bolehkah kita membuat satu proviso di mana mereka boleh membuat saman bagi pihak pelabur-pelabur kecil yang tidak mampu memakai lawyer, memakai peguam untuk mendapat balik ganti rugi kepada mereka. Kalau tidak, apa gunanya seksyen ini, wang ini masuk Suruhanjaya Sekuriti ataupun syarikat-syarikat besar, bukan pelanggan-pelanggan kecil.

Saya harap kalau kita hendak pastikan Akta Perindustrian Sekuriti berkesan, pemegang-pemegang saham minoriti, pelabur-pelabur kecil, kepentingan mereka mesti dijaga. Bukan hanya lihat atas tetapi tidak lihat bawah. Itulah ucapan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

8.07 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini dengan perasaan dukacita.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Point of order ya. Apa dia itu? [Ketawa]

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [Pembesar suara dimatikan]

Tuan Lim Guan Eng: Dia belum bercakap lagi. [Ketawa] Point of order, Tuan Yang di-Pertua, dia buat andaian. Tidak boleh buat andaian di sini. Macam mana dia boleh tahu Yang Berhormat dari Kepong akan bercakap yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bercakap perkara yang lain ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang berlainan. Sungguh berlainan, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Saya bangun, saya ulang. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini dengan perasaan dukacita kerana persepsi dan sentimen dunia luar terhadap sistem kewangan Malaysia adalah kurang menggalakkan. Semasa Sidang Kemuncak bukan rasmi Pemimpin-pemimpin ASEAN Kelas Tiga, Cina Jepun dan Korea Selatan mata-mata wang ahli-ahli ASEAN masih jatuh; Rupiah turun 10%, Baht - 5.8%, Peso - 3.4%, Ringgit - 3.2%, dan Dollar Singapura - 2.1%.

Tuan Yang di-Pertua, kita nampaknya ahli-ahli ASEAN menjemput beberapa negara seumpama Cina dan Jepun untuk menghadiri persidangan ini. Ini memang satu langkah yang betul, kerana sekarang nilai-nilai mata wang kita semua sudah jatuh. Nilai mata wang Cina masih kukuh. Ada sebahagian besar pengeluaran kita adalah hampir sama dengan negara Cina. Negara Cina dengan skala yang lebih besar, kalau mereka turunkan mata wang Remin P, mata wang Cina, maka masalah kita akan bertambah rumit. Sebab itulah kita mempelawa Presiden Cina untuk hadir ke persidangan kemuncak ini supaya kita boleh bincang bagaimana Cina boleh dapat bersama-sama dengan kita menghadapi krisis ekonomi kita ini.

Memang ini satu cara yang saya tekankan di sini supaya negara Cina dapat membantu kita juga. Kita sama-sama kita hendak jiran kita maju dan negara Cina, kita sama-sama maju untuk menghadapi krisis keyakinan sekarang. Yang Berhormat dari Pokok Angsana jangan bimbang semua yang saya sebutkan sini tidak serupa dengan Kota Melaka.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Pokok Sena.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak serupa tetapi tidak kena-mengena dengan akta ini. Dia pergi sampai negara Cina.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang ada kena-mengena, kerana kita menghadapi krisis keyakinan dan akibatnya akan pahit-maung. *[Ketawa]* Dan usaha kita untuk memindahkan Akta Perindustrian Sekuriti ialah untuk memulihkan pasaran saham. Saya setuju dengan setengah-setengah pindaan ke atas akta yang termasuk dalam rang undang-undang ini. Tetapi ini tidak bermakna semua itu sempurna. Saya pun berasa kesal kerana Ahli-ahli Yang Berhormat seumpama tidak berminat untuk mengambil bahagian di dalam perdebatan rang undang-undang yang begitu penting, yang peri mustahak untuk menyelesaikan masalah kewangan di negara ini.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Hai, tak minat, ini saya tunggu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tunggu buat apa, tunggu hanya kacau sahaja, bangun tidak keruan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, macam mana merepek pula. Tuan Yang di-Pertua, di dalam beberapa pindaan ini saya nampak bukan sahaja kita hendak memberi peluang kepada pelabur-pelabur, bahkan kita juga hendak memperkemas lagi kawal seliaan ke atas bidang sekuriti pasaran kita sekarang ini. Setahu kita di dalam langkah-langkah yang diambil dalam Belanjawan 1998 walaupun tidak dialu-alukan dengan baik oleh dunia luar, tetapi di dalam langkah-langkah Belanjawan kita pasaran modal kita tumpukan perhatian yang lebih. Mengapa kita tumpukan perhatian yang lebih, kerana daripada tahun 1995 kepada tahun 2005 di dalam tempoh 10 tahun ini menurut Bank Negara, negara ini memerlukan modal sebanyak RM1.5 trilion. Kita

harap Pokok Angsana dapat mengira banyak mana modal. Dengan sempoa tidak dapat kita bilang, RM1.5 trilion untuk 10 tahun.

Daripadanya kita berharap pasaran modal Bursa Saham Kuala Lumpur dapat menggembelngkan sekurang-kurangnya RM450 bilion bagi jumlah modal yang diperlukan untuk pembangunan negara. Di sinilah kita bincang bagaimana kita mesti memastikan pasaran modal kita kukuh, stabil dan dapat menggembelngkan wang RM450 bilion sekurang-kurangnya untuk pembangunan negara.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekarang dengan krisis keyakinan ini kalau kita tidak mengambil langkah-langkah yang betul kita tidak akan dapat menggembelngkan wang yang begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Cara Kepong bercakap itu macam shadow Menteri Kewangan, tetapi shadow sahajalah, bukannya kenyataan. *[Ketawa]* Untuk bayang itu dia boleh mimpi, untuk kenyataan tidak payah. GNP kita sendiri RM100 bilion, bagaimana pula kita memerlukan satu jumlah yang besar, betulkah figure atau data ini? Ataupun hanya satu figure Yang Berhormat dapat daripada anak Yang Berhormatkah? Hendak kata isteri boleh tahan sebab dia Wakil Rakyat juga. Dari mana figure ini, dari mana dapat sumber ini? Saya minta sedikit penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dia datang ke sini bangun, tetapi tidak dengar. Macam mana kita boleh menyelesaikan masalah, yang bercakap itu sebelah sana misalnya. Bank Negara - Yang Berhormat Timbalan Menteri memang setuju kerana itu angka dia, untuk 10 tahun. Tuan Yang di-Pertua, masalah timbul kerana Yang Berhormat dari Rompin tidak begitu berminat. *[Ketawa]* Memang satu masalah yang besar.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar Yang Berhormat dari Kepong mengatakan negara memerlukan RM450 bilion untuk pembangunan satu tahun, itu saya hendak bertanya. Sebab kalau itu dikira baru datang trilion.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:kali dengan 10 baru dapat trilion.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya mengajak....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab GNP kita baru RM100 bilion.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya mengajak Yang Berhormat dari Rompin kita bersama-sama untuk menyelesaikan masalah kerana di Malaysia dalam masa 10 tahun ini kita memerlukan RM1.5 trilion. Daripada pasaran modal kita, kita perlu sekurang-kurangnya RM450 bilion dalam tempoh satu dekad.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana pula. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, sebelah sana doktor, sebelah sini engineer, kedua-dua salah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya dok tengah-tengah dengar doktor sakit kulit bercakap kesah duit, yang sebelah sini pula engineer minta penjelasan, saya ingat Tuan Yang di-Pertua mengundi sahajalah. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang kita memerlukan pasaran modal yang lebih kuat yang boleh tumbuh lebih baik. Tetapi semasa krisis keyakinan sekarang usahlah kita hendak berbuat demikian. Walau bagaimanapun, saya akan menganjurkan beberapa cadangan supaya kita bersama-sama dapat menyelesaikan masalah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, ketika kita hendak mewujudkan satu sistem maklumat yang lebih sophisticated, lebih canggih dan juga tempoh penyelesaian yang lebih pendek untuk pasaran saham dan pelaksanaan sistem delivery versus payment. Ini memang langkah-langkah yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam ucapan Belanjawannya. Sungguh malang sama ada Yang Berhormat dari Rompin atau Pokok Angsana tidak mengambil perhatian mengenai langkah-langkah yang telah pun dilafazkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Di sini saya hendak bertanya, kita ada satu Benchmark Bond yang dikeluarkan oleh Khazanah Malaysia yang telah pun dilancarkan pada 18 September 1997. Adakah Bond Khazanah Malaysia ini sudah terjejas kerana krisis keyakinan sekarang. Pihak Kementerian sudah pun melancarkan satu Bond Information Dissemination System (BIDS) yang sudah pun dilancarkan oleh Bank Negara untuk memperdalamkan lagi pasaran modal kita. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan sama ada BIDS ini sudah terjejas kerana pasaran sekarang. Ini memang satu perkara yang penting, kerana sebelum krisis keyakinan ini memang pihak Kementerian Kewangan mempunyai cita-cita yang tinggi untuk menyelesaikan beberapa perkara. Nampaknya saya tidak dengar lagi apa yang dibuat oleh pihak Kementerian kerana langkah-langkah yang diambil setakat ini tidak dapat memugarkan keyakinan terhadap pasaran kewangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ada pernah disebutkan iaitu satu pelan induk untuk perkhidmatan-perkhidmatan kewangan, Financial Services Master Plan. Adakah pihak Kementerian Kewangan sekarang masih menggubalkan Financial Services Master Plan, pelan induk untuk memastikan pembangunan sektor perkhidmatan kewangan dengan lebih teratur termasuk program untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan kewangan dan untuk menetapkan peraturan-peraturan yang lebih sempurna supaya tidak berlaku fungsi-fungsi yang bertindih-tindih dalam agensi-agensi regulatory dan juga agensi untuk mengawalseliakan pasaran saham kita. Memang kita hendak mengetahui sama ada Financial Services Master Plan ini sudah ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Sekuriti telah pun mengumumkan sebelum krisis keyakinan ini bahawa ia akan mengadakan beberapa langkah untuk memperkukuhkan pasaran modal. Yang pertamanya, mengenai pengurusan firma-firma broker, stocks broking firms untuk menambahkan dan memperkukuhkan sistem capital adequacy bagi memperketatkan disiplin kewangan dan pengurusan broker saham. Di sini sukalah saya membangkitkan satu perkara iaitu mengenai BSKL yang menghadkan perniagaan lima firma sekuriti, iaitu; Sime Sekuriti Sdn. Bhd., Capital Call Sekuriti Sdn. Bhd., MBF Northern Sekuriti Sdn. Bhd., Kim Khoon & Co. Sdn. Bhd. dan Labuan Sekuriti Sdn. Bhd..

Tuan Yang di-Pertua, Apakah sebabnya lima syarikat sekuriti ini hadkan perniagaannya. Sebab di dalam pengumuman media massa tidak mencatatkan apakah sebenarnya berlaku dengan formal, sama ada misalnya Sime Sekuriti Sdn. Bhd. semasa Sime Darby mengambil alih Bank UMBC. Mungkin wujudnya masalah-masalah

termasuk hutang-piutang dan sebagainya. Bukan hutang RM1 juta, RM2 juta tetapi beratus juta ringgit. Adakah kerana pengurusan hutang-piutang ini tidak begitu sempurna sehingga wujudnya masalah di Sime Sekuriti Sdn. Bhd. Kerana kalau ikut arahan daripada Suruhanjaya Sekuriti memang mereka hendak melaksanakan sistem - enhanced system of capital adequacy. Bagi saya langkah yang diambil oleh BSKL untuk menghadkan perniagaan lima firma sekuriti adalah baik. Ini memang satu langkah yang betul. Tetapi bagi saya tidak mencukupi, kerana ini tidak cukup untuk memugarkan keyakinan, tidak cukup mengembalikan kepercayaan.

Saya mencadangkan supaya kita umumkan butiran syarikat-syarikat yang menghadapi kesusahan. Ada banyak syarikat lagi yang menghadapi kesusahan, bukan lima syarikat sekuriti sahaja. Kita umumkan semua ini untuk memugarkan keyakinan terhadap sistem kewangan. Inilah langkah yang positif. Saya pun tidak tahulah mengapa pihak kementerian tidak mengambil langkah yang lebih baik lagi, yang lebih dahsyat untuk memulihkan keyakinannya. Ada setengah-setengah yang diambil, bagi saya tidak mencukupi. Walaupun begitu, kita mesti jaga yang ada sekarang langkah yang baik, skim-skim yang baik termasuk Financial Services Master Plan janganlah ini pun diabaikan kerana kita jaga sahajalah untuk memulihkan krisis keyakinan. Kita tidak boleh sambil kita mengambil langkah untuk memugarkan keyakinan bahkan juga kita masih melaksanakan langkah-langkah yang telah pun ditetapkan untuk dilaksanakan. Saya hendak memetik serangkap pantun Melayu.

Anak merak terlompat-lompat,

Anak indung kecikiran,

Yang diredah tak dapat,

Yang dikandung bercikiran.

Tuan Yang di-Pertua: Anak indung itu anak apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Anak indung itu?

Dr. Tan Seng Giaw: Anak indung itu...

Tuan Yang di-Pertua: Anak apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Anak indung anak kecikiran. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak pernah dengar perkataan itu, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak pernah ya. Tidak mengapa, Tuan Yang di-Pertua, nama sejenis burung. *[Ketawa]*

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya memetikkan serangkap pantun itu untuk memberi amaran kepada Kementerian Kewangan supaya jangan kita mengabaikan langkah-langkah yang baik sudah pun diambil. Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi yang telah pun diumumkan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti, iaitu untuk meminda peraturan-peraturan bagi memelihara aset-aset pelabur-pelabur yang dipegang oleh stock broking firm supaya peraturan-peraturan yang diamalkan oleh BSKL adalah cocok dengan peraturan-peraturan antarabangsa. Ini memang baik kerana ini untuk memulihkan keyakinan, kita mesti ada peraturan-peraturan yang selaras dengan peraturan-peraturan antarabangsa. Adakah langkah ini dilaksanakan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang perlu disebutkan oleh Suruhanjaya Sekuriti ialah untuk mengadakan futures contracts ke atas Ringgit yang boleh diniaga di Malaysia Money Trade Exchange. Adakah kemudahan ini sudah diwujudkan bagi membolehkan perniagaan ke atas Ringgit dikembalikan kepada Malaysia supaya syarikat-syarikat tempatan atau firma-firma tempatan boleh menguruskan risiko

tukaran asing di Malaysia. Ini memang satu cadangan yang baik yang perlu kita buat. Tetapi nampaknya kerana krisis kejatuhan nilai mata wang kita mungkin langkah ini tidak dapat diambil lagi. Walau bagaimanapun, jangan kita lupa inilah satu cara yang perlu kita buat.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi iaitu mengenai iltizam kerajaan untuk melaksanakan satu liberalisasi untuk sektor kewangan bagi industri brokerage, wakil-wakil daripada sekuriti-sekuriti asing akan dibenarkan untuk menguruskan to road client orders, pesanan-pesanan dari client kepada syarikat-syarikat stock broking tempatan. Adakah liberalisasi seperti ini masih dipegang oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti untuk dilaksanakan?

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya infrastruktur-infrastruktur dan sistem regulatory untuk membolehkan pasaran-pasaran berfungsi dengan berkesan adalah tidak mencukupi bagi negara ini, dan ini perlu kita gubal satu dasar untuk memperbaiki infrastruktur dan sistem regulatory supaya pasaran-pasaran kita dapat berfungsi dengan lebih berkesan. Ini memang selaras dengan dasar yang ada sekarang untuk membayangkan pasaran, market forces yang akan menentukan semua ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara lagi untuk dibincangkan, iaitu mengenai designation. Ini kerana keputusan yang dibuat oleh kerajaan yang begitu tergesa-gesa sehingga menjejaskan pasaran kita. Adakah dasar kerajaan dan garis panduan kerajaan sebelum kita membuat keputusan seumpama ini, mungkin penyelarasan di antara satu agensi dengan agensi yang lain tidak begitu sempurna sehingga tidak dapat membuat keputusan yang baik. Mengapa pihak kerajaan mengadakan designasi itu yang menghadkan transaksi-transaksi ke atas 100 komponen stock di dalam bursa saham (composite index). Designation ini memang menimbulkan masalah yang dahsyat, membibitkan kejatuhan pasaran saham yang teruk. Ini menunjukkan pihak kerajaan tidak ada garis panduan yang baik. Designation ini memang menentang short selling dan juga menegahkan institusi kewangan untuk memberi pinjaman bagi shares scrip untuk transaksi dan menentang manipulasi BSKL. Memang hasrat itu baik. Tetapi tindakan yang diambil itu kurang wajar.

Saya mencadangkan supaya kita mengkaji proses keputusan untuk menghadkan transaksi ke atas 100 komponen stock BSKL Composite Index. Kerana designation ini memang satu keputusan yang dibuat dengan salah. Kita kaji, kita memawas diri bagaimana kesalahan seumpama ini boleh dilakukan. Saya percaya di dalam saat yang genting ini memang pihak yang membuat keputusan dengan fikiran kelam-kabut tidak dapat membuat keputusan dengan baik, kerana keliru, seperti Rompin bila dia menghadapi masalah dan saat yang genting memang dia tidak boleh fikir dengan baik, dia buat keputusan yang salah. Memang kita memawaskan diri supaya kita dapat cari cara-cara yang baik, lain kali kita menghadapi krisis seumpama ini kita tidak akan mengulangkan kesalahan ini.

Yang Berhormat dari Parit Sulong saya tidak tahu sama ada dia setuju dengan designation ataupun tidak.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Rompin bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan dari Kepong, Tuan Yang di-Pertua. Ini mengarut, jam sudah 8.30 malam, mengapa tidak teruskan bercakap dengan hujah-hujah. Mungkin dia hendakkan supaya Yang Berhormat dapat duduk sementara dapat idea baru bagi peluang kepada kami untuk bercakap pula. Namun demikian, saya hendak minta penjelasan selain daripada komen itu. Adakah Yang Berhormat sedar antara sebab pada ketika itu yang menyebabkan

pasaran saham kita jatuh oleh kerana short selling? Mereka jual forward selling supaya spekulator 'speculate'kan supaya pasaran kita jatuh. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa cara itu tidak begitu baik? Adakah Yang Berhormat ada cadangan lain bagaimana kita boleh menghalang short selling kerana short selling itu yang menyebabkan pasaran kita jatuh, yang mereka meminjam scrip daripada bank-bank tertentu. Adakah Yang Berhormat dari Kepong, nampak hari ini macam shadow Menteri Kewangan, ada satu hujah dan cadangan yang baik.

Sebagai contoh, saya minta pandangan Yang Berhormat, macam di New York ada konsep circuit braker. Bermakna kalau pasaran kita turun 5% automatically, dengan izin, pasaran itu akan di'suspended' ataupun ditangguh. Adakah ini salah satu yang elok bagi pegawai-pegawai kita timbang.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau Kepong cadang begitu adalah baiknya. Sebab kalau macam ini sebagai taraf shadow finance minister, Yang Berhormat Ketua Pembangkang mungkin tukar Seputeh yang lebih elok lagilah. Minta penjelasan daripada Kota Melaka, mungkin konsep seperti circuit braker patut ditimbang. Di New York bila pasaran turun, saya lupa 5% atau 10%, dengan adanya circuit braker the market was closed earlier. Adakah kerajaan patut timbang konsep instrument yang begini untuk memastikan kita ada kawalan tentang pasaran kita. Saya minta sedikit penjelasan dari Kepong sebab selain daripada hujah-hujah yang kartun-kartun itu dia pusing keliling kadang-kadang ada juga hujah yang baik sedikit. Saya minta pandangan Kepong, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya beri penjelasan sahaja, tetapi penjelasan menjadi ucapan, itulah masalah sekarang. Tetapi idea itu ada baik juga.

Yang pertama, saya tidak setuju dengan keputusan tergesa-gesa tanpa mengira akibat. Kerana selepas itu dalam beberapa hari langkah keputusan itu ditarik balik. Tetapi tidak dapat mengembalikan keyakinan daripada pengurus-pengurus dana. Langkah diambil dan kesan yang buruk, yang padah, yang timbul kemudian, pihak kerajaan menarik balik setakat itu. Ini dibuat oleh Parit Sulong. Saya tidak bersetuju dengan perbuatan yang seumpama itu, jadi kita mesti kaji macam mana kita boleh elakkan. Dan yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Rompin itu baik juga. Kita tengoklah seperti sekarang macam mana kita tetapkan satu markah bagi Composite Index, misalnya bila Composite Index jatuh dengan pesat kepada 5% markah, pasaran itu di'suspend' ditangguhkan buat sementara supaya kita dapat mengadakan contingency plan, pelan kecemasan untuk menyelamatkan keadaan. Memang ini satu perkara yang baik sepertimana yang berlaku di pasaran saham di New York.

Tetapi di New York pun tidak begitu sihat juga. Sekarang kita nampak Dow Jones meningkat lebih 8,000. Semalam di New York Stock Exchange, Dow Jones

7,922.59, hampir 5,000 kadangkala meningkat pada lebih 8,000. Ada yang menanggarnya bahawa Dow Jones akan mencatat 10,000. Walau bagaimanapun, ini adalah satu gejala yang tidak begitu sihat. Memang pasaran kita, Kementerian Kewangan mesti membuat persiapan untuk menghadapi masalah sekiranya Dow Jones terjunam kepada 4,000 atau 2,000 markah. Maka kita mesti menghadapi kesan implikasi dan konsekucnsi yang dahsyat. Kerana kalau ini berlaku akan memusnahkan BSKL. Sebab itulah Rompin ada kadangkala timbulkan idea yang baik juga, beri saya peluang untuk menerangkan keadaan yang sebenarnya.

Tuan Lim Kit Siang: Mohon penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah benar bahawa sampai sekarang Ahli Yang Berhormat dari Rompin atau mana-mana Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional tidak ada seorang yang mengakui bahawa designation 100 stock yang disebut oleh Ahli

Yang Berhormat dari Kepong, itu satu kesilapan yang besar yang mengakibatkan kejatuhan BSKL lebih kurang 100 mata jatuh tidak mengakui, inilah satu 'self inflated bone' antara long list yang lain, satu denial syndrome yang sangat serius.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan Kota Melaka. Oh, dengan Tanjong

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tanjong, kerana Rompin pun tidak mengakui salah, sebab itu saya percaya yang baik itu Ahli Yang Berhormat seumpama Rompin

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: memang tidak mengakui salah macam mana hendak bangun lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Selain daripada mengakui sekarang.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan sedikit dari Kepong ini, sudah lupakah pada tauke itu. Tersalah sebut Kota Melaka pula. Memang sebagai pengarah wilayah yang baru hendakkan Kota Melaka ambil alih secepat mungkin? *[Ketawa]* Ini boss masih ada di sebelah kanan itu dia tersasul juga. Ini Ketua Pembangkang kena check betul, elegance ini betul atau tidak. Minta penjelasan sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, akui atau tidak. Tidak akui!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, air yang keruh keruk-kerak. Dan memang dia sebagai batu api itu memang terkenal. Air yang keruh keruk-kerak.

Tuan Yang di-Pertua, memang kalau Rompin boleh memawaskan diri, memang itu memeriksa diri sendiri, menginsafi, menyedarkan sendiri wujudnya masalah, ini memawaskan diri, kita memang memperkenalkan cara untuk memperbaiki diri, kerana kalau ada salah seperti designation, kita mesti mengakui itu salah. Kita akan mengulangi, kalau tidak mengakui, tidak menginsafi perbuatan seumpama ini akan diulang. Dan saya berharap perbuatan yang salah seumpama designation itu tidak akan diulang lagi.

Satu perkara lagi untuk memelihara nilai-nilai stok dan saya nampak kita perlu satu fleksibiliti kelunturan yang lebih di dalam garis-garis panduan mengenai buy backs walaupun di dalam pindaan ini ada disebutkan pembelian balik saham.

Saya percaya dengan fleksibiliti yang lebih kita dapat menarik lebih pelabur dan garis panduan ini perlu kita mempertimbangkan cara-cara termasuk membenarkan syarikat-syarikat untuk memegang saham-sahamnya di dalam pembelian balik, allowed companies to retain their shares. Memang ini dipraktiskan di Amerika Syarikat tetapi nampaknya kita di sini mengikut cara Australia. Di Australia tidak membenarkan di dalam pembelian balik, tidak mengizinkan syarikat-syarikat untuk memegang sahamnya.

Tetapi memang kita kaji sama ada kita hendak mengikut sistem Amerika Syarikat dalam perkara ini supaya kita boleh menggalakkan lebih ramai pelabur dan juga memelihara nilai-nilai stok kita. Skim option untuk pembelian balik memang kalau kita membenarkan syarikat-syarikat berkenaan memegang saham-sahamnya daripada membatalkan saham-saham mereka boleh membeli ketika nilai dan harga saham itu jatuh ke bawah nilai aset dan boleh dikeluarkan ataupun jualan semula dengan keuntungan bagi syarikat tersebut ketika nilai saham itu naik. Ini satu rasional untuk membenarkan syarikat-syarikat ini memegang, to retain, memegang saham-sahamnya semasa pembelian balik.

Saya bersetuju kita mesti mengelakkan, mencegah penyalahgunaan sistem pembelian balik saham, kita mesti mengadakan garis panduan dan langkah-langkah untuk mewujudkan satu suasana yang susah, yang sukar bagi orang-orang untuk menyalahgunakan sistem pembelian balik ini.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan bagi syarikat-syarikat untuk sistem pembelian balik ini, saya berpendapat bahawa pihak kementerian mesti mengkaji semula keperluan bagi syarikat-syarikat untuk membuat tawaran am, tawaran umum secara mandatori apabila pemegang saham mereka lebih dari paras 33% akibat daripada pembelian balik saham itu. Their share holding exceed the trigger level of 33%, dengan izin. Trigger point, trigger level - 33%. Kita mesti kaji semula memang negara-negara seperti Australia dan Amerika Syarikat memang mereka ada garis panduan yang berlainan.

Walau bagaimanapun kira fikir bagi Malaysia apakah itu trigger level ataupun trigger point yang sesuai bagi negara ini, itu lebih penting, kita tidak mahu meniru orang dengan buta dan nampaknya walaupun kita memerlukan liberalisasi dan deregulation untuk memperbaiki keadaan pasaran modal kita, tetapi maklumlah kerana kita mempunyai pasaran yang kecil berbanding dengan pasaran orang, maka kita mesti sentiasa berjaga-jaga keadaan kita supaya tidak berlakunya akibat yang padah ke atas kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai issue off securities, mengenai chain listing requirement, dengan izin, for the floatation of a subsidiary or associated company of a listed holding company. Memang ini menimbulkan pertanyaan di dalam perkembangan pasaran saham kita, memang kita perlu dari masa ke semasa mempertimbangkan issue off securities, ini memang satu langkah yang perlu kita buat, tetapi saya hendak menanya apakah keperluan, requirement untuk chain listing, apakah requirement yang ditetapkan oleh pihak kementerian?

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, subsidiary or associate that contributes 35% or more to the after-tax profits and/or net tangible assets of the present parent company tidak dibenarkan, ia not allowed to be listed under the chain-listing requirements. Ini bermakna anak syarikat yang menyumbang kepada lebih 35% keuntungan selepas cukai kepada syarikat ibu maka kalau lebih daripada 35% syarikat itu tidak dibenarkan untuk disenaraikan. Maksud disenaraikan ialah supaya mereka mendapat modal sendiri, to raise equity capital on their own. Dan adakah peratusan ini sudah ditingkatkan sama ada kepada 50% ataupun 60%, ini memang sedang berusaha untuk meliberalisasikan pasaran saham, memang peratusan ini mestilah ditingkatkan sama ada kepada 50% ataupun 60% bagi memudahkan atau melonggarkan chain listing requirement ini supaya kita dapat menggalakkan pasaran kita dengan cara yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya membangkitkan satu perkara lagi iaitu mengenai over the counter dan the Malaysian Exchange of Securities Dealing and Automated Quotation Berhad (MESDAQ) dan di dalam pindaan ini pun ada menyebutkan mengenai MESDAQ untuk menggalakkan perniagaan, stok dari pasaran yang membangun dan untuk menggalakkan syarikat-syarikat berteknologi tinggi dan juga lembaga korporat.

Tuan Yang di-Pertua, konsep MESDAQ ini memang satu konsep yang baru dilaksanakan dipasaran saham kita dan saya hendak mengetahui setakat mana kita dapat berjaya untuk mengadakan alternatif ini untuk membolehkan struktur pasaran kita yang lebih efektif dan untuk memudahkan penghargaan ekuiti dan over the counter (OTC) akan memberikan satu kerangka yang sesuai bagi perniagaan fixed income product.

Tuan Yang di-Pertua, MESDAQ ini memang satu bursa yang baru untuk pertumbuhan yang lebih pesat dan untuk syarikat-syarikat berteknologi tinggi sebagai satu alat yang penting di dalam untuk kita menyiapkan Malaysia bagi menjelang abad

21. Bila kita melonjak ke abad 21, memang kita berharap MESDAQ boleh berfungsi dengan baik. Walaupun Yang Berhormat pokok angana tidak begitu berminat, tetapi mahu tidak mahu beliau hendak menyedari bahawa MESDAQ adalah satu alat yang penting untuk memajukan pasaran modal Malaysia. Walaupun pokok angana tidak begitu berminat, saya berharap semua Ahli Parlimen akan berminat ke atas hal seumpama ini.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Boring!

Dr. Tan Seng Giaw: Mana boring, MESDAQ tidak boring, yang boring pokok angana yang tidak mengambil pusing mengenai masalah yang dihadapi oleh negara sekarang ini. Dan ada banyak perkara lagi untuk kita membincangkan bagi kita bersama-sama memperbaiki keadaan Suruhanjaya Sekuriti dan juga pasaran BSKL.

Tuan Yang di-Pertua, yang hendak saya tekankan di sini bahawa mengenai dana dan dengan Security Clearing Automated Network Services Sendirian Berhad (SCANS), KLSE/SCANS. BSKL sudah menubuhkan satu dana RM500 juta bagi memberi bantuan kepada syarikat-syarikat supaya kita boleh elakkan risiko systemic. Jangan kata boring lagi Ahli Yang Berhormat pokok angana. Risiko systemic ini memang kita mesti faham kerana ini merupakan satu risiko yang boleh menimbulkan peristiwa yang tidak baik, yang akan melumpuh pasaran, sekiranya berlaku ada syarikat yang tidak mampu membayar, ada syarikat yang tidak beramanah dan dengan kejadian ini boleh mengakibatkan banyak syarikat yang terlibat dan akan meruntuhkan pasaran. Ini systemic risk dan dana RM500 juta ini, yang pertama adakah itu jumlah yang cukup. Yang kedua, ketika krisis keyakinan ini adakah dana ini dilaksanakan, ini memang penting kerana kita dengar ada dana SCANS dan kemudian ada dengar satu lagi dana RM60 bilion.

Jadi, saya pun bingung juga, satu dana RM500 juta dan kemudian satu dana lagi dengan ditubuhkan dengan tergesa-gesa, dengan terburu-buru dan dana ini RM60 bilion untuk saham-saham dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah maksud dana RM60 bilion ini, mana tahu. Pokok angana memang tak tahu, kacau dia tahu.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak terang apa pula, kita ada dua jenis dana, dana SCANS dan sekarang ada dana RM60 bilion. Apakah maksudnya, saya dengar satu, dua kali yang disiarkan di dalam media massa, tetapi sekarang senyap sahaja, apakah dana RM60 bilion ini, sebab saya sebutkan hal ini kita sebutkan dana RM60 bilion, bolehkah kita memelihara BSKL dengan dana seumpama ini dan mengapa dengan pengumuman dana RM60 bilion ini dunia tidak mempercayai kita, tidak dapat memulihkan, tidak dapat memugarkan keyakinan di negara kita dan Parit yang sulong walaupun tidak berminat dengan dana-dana seumpama ini kita mesti faham di dalam usaha kita untuk mewujudkan contingency plan menyelamatkan BSKL, menyelamatkan mata wang kita, kita jangan keluarkan kenyataan yang tidak mempunyai pertimbangan yang sedalam-dalamnya seumpama dana SCANS RM500 juta dan kemudian dana RM60 bilion, tetapi dunia luar tidak mempercayai kepada pengumuman seumpama ini. Ini memang saya berpendapat kalau kita berbuat demikian, kita tidak akan memulihkan keadaan di BSKL dan juga keadaan kejatuhan mata wang Malaysia ini dan bagi kita untuk memulihkan keyakinan kepada pasaran kita, kita mesti mengambil langkah yang tegas dan berani.

Di sini saya hendak menekankan di salah satu merit, satu kelebihan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah kerana dia berani membuat keputusan dan ada ketikanya bila Yang Amat Berhormat membuat keputusan yang berani memang mendatangkan kesan yang baik dan sekarang saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan mesti membuat keputusan yang berani untuk memulihkan keadaan, termasuk yang saya sebutkan tadi, saya ulangkan sekali lagi, kita umumkan

syarikat-syarikat yang menghadapi kesusahan sekarang, butiran syarikat-syarikat ini diumumkan di dalam BSKL, umumkan dengan berani, itulah yang kita hadapi dan cara-cara untuk membaikinya.

Dan di sini saya hendak menekankan memang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah mengumumkan supaya kita jangan bail up, menyelamatkan syarikat-syarikat yang tidak mempunyai kemampuan. Kita jangan menyelamatkan syarikat-syarikat seumpama ini kerana mereka menjadi high flyer, tidak mempunyai asas, ada kalanya tidak mempunyai kebolehan, kemampuan dan melalui faktor-faktor yang tertentu termasuk faktor politik, jalan belakang termasuk pokok angsana jalan belakang [Ketawa] dengan jalan belakang ini mereka yang tidak mampu, tidak berkebolehan, tidak layak dapat menubuh syarikat-syarikat yang pada zahirnya syarikat raksaksa tetapi apabila kita menghadapi krisis keyakinan, syarikat ini muflis.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Pokok Sena bangun. Yang ke berapa Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: 35(6), dia kepentingan diri, dia suruh kita isytihar syarikat-syarikat yang rugi dan dia akan beli syarikat yang untung - kepentingan diri itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sebenarnya Yang Berhormat, saya rasa 35(6) ini tidak kena, tetapi saya dengar tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong, walaupun bergurau tetapi tak elok juga kalau Yang Berhormat seolah-olah menyarankan bahawa Pokok Sena ini, dia ini pakai pintu belakang. Saya rasa itu patut dielakkan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ah, saya elakkan.

Seorang Ahli: Tarik balik.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana tarik balik pula? Apa fasal hendak tarik balik, ada orang yang jalan pintu belakang.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [Menyampuk] [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Dan bagi orang-orang yang tidak mempunyai kebolehan, kemampuan, yang gunakan cara-cara yang sumbang, cara-cara songsang, kita mesti jangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyelamatkan mereka, biarkan mereka muflis kerana orang seperti ini kita tidak mahu, kita mahu usahawan, kita mahu orang yang berkebolehan untuk muncul sebagai usahawan di negara ini untuk menubuhkan syarikat-syarikat yang kuat, yang boleh maju dan boleh menghadapi segala krisis keyakinan, boleh menghadapi pergolakan ekonomi, boleh menghadapi pancaroba supaya negara ini kita memang galakkan semua usahawan tanpa mengira penurunan sama ada Rompin boleh dikategorikan kepada usahawan yang berkebolehan, saya pun tidak dapat menentukan sekarang.

Saya berharap beliau boleh tergolong di dalam golongan yang mampu. Saya berharap!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengakhiri ucapan saya ...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Dengan kacau itu saya tukarlah keputusannya, sudah ubah, tak akan berhenti dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat sudah ambil masa sekian lama walaupun saya tidak hadkan masa.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, tadi sebelum dia bangun, pada mula dia bangun tadi, saya telah kata, dia akan cakap sama dengan Kota Melaka. Jadi, Tuan Yang di-Pertua tadi tak ada, semasa Tan Sri jadi pengerusi tadi. Dia cakap perkara yang sama dengan Kota Melaka lebih kurang sahaja, elok berhenti sebab isteri dia dok tunggu di luar itu, lama dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sebelum seseorang Ahli itu berucap, manalah kita tahu sama ada dia hendak cakap apa.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengakhiri ucapan saya sekarang, sungguhpun begitu saya akan menekankan sekali lagi bahawa sambil kita menggalakkan usahawan-usahawan yang tulen untuk maju di negara ini, kita jangan menyelamatkan orang-orang yang tidak mampu, yang menubuhkan syarikat-syarikat yang berniaga secara songsang, mereka ini mesti kita biarkan muflis sahaja, sebab dengan cara yang demikian, kita dapat mengukuhkan ekonomi kita.

Akhir sekali, saya berpendapat cara untuk menyelamatkan kita dari krisis keyakinan ini ialah bukan sahaja untuk mengambil langkah yang berani, untuk mengurangkan defisit akuan semasa, bahkan juga langkah-langkah kewangan yang lebih tegas, yang lebih dahsyat, yang lebih berkesan termasuk cara-cara yang berani di dalam mencegah segala aktiviti-aktiviti yang tidak diinginkan di BSKL. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tanjong. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

9.15 mlm.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kesal bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tidak memenuhi satu janji yang solemn yang dibuat oleh rakannya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada hari Khamis bahawa pada masa membentangkan Rang Undang-undang Industri Keselamatan dalam Dewan yang mulia ini perkara-perkara yang dibangkitkan khasnya mengenai deal UEM-Renong akan diberi jawapan.

Tadi apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan rang undang-undang ini, langsung tidak ada menyebut apa-apa perkara untuk menjelaskan kedudukan deal UEM-Renong yang menjadi satu malapetaka yang terbesar, malapetaka corporate yang terbesar dalam krisis ekonomi lima bulan ini yang menyebabkan kejatuhan Bursa Saham Kuala Lumpur sebanyak 19.58%, KLSE Composite Index yang jatuh dari 667.29 mata ke 536 point

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong hendak ulang apa yang telah dibangkitkan pada mesyuarat yang lalu, saya minta kalau dapat elakkan oleh kerana saya telah siap sedia untuk jawapan bagi hujah-hujah yang telah dibangkitkan pada masa dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya dengar, sebab itu ada satu janji yang solemn yang ada dibuat bahawa apa saya bangkit akan dijawab dalam pembentangan rang undang-undang ini oleh kerana kita mahu tahu sama ada jawapan itu memuaskan dan

kalau tidak memuaskan kita mahu boleh ada peluang untuk meminta penjelasan yang lanjut.

Dato Wong See Wah: Sama-sama.

Tuan Lim Kit Siang: Sama-sama, ya kita tunggu, tetapi ini satu jaminan yang dibuat di dalam Dewan yang mulia ini, kita tunggu, kenapa? Yang Berhormat Timbalan Menteri kata nantilah. Tetapi itu hal yang lain, promise made last Thursday, kita tunggu, tetapi tidak dan sungguhpun ini adalah isu yang sangat pokok khususnya dalam krisis corporate, krisis ekonomi, kewangan di tanah air kita.

Dan kita mahu tahu sebenarnya kenapa merupakan satu cover up dan kita harap bahawa dalam masa menggulung Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberi jawapan yang tepat, yang memuaskan mengenai deal UEM-Renong.

Yang pertama, sama ada deal UEM-Renong yang belanja RM2.34 bilion ini ialah sebenarnya satu bail out untuk Tan Sri Halim Saad, untuk pembelian National Steal Cooperation daripada Wintek Holdings Berhad bernilai US\$800 juta melalui proksinya Abdul Rashid Manaf, melalui syarikat shellnya yang diasaskan di Hong Kong, Hoptic Investment Limited dan untuk mengambil alih liabiliti-liabiliti yang lain dan sama ada bahawa empat bank Maybank, Rashid Hussin Bank, Bank Bumiputra dan Bank of Commerce bersama-sama berkongsi untuk bertanggungjawab memberi satu syndicated loan US\$800 juta kepada Abdul Rashid Manaf di bulan Disember tahun lalu yang dijamin oleh Tan Sri Halim Saad menggunakan saham-saham Renong kesemuanya.

Ketiga, sama ada keempat-empat bank ini sudah melanggar peraturan-peraturan mengenai single customer limit di mana dan saya difahami untuk Maybank single customer limit ialah RM450 juta untuk Bank Bumiputra dan Rashid Hussin Bank ialah RM250 juta dan untuk Bank of Commerce single customer limit ialah RM150 juta dan semua ini dilampaui oleh keempat-empat bank apabila mereka memberi pinjaman kepada Abdul Rashid Manaf, satu bank US\$200 juta ialah masa Disember tahun lalu RM500 juta.

Keempat, sama ada benar bahawa UEM-Renong deal ini dipaksakan oleh kerana kejatuhan yang drastik harga saham-saham Renong yang digunakan sebagai collateral oleh Halim Saad sebagai jaminan peribadi untuk pinjaman US\$800 juta dan di bulan Januari harga saham Renong ialah RM4.58 yang sudah jatuh kepada RM2.90 setiap saham pada 17 November ialah tarikh pengumuman deal UEM-Renong, satu kejatuhan 36.8% dan kalau collateral saham-saham Renong untuk jaminan penjamin ini dikira, kejatuhan ini perlu di top up 37% daripada US\$800 juta loan, ini bererti US\$300 juta dan pada kadar nilai pertukaran terkini ialah lebih atau masa 17 November lebih daripada RM1 bilion.

Kelima, sama ada keempat-empat bank ini adalah bertanggungjawab bersama untuk memberi RM2.34 bilion kepada UEM untuk membeli 32.6% saham Renong, kenapa keempat-empat bank ini lagi terlibat.

Keenam, sama ada benar bahawa Abdul Rashid Manaf seorang peguam yang praktis di Kuala Lumpur di mana pinjaman US\$800 juta diberikan tidak ada credit worthiness untuk satu pinjaman yang raksaksa.

Ketujuh, sama ada Halim Saad sebenarnya beneficial owner kepada 32.6% stake dalam Renong yang dibeli oleh UEM daripada lapan nominees yang mengikut borang 29A yang bertarikh 26 November yang diberi kepada Renong, salinan diberi kepada KLSE yang dilaporkan dalam *Sun* pada 29 November 1997, UEM beli eight tranches saham Renong yang didaftarkan di bawah various holders yang sejumlah 722.883 juta saham pada 17 November, tranch yang pertama ialah 340.2 juta saham di daftar di bawah nama VOC Nominees (Tempatan) Sendirian Berhad, tranch kedua - 285.715 juta saham di daftar nama HLB Nominees (Tempatan) Sendirian Berhad, tranch ketiga di bawah Rashid dan Lee Nominees (Tempatan) Sendirian Berhad.

Rashid dan Lee Nominees Tempatan Sendirian Berhad ialah syarikat Abdul Rashid Manaf untuk 67.407 juta saham dan bahagian-bahagian yang lain ialah 18.06 juta saham ialah nama Lintasan Savana Sendirian Berhad, 9 juta saham RHB Nominees, 1.5 juta saham Multi Purpose Bank Nominees, 1 juta saham VHLB Nominees dan 5 juta saham di daftar nama Pengkalan Nominees (Tempatan) Sendirian Berhad.

Kelapan, sama ada kalau Halim Saad ialah beneficial owner lapan tranch saham-saham Renong yang berjumlah 772.883 juta saham, sama ada beliau sudah membuat kesalahan di bawah Akta Syarikat, oleh kerana tidak fail satu pengisytiharan dan pun kesalahan di bawah Code on Takeovers and Merger oleh kerana gagal untuk memberi satu mandatori general offer kepada semua pemegang-pemegang saham minoriti oleh kerana dengan 23.3% personal stake dalam Renong yang beliau sendiri mengakui dalam satu press conference 19 November, beliau sudah memiliki 55.9% saham Renong ialah lebih dari 33% trigger point.

Kesembilan, kerajaan menyeru bank-bank supaya prudent, supaya boleh takeover krisis banking dengan memberi keutamaan, memberi kredit kepada peminjam-peminjam yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan produktif semacam dalam bidang high technology, semacam industri-industri yang boleh dapat foreign exchange earning, semacam pelancongan atau sektor eksport oriented dalam ekonomi kita, kalau begitu bagaimana US\$800 juta loan boleh diberi untuk membeli satu syarikat asing atau baru-baru ini kenapa RM2.4 bilion boleh diberikan untuk UEM mengambil alih 32.6% stake dalam Renong daripada lapan syarikat nominees, adakah ini boleh dikategorikan sebagai prudential loan.

Kesepuluh, kalau keempat-empat bank sudah melanggar single customer limit, oleh kerana memberi mega loans yang melanggar garis panduan kerajaan mengenai pinjaman bank-bank, apakah magnitude masalah mega loans yang tidak produktif dalam sektor perbankan dan kewangan di tanah air kita.

Parlimen ada hak untuk tahu, rakyat ada hak untuk tahu segala jawapan kepada sepuluh soalan ini mengenai deal UEM-Renong dan kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri lagi tidak mengotai janji yang dibuat oleh rakannya dan tidak boleh untuk memberi satu jawapan yang memuaskan, adalah satu siasatan terbuka, public enquiry supaya memastikan sama ada dalam UEM-Renong deal sudah ada kesalahan yang dibuat ada melanggar Banking and Financial Institution Act (BAFIA) atau melanggar Akta Syarikat atau melanggar Securities Industries Act dan guideline, kod-kod yang lain. UEM-Renong deal ini menjadi satu test case, sama ada kerajaan sebenarnya ada kemahuan, ada will untuk membersihkan segala penyelewengan (malpractices) dalam sektor korporat khususnya termasuk dalam sektor perbankan dan kewangan atau dan sama ada ketelusan akauntabiliti akan terus menjadi masalah besar di sektor corporate dan banking.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dalam barisan depan di dunia untuk mengutuk rogue speculators, manipulators dalam pasaran modal antarabangsa sebagai immoral, tindakan yang immoral yang memusnahkan mata wang dan ekonomi negara-negara kecil dan negara-negara membangun, tetapi nampaknya kerajaan enggan untuk mengambil tindakan atau tidak menunjuk keprihatinan pun mengenai tindakan yang dibuat oleh corporate, orang-orang, figure corporate yang begitu tidak berprinsip, yang menyalahgunakan inside information atau menggunakan hubungan mereka dengan mereka yang berkuasa untuk memanipulasikan KLSE untuk profiteer dan memangsakan, mengorbankan kepentingan pelabur-pelabur kecil.

Kalau kita serius dan kita tidak patut ada double standard yang kita mahu mengutuk manipulators di pasaran mata wang, walhal kita menutup mata mengenai manipulator dalam pasaran saham Kuala Lumpur.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hari sudah suntuk Yang Berhormat. Yang Berhormat diminta sambung esok.

Tuan Lim Kit Siang: Sambung esok. Ya, thank you. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam.